

**PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN  
PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK  
DI KOTA BHARU, KELANTAN**

**NIK NORAZMALINDA BINTI ABD AZIZ**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN  
PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK  
DI KOTA BHARU, KELANTAN**

**NIK NORAZMALINDA BINTI ABD AZIZ**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN  
PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK  
DI KOTA BHARU, KELANTAN**

**NIK NORAZMALINDA BINTI ABD AZIZ**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## ABSTRAK

Kajian ini mengenai cara pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha batik di Kota Bharu Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha batik samada dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) atau diagihkan terus kepada *asnaf*. Metode kajian yang digunakan ialah metode dokumentasi, soal-selidik, pemerhatian dan temubual. Data-data kualitatif dan kuantitatif ini kemudiannya dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif bagi mendapat kesimpulan berkenaan cara pembayaran zakat dalam kalangan pembatik. Hasil kajian mendapati bahawa jumlah zakat pembatik yang berjaya dipungut oleh pihak MAIK adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan jumlah keuntungan batik yang diperolehi oleh pembatik.

## **ABSTRACT**

This research emphasizes on alms payment among batik entrepreneurs at Kota Bharu Kelantan. The aim of this research is to analyze the alms payment among batik entrepreneurs either paying through MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan) or paying by directly to the asnaf (alms receiver). The methods used were collecting related information, documentation method, survey, observation and data via interviews. All of the quantitative and qualitative data are analyzed inductively, deductively and comparatively in order to investigate the alms payment among batik entrepreneurs. The result shows that the alms of batik collection by MAIK is low compare with the amount of profit in batik entrepreneurs.

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah (s.w.t) Tuhan semesta alam, selawat dan salam diucapkan ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w), semulia-mulia nabi dan rasul, ahli keluarganya dan para sahabatnya sekalian.

Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Luqman bin Abdullah di atas segala pandangan, bantuan dan tunjuk ajar yang telah disumbangkan sepanjang tempoh penyeliaan disertasi ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang akan membalas budi dan jasanya dengan sebaik-baiknya. Penulis juga mengalungkan jutaan penghargaan kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Prof. Madya Dr. Abd. Karim bin Ali kerana banyak membantu, memberi dorongan dan semangat serta mempermudah segala urusan biroksi pentadbiran yang terpaksa saya hadapi di dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Istimewa buat suami tercinta, Mohamad Zabedi Abd Samad, jambangan bunga kasih sayang dipersembahkan atas kesabaran dan perhatian yang mendorong penulis terus menimba ilmu pengetahuan. Tidak dilupakan kepada kedua anakanda tersayang Nik Mohamad Aqil Akasyah dan Nik Mohamad Fairuz Addailami yang membawa sinar kehidupan dan kebahagiaan. Khusus untuk ayahanda, Abd. Aziz bin Ismail dan bonda tercinta Raja Aminah binti Raja Ibrahim di atas pengorbanan wang dan tenaga, keikhlasan dan pembakar semangat dalam memberi sokongan dan motivasi kepada penulis untuk mengharungi segala cabaran dan karenah di dalam menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga, penulis merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada adinda Nik Noraziati dan Nik Mohd Hafiszullah di atas segala bantuan dan sokongan serta keprihatinan yang telah diberikan oleh mereka kepada penulis.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya khususnya para pensyarah di atas segala ilmu yang dicurahkan dan segala bantuan yang telah diberikan. Terima Kasih juga kepada pihak pegawai zakat di negeri Kelantan terutamanya Murtadha yang telah sudi dan meluangkan masa untuk ditemuramah oleh penulis dan memberikan maklumat-maklumat berharga untuk diadaptasikan di dalam disertasi penulis.

Begitu juga, penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak pembatik Kelantan dan juga kepada Syarikat Nordin Batik, Razali Batik, Kamaliah Batik, Hanafi Batik, Aziz Batik, Maskamal Batik, Lizza Creation, Rasyidah Batik, Samasa Batik, Mohd Yunus Batik, Nadia collection, Dagang Batikraf, Rnz Batik Tradikraf, Batik Mas, Adik Batik di atas kesudian meluangkan sedikit masa untuk ditemuramah dan memberikan banyak maklumat kepada penulis yang diperlukan di dalam menyiapkan disertasi ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Perpustakaan Az-Zahra iaitu perpustakaan Islam di negeri Kelantan, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan KUIS (Kolej Universiti Islam Selangor), Perpustakaan Institut Perguruan Kota Bharu,

Perpustakaan Awam serta Perpustakaan MAIK di Kelantan dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM.

Akhirnya, penulis mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekerja di SK padang Kala, Melor yang telah memberi apa saja bantuan dan sokongan moral. Penulis berdoa agar Allah s.w.t melimpahkan segala rahmat, pahala dan ganjaran yang setimpalnya buat mereka semua.

Semoga usaha yang sedikit ini akan mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah (s.w.t) jua.

**Nik Norazmalinda binti Abd Aziz.**  
**Jabatan Fiqh Dan Usul,**  
**Akademi Pengajian Islam,**  
**Universiti Malaya,**  
**Kuala Lumpur.**

**Lot 1754,Kg.Beris Arab,**  
**Kedai Lalat,**  
**16150 Kota Bharu,**  
**Kelantan.**  
**Tarikh : 16 Jun 2010**



## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
Halaman Hadapan	i
Halaman Judul	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	x
Senarai Graf	xii
Senarai Kependekan	xiv
Panduan Transliterasi	xv
Senarai Lampiran	xvii

### **BAB PERTAMA : PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.3	Masalah Kajian	4
1.4	Objektif	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Sorotan Literature	7
1.8	Metodologi Kajian	16
1.9	Kesimpulan	22

### **BAB KEDUA : KONSEP ZAKAT PERNIAGAAN**

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Definisi	23
2.3	Dalil Wajib Zakat Perniagaan	29
2.4	Syarat-Syarat Wajib Zakat Harta Perniagaan	32
2.5	Kaedah Dan Cara Pengiraan Zakat Perniagaan Oleh MAIK Di Kelantan	42

### **BAB KETIGA : INDUSTRI BATIK DI KELANTAN**

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Sejarah Industri Batik di Kelantan	46
3.3	Perkembangan Terkini Industri Batik	47
3.4	Kategori Syarikat Besar	48
3.5	Kategori Syarikat Sederhana	57
3.6	Kategori Syarikat Kecil	62
3.7	Kesimpulan	64

### **BAB KEEMPAT : PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN PEMBATIK DI KOTA BHARU**

4.1	Pendahuluan	67
4.2	Bentuk-Bentuk Zakat Yang Dikeluarkan	67
4.3	Standart Harga Zakat	69
4.4	Perbandingan Jumlah Pembayaran Zakat Oleh Pengusaha Batik	88
4.5	Faktor Perbezaan Jumlah Pembayaran Zakat	90
4.6	Kaedah Pembayaran Zakat	91
4.7	Kesimpulan	98

### **BAB KELIMA : HASIL KAJIAN DAN SARANAN**

5.1	Pendahuluan	100
5.2	Hasil Kajian Yang Diperolehi	101
5.3	Saranan Penulis Terhadap Pembatik Dan MAIK	105
5.4	Peranan Yang Perlu Dilaksanakan Oleh Semua Pihak	107
	Kesimpulan	110

<b>BIBLIOGRAFI</b>	112
--------------------	-----

LAMPIRAN A (GAMBAR PEMBATIK)

LAMPIRAN B (SOALAN TEMUBUAL)

LAMPIRAN C (DATA SSM BERKAITAN SYARIKAT PEMBATIK)

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd	70
4.2	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Razali Batik Sdn.Bhd	71
4.3	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Kamaliah Batik Sdn.Bhd	72
4.4	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Samasa Batik Sdn.Bhd	73
4.5	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Hanafi Batik Sdn.Bhd	74
4.6	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Mohd Yunus Batik .	77
4.7	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Nadia Batik Sdn.Bhd	78
4.8	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Dagang Batikraf.	79
4.9	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Aziz Batik.	80
4.10	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Lizza Creation.	81

4.11	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Maskamal Batik.	81
4.12	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat RNZ Batik Tradikraf.	82
4.13	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif.	85
4.14	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Batik Mas	86
4.15	Kadar Zakat Yang Telah DiBayar Oleh Syarikat Adik Batik.	86
4.17	Perbandingan Jumlah Pembayaran Zakat Syarikat Pembatik Secara Keseluruhan.	89

## SENARAI GRAF

NO. GRAF	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Zakat Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Besar.	75
4.2	Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Besar.	76
4.3	Zakat Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Sederhana.	83
4.4	Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Sederhana.	84
4.5	Zakat Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Kecil.	87

4.6	Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan Yang DiBayar Oleh Pembatik Secara Keseluruhan Dari Tahun 2004-2008 Kategori Syarikat Sederhana.	88
4.7	Cara Pembayaran Zakat	92

## SENARAI KEPENDEKAN

<b>Bil.</b>	Bilangan
<b>c.</b>	Cetakan
<b>Dr.</b>	Doktor
<b>ed.</b>	Edisi
<b>hlm.</b>	Halaman
<b><i>ibid.</i></b>	Bahasa Latin, <i>Ibidem</i> iaitu rujukan pada tempat, buku, fasal yang sama dengan sebelumnya.
<b>Jil.</b>	Jilid
<b>lwn</b>	Lawan
<b>MAIK</b>	Majlis Agama Islam Kelantan
<b>No.</b>	Nombor
<b><i>op. cit</i></b>	Bahasa Latin, <i>opera citato, in the world cited</i> , iaitu jujukan dan buku yang telah diselangi oleh rujukan lain.
<b>S.A.W</b>	<i>Sallallahu 'alaihi wasallam</i>
<b>t.t</b>	Tiada tarikh
<b>terj.</b>	Terjemahan
<b>Vol.</b>	<i>Volume</i>
<b>Bhd</b>	Berhad
<b>Sdn</b>	Sendirian

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut<sup>1</sup> :

### i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>Alif</i>	a / '
ب	<i>Bā'</i>	B
ت	<i>Tā'</i>	T
ث	<i>thā'</i>	Th
ج	<i>Jīm</i>	J
ح	<i>Ḥā'</i>	<u>H</u>
خ	<i>Khā'</i>	Kh
د	<i>Dāl</i>	D
ذ	<i>Dhāl</i>	Dh
ر	<i>Rā'</i>	R
ز	<i>Zay</i>	Z
س	<i>Sīn</i>	S
ش	<i>Syīn</i>	Sy
ص	<i>Ṣād</i>	Ṣ
ض	<i>Ḍād</i>	Ḍ
ط	<i>Ṭā'</i>	Ṭ
ظ	<i>Zā'</i>	Ẓ
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>Ghayn</i>	Gh
ف	<i>Fā'</i>	F
ق	<i>Qāf</i>	Q

<sup>1</sup> Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. (2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



ك	<i>Kāf</i>	K
ل	<i>Lām</i>	L
م	<i>Mīm</i>	M
ن	<i>Nūn</i>	N
و	<i>Waw</i>	W
ه	<i>Hā'</i>	H
ي	<i>Yā'</i>	Y
ة	<i>tā' marbūṭah</i>	H

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	( <i>fathah</i> ) —	A
	( <i>ḍammah</i> ) —	U
	( <i>kasrah</i> ) —	I
Panjang	آ	Ā
	أُو	Ū
	إِي	Ī
Diftong	أَوْ	Aw
	أَيُّ	Ay
	يِي	iy/ī
	وَو	Uww

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN**

### **TAJUK**

- A      Gambar Penulis Bersama Pengusaha Batik  
         Semasa sesi temubual
  
- B      Soalan-soalan Temubual
  
- C      Data SSM berkaitan Syarikat Pembatik

**BAB**

**SATU**

## BAB 1:

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Batik merupakan satu bidang kraftangan yang unggul di Malaysia. Batik mula diperkenalkan di negara kita khususnya di negeri Kelantan sejak tahun 1910 lagi. Batik berasal dari Indonesia dan terbit dari perkataan Jawa 'tik' yang bermaksud menitik atau menulis titik-titik. Ambatik pula bermaksud melukis, menulis, mewarna atau menitik. Di alam Melayu, sejenis batik yang dipanggil Batik Pelangi telah diperkenalkan sejak tahun 1770-an lagi. Di Malaysia kebanyakan kilang perusahaan batik banyak terdapat di Kelantan dan Terengganu.<sup>2</sup>

Industri batik telah berkembang dengan pesatnya. Pada abad ke-15 Masihi pengusaha batik telah menemui kaedah pembuatan batik secara tradisional. Pada masa dahulu, pengusaha batik menggunakan ubi kentang sebagai alat pengecap tetapi kini kain batik telah diusahakan dengan menggunakan alat-alat moden.<sup>3</sup> Ini membuktikan bahawa industri batik telah berkembang seiring dengan arus permodenan yang berlaku memberi peluang kepada pengusaha batik untuk memperoleh pendapatan dan keuntungan yang lumayan.

Oleh itu, dengan pendapatan dan keuntungan yang lumayan, kajian berkaitan pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha industri batik adalah bertepatan untuk dibuat kajian. Ini kerana kewajipan membayar zakat merupakan rukun dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Pengeluaran zakat oleh

---

<sup>2</sup> Batik Malaysia, <http://malaysiana.pnm.my/04/0402batik.htm>, 27.Januari 2010.

<sup>3</sup> *Ibid.*

individu dan syarikat dapat menolong meringankan beban masyarakat yang hidup dalam kemiskinan.

Selain daripada itu, pengeluaran zakat dapat menggalakkan individu dan syarikat supaya sentiasa bersifat pemurah dengan menyumbangkan zakat sama ada berbentuk wang atau material mengikut kadar dan nisab barang dagangan yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, penulis merasakan kajian mengenai pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha batik perlu dilakukan. Ini kerana pendedahan terhadap pembayaran zakat oleh pengusaha batik di Kota Bharu tidak dibincangkan di dalam penulisan terdahulu. Apa yang dibincangkan hanyalah konsep zakat perniagaan itu sendiri. Justeru itu, penulis merasakan bahawa kajian ini wajar dilakukan untuk melihat sejauh manakah pembayaran zakat oleh pengusaha batik di Kelantan dapat direalisasikan pembayarannya mengikut saluran yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu membayar zakat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK).

Ini kerana, kalau ditinjau dari sudut masa depan batik, ketahanannya merentas masa adalah faktor yang akan meneruskan sejarah batik. Seninya akan hidup melewati usia industri dan peredaran dunia fesyen akan membawa batik popular kembali. Demikianlah, keperluan kepada pembayaran zakat oleh pengusaha batik agar berupaya meningkatkan status dan ekonomi umat Islam.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Di negeri Kelantan terdapat pelbagai jenis perindustrian yang kini telah berkembang dengan pesat. Antaranya ialah industri batik, industri farmaseutikal, industri pemakanan, industri perkayuan, industri laut dalam dan sebagainya.<sup>4</sup>

Industri batik merupakan industri yang dipilih oleh penulis untuk dibuat kajian memandangkan industri ini terkenal dan menjadi tarikan pelancong di negeri Kelantan dan Terengganu. Pada masa yang sama industri ini pada pandangan penulis mempunyai kaitan sejarah yang lama dengan negeri ini dan memudahkan penulis untuk membuat kajian terhadapnya.

Walau bagaimanapun, perkembangan industri batik ini wujudnya satu senario berkaitan dengan cara pembayaran zakat dalam kalangan pembatik di Kota Bharu yang menjadi pokok persoalan utama yang perlu dibincangkan di dalam penulisan ini. Konsep zakat perniagaan telah dibahaskan oleh beberapa tokoh ulama masa dahulu dan kini tetapi cara pembayaran zakat dalam kalangan pembatik belum ada satu kajian khusus mengenainya.

Kajian ini penting kerana penggunaan teknologi moden dan canggih dalam industri pembuatan batik telah lama berkembang di negara kita lalu mampu memberikan pulangan keuntungan yang tinggi kepada pengusahanya. Lantaran itu, wujudlah pelbagai perolehan zakat yang akan dibayar oleh pengusaha-pengusaha industri batik kepada pusat pungutan zakat dan juga asnaf zakat. Begitu juga dengan kadar jumlah yang perlu dibayar sudah pasti meningkat sejajar dengan perkembangan industri ini yang sedang berkembang dengan pesatnya.

---

<sup>4</sup> Industri Batik Kelantan, <http://www.pkink.gov.my/index.htm>, 28. Febuari 2010.

Walaupun industri ini telah lama berkembang, tetapi kebanyakan pembatik menolak untuk membayar zakat kepada pihak berkuasa dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah. Ada juga dalam kalangan pemilik industri batik membayar zakat secara terus kepada pihak-pihak tertentu seperti rumah anak yatim, fakir miskin dan sebagainya tanpa melalui saluran yang ditetapkan seperti membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Kelantan (MAIK). Oleh itu, perolehan zakat perindustrian batik sukar untuk dianalisis perolehannya setiap tahun.

Di samping itu juga, kesedaran dan pemahaman yang mendalam tentang konsep zakat industri penting kepada pemilik sesebuah industri batik, memandangkan majoriti pemilik industri batik adalah milik kaum Melayu dan menjadi aspek yang penting bagi memastikan teori dan pelaksanaan zakat dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah dan kerumitan yang timbul.

Oleh sebab itu, dirasakan perlu satu kajian yang khusus berkaitan cara pembayaran zakat batik untuk melihat pengusaha-pengusaha batik Kelantan khususnya di Bandar Kota Bharu, membayar zakat melalui MAIK atau secara terus kepada asnaf serta mengenalpasti perolehan zakat batik di negeri Kelantan supaya tidak merugikan masyarakat seluruhnya kerana ianya melibatkan kehidupan manusia agar suatu keputusan dibuat secara bijak dan menguntungkan semua pihak serta dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat di negeri Kelantan di samping membasmi kadar kemiskinan rakyat di Kelantan.

### **1.3 MASALAH KAJIAN**

Perkembangan industri batik semakin berkembang dengan pesatnya seiring dengan

perkembangan sains dan teknologi yang semakin berkembang dan canggih sekarang ini. Dengan ledakan perkembangan teknologi yang semakin pesat membangun menjadikan teknik pembuatan batik menggunakan pelbagai teknik moden telah digunakan seperti wax scanning, bahagian stensil dan teknik mewarna menggunakan pelbagai alatan canggih dan moden. Memandangkan bidang sains dan teknologi semakin berkembang ini akan memberi impak dan keuntungan yang besar kepada pembatik tetapi jumlah kutipan zakat dalam kalangan pembatik tidak mencapai tahap kutipan zakat yang sebenarnya jika dibandingkan dengan jumlah keuntungan yang tinggi diperolehi oleh pembatik.

Justeru itu, satu kajian khusus perlu dibuat bagi mengenalpasti cara pembayaran zakat yang dibuat oleh pembatik samada zakat dibayar mengikut saluran MAIK atau dibayar secara terus kepada asnaf, memandangkan impak dan keuntungan yang besar diperolehi oleh pembatik. Tanpa tindakan dan kajian ini akan merugikan masyarakat dan ekonomi umat Islam di dalam meninggikan taraf hidup masyarakat dan pembangunan umat Islam.

#### **1.4 OBJEKTIF**

1. Mengetahui pandangan ulama Islam dahulu dan sekarang berkaitan hukum zakat industri batik serta perbincangan pendapat berkaitan dengannya.
2. Menenalpasti sejauhmana zakat perindustrian batik diamalkan di Kelantan.
3. Mengkaji cara pembayaran zakat yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha batik di daerah Kota Bharu, Kelantan.



## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian yang dilakukan adalah berkaitan hukum pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kota Bharu, Kelantan. Ini kerana industri ini berkembang pesat di negeri Kelantan. Oleh itu, metode kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian perpustakaan, kajian lapangan dan metode analisis data. Kajian perpustakaan akan memfokuskan kepada kajian terhadap hukum zakat perniagaan dan kepelbagaian takrif zakat perniagaan.

Kajian lapangan pula akan mengkaji cara pembayaran zakat dalam kalangan pembatik di Kota Bharu, Kelantan yang melibatkan Syarikat Kategori Besar, Syarikat Kategori Sederhana dan Syarikat Kategori Kecil bermula tahun 2004-2008. Fokus penulis terhadap tahun 2004-2008 adalah kerana maklumat yang mudah, tepat dan terkini dapat diperolehi setakat tahun 2008 agar penulisan data-data yang diperolehi lebih efisien dan mantap dari sudut gaya penulisan ini.

Metode analisis data lebih fokus kepada analisis data-data yang diperolehi melalui tiga buah syarikat iaitu Syarikat Besar, Syarikat Sederhana dan Syarikat Kecil serta dalam perbandingan yang dibuat antara tahun 2004-2008 tentang pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha batik di Kota Bharu, Kelantan.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dikaji akan dapat memenuhi beberapa kepentingan, antaranya seperti:

1. Mengetengahkan cara pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan pembatik di Kota Bharu, Kelantan.

2. Memberi penekanan tentang tanggungjawab pembatik dalam menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas Islam di dalam mengeluarkan zakat perniagaan.
3. Mengkaji permasalahan yang timbul berkaitan cara pembayaran zakat dalam kalangan pembatik.

## 1.7 SOROTAN LITERATURE

Di dalam menjalankan penyelidikan ini, penulis meninjau beberapa hasil kajian terdahulu yang ditulis oleh ulama-ulama Islam yang membahaskan hukum berkaitan zakat. Setakat ini masih belum wujud satu kajian yang lengkap tentang pembayaran zakat dalam kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kota Bharu, Kelantan.

Secara umumnya, kajian yang berbentuk umum dan menyeluruh dan satu-satunya karya yang ditemui penulis ialah *Fiqh al-Zakāh* karya Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>5</sup>

Terdapat juga karya yang membincangkan tentang konsep zakat perniagaan serta syarat-syarat zakat perniagaan seperti *Hāsyiātān Qalyūbī Wā ‘Umayrah* oleh Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī<sup>6</sup>, *Mughnī al-Muḥtāj* oleh Muḥammad al-Khāṭib al-Syarbīnī<sup>7</sup>, *al-Muḥadhdhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī* oleh Ishāq al-Shirāzī<sup>8</sup>, *al-Fiqh al-Manhajī* oleh Muṣṭafā al-Khīn<sup>9</sup>, *Fatāwa Mu‘āsirah* oleh Yūsuf Al-Qaraḍāwī<sup>10</sup> serta *Fiqh al-Sunnah* oleh Sayyid Sābi<sup>11</sup>.

<sup>5</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Fiqh al-Zakāh*, Beirut : Mu’ assasah al-Risālah, , jil 1.

<sup>6</sup> Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī, (1995), *Hāsyiātānī Qalyūbī Wa ‘Umayrah*, Beirut: Dār al-Fikr, Juz 2, h 31.

<sup>7</sup> Muḥammad al-Khāṭib al-Syarbīnī, (1995), *Mughnī al- Muḥtāj*, Beirut: Dār al-Fikr, Juz 1, h 534.

<sup>8</sup> Ishāq al-Shirāzī , (1992), *al-Muḥadhdhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, Beirut: Dār al-Syāmīyah, Juz 1, h 523.

<sup>9</sup> Muṣṭafā al-Khīn, (2000), *al-Fiqh al-Manhajī* , Damsyik : Dār al-Qalam, Juz 1, h 286.

<sup>10</sup> Yūsof Al-Qaraḍāwī , (2001), *Fatāwa Mu‘āsirah* , Kaherah : Dār al-Qalam, Juz 1, h 280.

<sup>11</sup> Sayyid Sābi’, (1990), *Fiqh al-Sunnah* , Kāherah : Dār al-Fathi, Juz 1, h 247.

Karya khusus berhubung bentuk-bentuk harta zakat kontemporari seperti *Zakāh al-Ashum fī al-Syarikāt : Munāqasyah Ba'd al-Arā'at al-Hadīthah*, oleh Ḥasan ‘Abd Allah Amīn<sup>12</sup>, *Zakāh al-Musyarakāt fī al-Sanādiq wa Iṣḍārāt: Mabādī’ al-‘Ammah wa al-Taṭbīq* oleh ‘Izz al-Dīn Muḥammad Khujah<sup>13</sup> dan *Ṣuwar Min ‘Urūd al-Tijārah Mu’āsirah wa Ahkām al-Zakāh* oleh Wahbah Zuhaylī<sup>14</sup>

Pandangan Hamdi Rahman Mohd Yaacob dalam “Pengaruh persekitaran ekonomi dalam menentukan kaedah pemungutan dan pengagihan zakat”. Beliau membincangkan konsep harta zahir dan harta batin dari persepektif fiqh zakat. Menurut beliau harta zahir menjurus kepada harta yang jelas dapat diperhatikan pemilikannya dan tidak boleh disembunyikan oleh pemiliknya. Ianya terdiri daripada haiwan ternakan, tanaman dan buah-buahan serta harta galian. Sebaliknya harta batin ialah harta yang boleh disembunyikan dan terdiri daripada matawang dan barangan perniagaan<sup>15</sup>

Mengikut ‘Abbās Karārah di dalam kitab “*Zakāh Wa Dain ‘Alā Mazhab Arba’atun*” membahaskan zakat perniagaan wajib secara mutlak kepada seorang pedagang.<sup>16</sup> Begitu juga dengan pendapat Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyyah dalam bukunya yang bertajuk “*Halāt, Taṭbīqiyyah Fī Muḥāsabat al-Zākāh*” membahaskan hukum zakat perniagaan adalah wajib dan kadar zakat bagi sesuatu perniagaan adalah sebanyak 2.5% daripada modal bersih dan keuntungan yang didapati daripadanya.<sup>17</sup>

---

<sup>12</sup> Ḥasan ‘Abd Allah Amīn (1993), *Zakāh al-Ashum fī al-Syarikāt : Munāqasyah Ba'd al-Arā'at al-Hadīthah*, Jeddah: al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buhūth wa al-Tadrib.

<sup>13</sup> ‘Izz al-Dīn Muḥammad Khujah (1994) *Zakāh al-Musyarakāt fī al-Sanādiq wa Iṣḍārāt: Mabādī’ al-‘Ammah wa al-Taṭbīq*. Jeddah: t.p.,

<sup>14</sup> Wahbah Zuhaylī (1998), *Ṣuwar Min ‘Urūd al-Tijārah Mu’āsirah wa Ahkām al-Zakāh*. Dimasq: Dar al-Maktabi.

<sup>15</sup> Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2005), *Pengaruh Persekitaran Ekonomi dalam Menentukan Kaedah Pemungutan dan Pengagihan Zakat*, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>16</sup> ‘Abbās Karārah (1953), *Zakāh Wa Dain ‘Alā Mazhab Arba’atun*, Mesir: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 176

<sup>17</sup> Muhammad Kamal ‘Atīyah (1988), *Halāt, Taṭbīqiyyah Fī Muḥāsabat al-Zakāt*, Iskandariah: Dār al-Ma‘rif, Juz 1, h. 4.

Mamat bin Said<sup>18</sup> telah menulis tentang “Zakat Perniagaan : Satu Kajian di Lembaga Urusan Tabung Haji di Universiti Malaya” sebagai kajian diperingkat sarjana syariah di universiti Malaya. Beliau mengkaji pengendalian zakat perniagaan yang diuruskan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji. Dalam kajiannya, beliau fokuskan kepada pengendalian dan pentadbiran zakat perniagaan yang diuruskan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji yang merupakan badan korporat yang menjalankan perniagaan samada menurut Islam ataupun bukan berlandaskan syarak. Dalam penulisannya beliau menekankan konsep dan prinsip-prinsip utama yang perlu ada dalam menjalankan sesuatu perniagaan samada menurut Islam ataupun bukan hendaklah adanya kerelaan kedua-dua pihak dalam menjalankan perniagaan. Sekiranya kerelaan tidak wujud di antara kedua-dua pihak maka tidak wujud urusan perniagaan. Ciri-ciri sesuatu perniagaan adalah elemen yang cukup penting dalam mengenalpasti zakat dikeluarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada tahun 1995, Mujaini Tarimin telah menulis mengenai konsep “*Al-Māl al-Mustafāḍ* Dalam Syariah Islam : Satu Kajian Kes dan Perlaksanaannya di Wilayah Persekutuan.”<sup>19</sup> Kajiannya ini adalah di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Penulisan ini memberi kefahaman yang lebih menyeluruh tentang amalan berzakat khususnya mengenai sumber-sumber zakat. Semua pendapatan dan penghasilan yang halal dan bersih hendaklah dikenakan zakat apabila cukup haul dan nisabnya.

---

<sup>18</sup> Mamat Said (2001), “*Zakat Perniagaan : Satu Kajian di Luth*”, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya)

<sup>19</sup> Mujaini Tarimin (1995), “*Al-Māl al-Mustafāḍ Dalam Syariah Islam : Satu Kajian Kes dan Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan*” (Tesis Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Dalam kajiannya, beliau menyarankan agar sistem pentadbiran zakat dipertingkatkan pengurusannya agar lebih sistematik dan efisien penggunaannya sesuai dengan peredaran masa dan zaman sekarang ini.

Mazlia Aini binti Mat Taib<sup>20</sup> telah menulis tentang “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan di Selangor” sebagai kajian di peringkat Sarjana Syariah dan Undang-Undang di Universiti Malaya. Beliau mengkaji amalan zakat korporat perniagaan khususnya kepada badan-badan korporat seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Public Bank Berhad, Puncak Niaga Holdings Berhad dan Progressive Impact Corporation Berhad. Kajian ini difokuskan kepada cara pembayaran zakat oleh badan-badan korporat samada dibayar terus kepada fakir miskin atau dibayar kepada kerajaan. Penulis mendapati hasil kajian menunjukkan kesemua badan korporat mengambil inisiatif membuat bayaran zakat kepada pihak kerajaan.

Norazah binti Kosim<sup>21</sup> telah menulis tentang “Zakat Petroleum di Malaysia : Kajian Kes di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)” sebagai kajian di peringkat Sarjana Syariah di Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya. Beliau mengkaji tentang hukum zakat ke atas bahan galian secara umum dan zakat ke atas petroleum secara lebih khusus. Terdapat dua asas pengeluaran zakat petroleum yang telah dibincangkan iaitu kategori pertama perlu dikeluarkan zakat di atas nama zakat galian atau mata wang secara khusus dan kategori kedua ia perlu keluarkan zakat atas nama zakat perniagaan.

---

<sup>20</sup> Mazlia Aini Binti Mat Taib (2008), “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan di Selangor” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>21</sup> Norazah Kosim (2004), “Zakat Petroleum di Malaysia : Kajian Kes di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)” (Disertasi Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nasrul Hisyam Nor Muhamad<sup>22</sup> telah menulis tentang “Pengaruh pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam pentadbiran zakat di negeri Selangor”. Beliau mengkaji pengurusan zakat dari segi pungutan dan pengagihan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa serta menilai sejauhmanakah keberkesanan pentadbiran zakat di Selangor bagi mencapai objektif kutipan zakat sebenar di Selangor. Pandangan beliau terhadap zakat perniagaan merupakan zakat yang dikenakan ke atas keuntungan perniagaan beserta modalnya apabila cukup nisab diakhir haul sebanyak 2.5% sepertimana zakat ke atas wang. Beliau mengulas pandangan al-Qaradawi yang memilih pendapat Imām Mālik dan al-Syāfi‘ī yang menyatakan nisab tersebut sempurna pada akhir haul. Ini bermakna haul bermula dengan bermulanya perniagaan tersebut walaupun nisab belum mencukupi. Alasan mereka ialah kesukaran untuk melakukan penilaian terhadap barangan berkenaan pada setiap masa. Beliau telah menetapkan sempurna nisab sebagai syarat kepada bermulanya haul tidak mempunyai asas yang kukuh daripada nas-nas syarak. Dengan demikian, zakat dikeluarkan apabila sahaja nisab mencukupi pada akhir sesuatu haul.

Harta perniagaan yang perlu dizakatkan itu dinilai kesemuanya termasuk modal, keuntungan, simpanan samada yang berada di tangan atau di bank dan hutang yang berkemungkinan dibayar pada tempohnya. Kemudian ditolak hutang yang ditanggung oleh peniaga tersebut. Zakat yang perlu dibayar ialah 2.5 peratus daripada jumlah tadi. Perlu dijelaskan bahawa aset tetap seperti bangunan, perabot dan perkakas lain tidak termasuk dalam kiraan tadi. Apa yang jelas, al-Qaradāwī tidak membezakan peniaga harian atau peniaga rutin dengan peniaga spekulatif.

---

<sup>22</sup> Nasrul Hisyam Nor Muhammad (2004), “Pengaruh Pemikiran Yusuf Al-Qaradawi Dalam Pentadbiran Zakat di Negeri Selangor” (Disertasi Syariah dan Undang-undang, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kedua-dua jenis perniagaan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan kaedah pembayaran zakat perniagaan yang sama. Menurut beliau, asas kepada kewajipan zakat perniagaan ialah harta berkenaan telah diperniagakan tanpa mengira bentuk dan cara pengiraan itu dilakukan. Ia juga tidak tertakluk kepada perniagaan samada ianya mendatangkan keuntungan atau sebaliknya, selagi harta tersebut mencapai kadar nisab.

Terdapat beberapa pendapat di dalam kertas kerja seminar yang membahaskan berkaitan konsep zakat perniagaan. Abd. Rashid Mat Dail membincangkan ciri-ciri khusus zakat perniagaan. Zakat perniagaan dikenakan ke atas harta perniagaan yang bersih dan ia mempunyai tafsiran yang luas yang merangkumi modal dan keuntungan yang wujud dalam pelbagai bentuk barangan yang diperniagakan termasuk wang tunai. Ia merangkumi hutang pelanggan kepada perniagaan yang berkenaan dan tidak merangkumi hutangnya kepada mana-mana pelanggannya dan nisab hanya dikira diakhir haul sahaja iaitu nisab hanya dikehendaki wujud diakhir dua belas bulan hijrah.<sup>23</sup>

Manakala Mohamed Dahan bin Abdul Latiff membincangkan berkaitan “Konsep pengurusan zakat secara bersepadu”. Semua pungutan dan agihan zakat adalah dalam kuasa dan mengikut arahan Majlis. Dalam erti kata lain, sepadu diperingkat pengurusan, peringkat dasar dan dalam menentukan perkara penting adalah hak dan kuasa Majlis.<sup>24</sup>

Mengikut Ahmad bin Ibrahim harta syarikat adalah harta yang termasuk di dalam kategori harta yang diwajibkan zakat kerana mempunyai harta yang boleh dikembangkan dan dapat disempurnakan nisab dan ditentukan haulnya. Sesebuah syarikat perindustrian

---

<sup>23</sup> Abd. Rashid Mat Dail, (1988), “Konsep dan Perbezaan Kaedah Pengiraan Zakat Penggajian dan Perniagaan Bagi Individu dan Syarikat”, (Kertas Kerja Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Anjuran Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 28-29 Mac 1988), h. 22.

<sup>24</sup> Mohamed Dahan bin Abdul Latiff, (1992), “Pungutan Zakat Secara Bersepadu” (Kertas Kerja Seminar Pengurusan Zakat Peringkat Kebangsaan, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Negeri Kedah, 16 Februari 1992), h. 25

yang mengeluarkan barangan siap terdiri daripada pekerja-pekerja yang membeli bahan-bahan mentah kemudian diproses untuk dijadikan barangan separuh siap dan memerlukan bantuan kepakaran tukang kayu, tukang besi dan tukang cat. Syarikat yang menjalankan urusan ini zakatnya adalah 2.5% daripada nilai hartanya apabila cukup haul dan nisabnya.<sup>25</sup>

Mengikut ‘Abd Allah bin Ibrahim harta syarikat dikenakan zakat apabila cukup syarat-syarat zakat perniagaan kerana zakat bukan urusan peribadi tetapi ibadat jama’ah yang ada hubungkait dengan masyarakat yang wajib dilaksanakan bagi memenuhi masalah ummah dan kebajikan bersama.<sup>26</sup>

Manakala ‘Uthmān Muḥammadi menyaranan agar zakat diambil daripada pemilik harta seperti pemilik-pemilik lombong, ahli-ahli perniagaan yang menguruskan eksport dan import yang cukup syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat. Ini adalah bertujuan untuk meringan beban dan menyamaratakan pungutan zakat ke atas semua golongan agar bebanan berat dipikul bersama.<sup>27</sup>

Ahmad Hidayat Buang telah menulis dalam Jurnal Syariah mengenai “Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perpspektif Al-Quran dan Al-Sunnah”, Beliau mengkaji hukum membayar zakat kepada pemerintah. Beliau berpendapat bahawa zakat tersebut wajib dibayar kepada imam samada imam itu berlaku adil ataupun tidak. Ini berdasarkan pendapat Imām Shāfi‘ī (dalam fatwa qadim). Ulama bersepakat mengatakan bahawa harus bahkan afdal membuat bayaran zakat kepada pemerintah. Ibn ‘Umar sebagai contoh terus membayar zakatnya kepada pemerintah walaupun khalifah pada masa itu sudah lagi tidak berlaku adil. Begitu juga terdapat sebuah hadis riwayat ‘Abd

---

<sup>25</sup> Ahmad Ibrahim, (1988), “Penyelarasan Zakat Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Bebas Dalam Perundangan Cukai”, op.cit, h. 2.

<sup>26</sup> Abdullah bin Ibrahim, (1992), “Harta Yang Diwajibkan Zakat dan Pentafsirannya” ibid, h.3.

<sup>27</sup> Othman Muhammady, (1989), “Zakat, Konsep dan falsafah”(Kertas Kerja Seminar Zakat Peringkat Negeri Kelantan, Anjuran MAIK, Kelantan, 28 Oktober 1989), h 23.



Allah ibn ‘Abbas yang bermaksud : “ Semasa Rasulullah saw mengutuskan Mu‘adh bin Jabāl ke Yaman baginda berpesan kepadanya: Bahawa akan datang kepada kamu satu kaum dari ahli kitab, apabila mereka itu datang kepada kamu maka serulah mereka untuk menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Apabila mereka mentaati seruan itu maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah S.W.T telah memfardukan kepada mereka sedekah (zakat) yang diambil dari kalangan mereka yang kaya dan diberikan kepada kalangan mereka yang miskin” Hadis riwayat Muttafaq ‘Alayh. Para ulama berpendapat bahawa hadis di atas menunjukkan bahawa urusan pungutan zakat itu terletak di bawah tanggungjawab pemerintah.

Apabila zakat dibayar kepada pemerintah, tanggungjawab pembayar zakat sudah selesai dan ia tidak lagi dipersoalkan akan tanggungjawabnya. Konsep ini sama sahaja dengan pungutan cukai di mana tugas rakyat sudah selesai dengan pembayaran cukai tersebut. Di Malaysia pengurusan zakat terutama yang melibatkan kutipan dan perbelanjaan sering dipersoalkan oleh Masyarakat Islam sebagai satu pemberian yang berunsur kebajikan yang mana mereka berhak untuk mengetahui ke manakah perginya sumbangan mereka. Ini ditambah lagi dengan sikap prejudis masyarakat terhadap Jabatan Agama yang mereka anggap tidak mempunyai tahap profesionalisme yang sewajarnya bagi menguruskan hasil-hasil zakat sebaik mungkin.

Namun ini tidak memberi erti bahawa pihak pentadbir zakat boleh berbuat sesuka hati di dalam urusan kutipan dan agihan zakat kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dari pembayar zakat iaitu untuk mengagihkan zakat tersebut kepada mereka yang layak. Dengan perkataan yang lain, kedua-dua pihak iaitu pembayar dan pengurus zakat mempunyai tanggungjawab masing-masing supaya

nasihat dan menasihati kepada kebenaran dan kebaikan. Maka jika berlaku sebarang kelemahan dalam pengurusan zakat menjadi tanggungjawab semua untuk memperbaikinya.<sup>28</sup>

Manakala Mahmood Zuhi telah menulis dalam Jurnal Syariah mengenai “*Sumber-sumber zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia*”. Beliau mengkaji tentang sifat-sifat dan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat serta pandangan fuqaha tentang barang-barang perniagaan dan perusahaan.<sup>29</sup>

Walaupun sudah terdapat penyelidikan berkaitan dengan zakat perniagaan yang ditulis oleh Mazlia Aini binti Mat Taib, namun apa yang penulis dapati kajian beliau hanya bertumpu kepada amalan zakat korporat perniagaan khususnya badan-badan korporat seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Public Bank Berhad, Puncak Niaga Holdings Berhad dan Progressive Impact Corporation Berhad.

Justeru itu, sehingga kini belum terdapat penulisan berkaitan dengan pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan pembatik di Kota Bharu, Kelantan.

Oleh itu, satu kajian perlu dibuat untuk mengupas dan membahaskan lebih mendalam lagi berkaitan pembayaran zakat dalam kalangan pembatik di Kota Bharu, Kelantan agar dilaksanakan pembayaran zakat dengan lebih sistematik dan terancang serta bersesuaian dengan syariat Islam dan memenuhi tuntutan keadaan semasa. Selain daripada itu, penulis juga mencari langkah-langkah yang boleh menggalakkan syarikat-

---

<sup>28</sup> Ahmad Hidayat Buang, (2000), “Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah,” (Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2 Julai 2000), Jld 8, Bilangan 2.

<sup>29</sup> Mahmood Zuhi Ab. Majid, (1995), “Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia,” (Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1 Januari 1995), Jld 3, Bilangan 1.

syarikat pembatik mengeluarkan zakat mengikut saluran rasmi bertujuan untuk memartabatkan ekonomi umat Islam serta dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat Kelantan.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan utama dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan data dan fakta yang berkaitan secara sistematik dan kolektif. Apabila sesuatu kajian atau penyelidikan itu menggunakan metodologi yang tepat dan sesuai maka sebuah penyelidikan yang berkualiti dan bermutu akan dapat dihasilkan.

Penulis menggunakan tiga bentuk metodologi iaitu :

1. Kajian Perpustakaan
2. Kajian Lapangan
3. Metod Analisis Data

### **1.8.1 KAJIAN PERPUSTAKAAN**

Kajian ini bertujuan mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan dari perpustakaan di beberapa buah institusi pengajian tinggi. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan pengkaji ialah Perpustakaan Az-Zahra iaitu perpustakaan Islam di negeri Kelantan, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan KUIS (Kolej Universiti Islam Selangor), Perpustakaan Institut

Perguruan Kota Bharu, Perpustakaan Awam, Perpustakaan MAIK di Kelantan serta perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM.

Antara maklumat yang dapat dikumpulkan ialah berkaitan dengan konsep zakat perniagaan, pandangan ulama dahulu dan sekarang berkaitan konsep zakat perniagaan, dalil-dalil dan syarat-syarat zakat perniagaan serta munaqasyah pendapat yang mengukuhkan hukum zakat perniagaan batik.

Ini kerana kajian di peringkat awal banyak memerlukan fakta-fakta yang berbentuk teori berkaitan topik kajian. Penyelidik merujuk buku-buku, jurnal, tesis, disertasi, kertas projek, kertas kerja persidangan, majalah, risalah dan sebagainya dalam bahasa Arab dan Melayu.

## **1.8.2 KAJIAN LAPANGAN**

Penyelidikan lapangan adalah sumber utama yang digunakan bagi melengkapi kajian ilmiah ini. Kajian ini dilakukan bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan cara pembayaran zakat yang di bayar oleh pembatik, perkembangan syarikat-syarikat pembatik, jumlah kutipan zakat perniagaan, pengurusan dan pentadbiran zakat di Kelantan dan pembayaran yang diamalkan dan dilaksanakan di Kelantan serta masalah-masalah yang timbul berkaitan dengannya secara lebih terperinci.

### **1) METODE TEMUBUAL**

Temubual telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat secara langsung daripada beberapa Pusat Industri Batik Kelantan. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang zakat industri batik yang telah dijalankan.

Penulis menggunakan kaedah temubual berstruktur, di dalam temubual tersebut penyelidik mengemukakan soalan kepada responden mengikut susunan dalam panduan yang disediakan. Ini disebabkan dalam temubual berstruktur ini tumpuan penyelidik adalah pada keseragaman soalan dan jawapan selain dari maklumat yang diperlukan. Metode temubual ini dilakukan bermula dengan pembinaan soalan-soalan untuk temubual dan penentuan responden. Seterusnya analisis daripada penemuan itu dijadikan asas kepada penulisan-penulisan bab yang seterusnya.

Untuk mendapat maklumat, setiap responden yang terlibat dalam kajian ini telah dikunjungi di syarikat masing-masing. Penulis telah mengemukakan beberapa soalan temubual kepada responden. Bentuk temubual yang dibuat adalah melalui interaksi dua hala di antara dua pihak. Responden yang dipilih untuk ditemubual adalah dalam kalangan pengarah urusan yang mengetahui sejarah dan latarbelakang syarikat serta maklumat-maklumat yang berkaitan dengan syarikat.

Bagi mendapat maklumat berkaitan latarbelakang syarikat pembatik, keuntungan syarikat, cara pembayaran zakat yang telah dibuat serta maklumat-maklumat lain berkaitan syarikat, penulis telah menemubual 15 orang pembatik iaitu pengarah urusan Razali Batik Sdn. Bhd, Nordin Batik, Hanafi Batik, Kamaliah Batik, RNZ Batek Tradikraf, Samasa Batek Sdn.Bhd, Mohd Yunus Batik, Syarikat Batik Mas, Rashidah Batik Eksklusif, Dagang Batikraf, Lizza Creations, Nadia Batik, Mas Kamal Batik, pengarah urusan Adik Batik dan pengarah urusan Aziz Batik.

Penulis juga telah menemubual beberapa pegawai di Jabatan SSM iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat

berkaitan fakta-fakta dan sejarah penubuhan syarikat bagi setiap pembatik yang berdaftar dengan SSM.

Penulis telah menemubual beberapa tokoh yang terlibat diantaranya pegawai zakat di MAIK iaitu Murthada bin Abdullah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pentadbiran zakat di Kelantan.

## **2) METODE OBSERVASI**

Kaedah observasi ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam temubual dan soal selidik. Teknik observasi ini dilakukan melalui pemerhatian terhadap jualan dan promosi yang di buat serta pemerhatian terhadap pelbagai aspek tingkah laku dan reaksi pengusaha batik terhadap asnaf-asnaf yang datang memohon zakat serta keadaan syarikat dan suasana latarbelakang masyarakat sekeliling dikawasan pembatik kerana terdapat pembatik yang mengeluarkan zakat terhadap golongan masyarakat miskin yang tinggal berhampiran syarikatnya.

## **3) METODE HISTORIS**

Dalam konteks kajian ini, penulis membuat beberapa penelitian terhadap sejarah perkembangan batik di negeri Kelantan dan sejarah penubuhan syarikat-syarikat batik di negeri Kelantan. Penulis telah menggunakan metode historis dalam menulis sejarah dan perkembangan 15 buah syarikat pembatik yang terlibat yang semakin berkembang maju dan pesat membangun sehingga dapat diwarisi syarikat tersebut kepada pewaris masing-masing.

### **1.8.3 METODE ANALISA DATA**

Setelah data-data dikumpulkan, penulis akan menggunakan beberapa metode atau pola berfikir untuk menganalisa data-data tersebut, antara metode penganalisaan data yang digunakan ialah:

1. Metode Induktif
2. Metode Deduktif
3. Metode Komparatif

#### **1) METODE INDUKTIF**

Menganalisa data satu persatu dengan melihat sejauh mana ia dapat memberikan satu kesimpulan yang menyeluruh. Penulis membuat kesimpulan umum melalui beberapa contoh tertentu yang dikumpul daripada fakta-fakta yang khusus. Metode induktif konsepnya melalui beberapa contoh kepelbagaian jenis syarikat yang terdapat di Kelantan.

Contohnya didapati ketiga-tiga jenis syarikat yang terdapat di Kelantan iaitu Syarikat Kategori Besar, Syarikat Kategori Sederhana dan Syarikat Kategori Kecil diwajibkan mengeluarkan zakat perniagaan. Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab keempat.

#### **2) METODE DEDUKTIF**

Menganalisa data-data secara menyeluruh bagi mendapatkan keputusan yang bersifat khusus. Metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan bagi penulisan ini secara keseluruhannya.

Konsep metode ini didasarkan kepada analisa ke atas syarikat-syarikat yang membayar zakat perniagaan atau sebaliknya. Ini berdasarkan perolehan syarikat-syarikat, maka kesimpulan akan dibuat. Sebagai contoh, didapati tiga belas buah syarikat yang membuat pembayaran zakat perniagaan, maka satu kesimpulan secara deduktif dibuat bahawa masih terdapat syarikat yang membuat pembayaran zakat batik melalui saluran tidak rasmi tanpa menggunakan saluran rasmi yang ditetapkan iaitu membayarnya mengikut saluran MAIK. Metode ini banyak digunakan dalam penulisan bab ketiga dan kelima.

### **3 ) METODE KOMPARATIF**

Metode Komparatif ialah membuat perbandingan antara satu data dengan yang lain untuk menghasilkan satu kesimpulan yang seimbang dan jelas. Metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan antara data dan fakta yang diperoleh.

Penulis menggunakan metode ini dalam mencari kesimpulan dan kesahan berkaitan maklumat yang telah diperolehi daripada responden agar data-data yang dilaporkan itu menjadi suatu yang sah dan boleh dipercayai. Konsep metode ini adalah membandingkan sampel-sampel kutipan jenis-jenis zakat yang telah diselidiki, contohnya sampel-sampel zakat perniagaan bagi kategori Syarikat Besar, Syarikat Sederhana dan Syarikat Kecil akan dibandingkan dengan nisbah kadar zakat yang telah ditetapkan. Hasil perbandingan itu nanti akan memperlihatkan perolehan pencapaian zakat perniagaan sepenuhnya.



## 1.9 KESIMPULAN

Industri batik mempunyai banyak kepentingannya kepada individu, masyarakat, agama, negara dan bangsa. Ia akan membentuk individu dan masyarakat yang prihatin terhadap kewajipan membayar zakat dan seterusnya dapat memberi sumbangan penting kepada negara dalam bidang ekonomi dan industri.

Industri batik juga dapat memainkan peranan penting dalam menaikkan taraf ekonomi masyarakat di negeri Kelantan serta dapat membasmi kadar kemiskinan yang wujud serta mewujudkan masyarakat penyayang dan tolong-menolong antara satu sama lain di samping dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kewajipan zakat industri batik. Ia juga dapat meningkatkan imej negara Islam yang bersikap anjal dan sesuai pada setiap masa dan zaman dalam menghadapi isu semasa dalam era globalisasi. Masyarakat Islam pula ialah masyarakat yang sedia membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sekaligus mengangkat imej mereka pada mata masyarakat yang bukan Islam yang wujud di negara ini.

Kajian ini masih di peringkat permulaan, oleh itu hasil kajian ini masih belum diperoleh sepenuhnya. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan agar kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna dan akan memperoleh hasil serta tercapai objektifnya.

**BAB**

**DUA**

## **BAB 2 :**

### **KONSEP ZAKAT PERNIAGAAN**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, penulis akan membicarakan berkaitan dengan konsep zakat perniagaan mengikut pandangan ulama klasik dan kontemporari sebagai satu perbandingan. Metode yang digunakan oleh penulis dalam mengemukakan dua pandangan ini adalah metode kajian kepustakaan. Ia merangkumi perbincangan berkaitan syarat-syarat zakat perniagaan secara umum seperti berkembang, cukup nisab, cukup haul, bebas daripada hutang, memiliki secara sempurna, niat berniaga pada barang perniagaan dan pengambilan untung. Perbincangan ini adalah bagi menjelaskan konsep zakat perniagaan serta dibincangkan juga kaedah pengiraan zakat perniagaan oleh MAIK sebagai garis panduan yang digunakan oleh pembatik di dalam mengeluarkan zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya.

#### **2.2 DEFINISI**

‘Urūd’ merupakan istilah bahasa Arab bermaksud “barang-barang”. Manakala ‘urūd’ al-tijārah bermaksud “barang-barang perniagaan”. Manakala istilah ‘urūd’ pada pandangan Islam terbahagi kepada dua. Pertama ialah aset tetap (fixed assets) iaitu aset yang tidak bertujuan untuk dijual beli bahkan untuk digunakan oleh seseorang. Aset ini juga dikenali dalam pengurusan kewangan sebagai aset tetap. Ciri-ciri aset tetap ini dalam sudut ekonomi merangkumi barang keperluan, bangunan, peralatan, pengangkutan dan perabot.

Semua barang ini tidak wajib zakat. Kedua ialah aset perdagangan (*current assets*) iaitu barang yang diniatkan untuk diniagakan ketika memperoleh hak pemilikannya dengan cara pertukaran matawang.<sup>30</sup>

### 2.2.1 ‘URŪḌ’ DARI SEGI BAHASA

‘Urūḍ’ ialah semua harta benda dan kemewahan dunia selain dari wang tunai<sup>31</sup> Mengikut Lisān al-‘Arab: ‘urūḍ’ ialah harta melainkan wang tunai. Setiap harta adalah ‘urūḍ’ kecuali Dirham dan Dinar kerana kedua-duanya adalah matawang. Pada pandangan Abū ‘Ubaid : ‘urūḍ ialah harta benda yang tidak boleh ditimbang, disukat, selain binatang dan aset tetap.<sup>32</sup> Manakala Ibn Rushd mendefinisikan ‘urūḍ’ sebagai sesuatu yang diambil manfaat daripadanya bukan bertujuan urusaniaga. Maksud urusaniaga di sini ialah matawang (nilai harga barang).<sup>33</sup>

Kesimpulan yang boleh dibuat oleh penulis daripada takrif fuqahā’ tentang ‘urūḍ’ ialah semua harta benda dan kemewahan dunia merangkumi samada benda yang tetap seperti bangunan dan benda yang tidak tetap seperti tumbuh-tumbuhan dan ‘urūḍ’ bukan berbentuk wang tunai (Dinar dan Dirham) .

### 2.2.2 DEFINISI ‘URŪḌ’ AL-TIJĀRAH MENGIKUT EMPAT MAZHAB

#### 1. Ulama Mazhab Ḥanafī

---

<sup>30</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (2003), *Rawḍah al-Ṭālibīn* ; Beirut, al-Maktab al-Islāmī, J.2 , h.127.

<sup>31</sup> Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdī al-Baghāwī (t.t), *Tāj al-‘Urūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, Dār Libyā, Jil.5, h. 44.

<sup>32</sup> Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, Jil. 7, h. 170.

<sup>33</sup> Ibn Rushd (1996), *Bidāyah al-Mujtahid*, .Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah, J. 1, h. 424-425.

Ulama Mazhab Ḥanafī tidak meletakkan definisi yang khusus untuk ‘urūd’ al-tijārah, bahkan sebahagian mereka memberi takrif ‘urūd’, manakala sebahagian lain hanya menyebut definisi al-tijārah sahaja tanpa menyatakan definisi ‘urūd’. Mereka memberi definisi al-tijārah yang hampir sama.

Menurut Ibn ‘Ābidīn definisi al-tijārah ialah usaha mencari harta dengan harta melalui akad jualbeli, sewa, pinjaman atau hutang.<sup>34</sup> Manakala ‘Uthmān bin ‘Alī al-Zaila’ī mendefinisi al-tijārah sebagai mencari harta dengan cara pertukaran harta.<sup>35</sup> Kesimpulan daripada definisi ‘urūd’ al-tijārah bagi mazhab Ḥanafī ialah sebagai usaha mencari harta dengan harta melalui akad beli, sewa, pinjaman atau hutang selain dari matawang (emas dan perak) untuk perniagaan

## **2. Ulama Mazhab Mālikī**

Ulama Mazhab Mālikī memberi definisi ‘urūd’ al-tijārah yang hampir sama dengan pendapat ulama Mazhab Ḥanafī. Golongan ini mentakrifkan al-tijārah dengan huraian yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama, seperti pendapat Jaafar bin Hussin bin Abi Zakaria bin Said Al-Hazli<sup>36</sup> memberi definisi al-tijārah sebagai harta yang dimiliki dengan akad pertukaran dan diniatkan untuk mendapatkan pemilikan. Manakala Hussin bin Yūsof bin ‘Alī memberi pendapat sebagai harta yang dimiliki dengan akad pertukaran untuk mendapatkan pemilikan<sup>37</sup> dan Muhammad Jawaz Ghaniah memberi

---

<sup>34</sup> Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amīn bin ‘Umar (1996), *Hāsyiyah*, Kaherah : al-Ḥalābi, J. 2, h. 274.

<sup>35</sup> ‘Uthmān ‘Alī al-Zaila’ī (t.t), *Tubaiyyin al-Ḥaqāiq Sharḥ Khanzun al-Daqāiq*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, J. 2, h. 225.

<sup>36</sup> Jaafar bin Hussin bin Abī Zakaria bin Said Al-Huzli,(t.t),*Syara’ al-Islām Fīl fiqh al-Islāmi Al-Ja’fari Lilmuḥaqah Al -Ḥullī* . Beirut: Dār Maktabah Al-Hayāt,J. 1 h. 84.

<sup>37</sup> Hussin bin Yūsof bin ‘Alī al-Maḥīr al-Ḥulī,(t.t), *Nihāyatul aḥkām Fī Ma’rifatul Ahkām* .Dār-al-adhwa’u , J. 2 h. 361

pendapat sebagai pemilikan selepas pertukaran dengan niat untuk mendapatkan keuntungan.<sup>38</sup>

### 3. Ulama Mazhab al-Syāfi‘ī

Mengikut al-Ghazālī dan al-Nawawī, ‘Urūd’ al-tijārah ialah setiap barang yang diniatkan untuk diniagakan ketika memperoleh hak pemilikannya dengan cara pertukaran matawang.<sup>39</sup>

Definisi ulama mazhab al-Syāfi‘ī tentang ‘urūd’ al-tijārah mengandungi dua elemen utama iaitu pertama niat untuk berniaga ketika memilikinya. Kedua iaitu barang tersebut menjadi miliknya melalui akad pertukaran.<sup>40</sup> Al-Ghazālī dan al-Nawawī menyebut demikian dalam takrif mereka: “pertukaran dengan matawang”.

### 4. Ulama Mazhab Ḥanbalī

Imam al-Bahūṭī memberikan definisi ‘urūd’ al-tijārah sebagai barang yang disediakan untuk urusan jual beli bagi mendapat keuntungan.<sup>41</sup> Manakala dalam kitab al-Sharḥ al-Muntahā al-Irādah, beliau menambah takrifan ini iaitu barang yang disediakan untuk urusan jual beli bagi mendapat keuntungan walaupun barang tersebut berbentuk matawang.<sup>42</sup> Manakala Abū al-Najā Syarīf al-Dīn Mūsā al-Hajawī al-Maqdisī pula mentakrifkan ‘urūd’ al-tijārah sebagai barang yang disediakan untuk urusan jual beli bagi mendapat keuntungan yang mana kebiasaannya bukan emas dan perak.<sup>43</sup>

---

<sup>38</sup> Jaafar bin Hussin bin Abī Zakaria bin Said Al-Huzlī, (t.t), *op.cit.*

<sup>39</sup> al-Nawawī (1992), *op.cit.*

<sup>40</sup> al-Syāfi ‘ī (1979), *al-Wajiz fīl Fiqh*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, J.1, h. 94.

<sup>41</sup> Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Bahūṭī (1970), *al-Rawd al-Murabbi’ Sharḥ Zād al-Mustaqni’*, Riyadh : Matba’ah Riyadh al-Hādithah, J. 1, h. 385.

<sup>42</sup> Manṣūr bin Yūnus (1947), *sharḥ Muntahā al-Irādah al-Musammā Daqā’iq Aulā Nahyu*, Kaherah : Matba’ah Anṣār al-Sanah al-Muhammadiyah, J. 1, h. 407.

<sup>43</sup> Abu al-Najā Syarīf al-Dīn Mūsā al-Hajawī al-Maqdisī (t.t), *al-Iqnā’*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, h. 275.

Manakala Ibn al-Dūbān menyatakan definisi ‘urūd’ al-tijārah ialah barang yang disediakan untuk urusan jual beli bagi mendapat keuntungan.<sup>44</sup>

Penulis mendapati definisi ulama mazhab Ḥanbalī berkaitan ‘urūd’ al-tijārah mempunyai sedikit perbezaan daripada definisi ulama mazhab Syāfi‘ī. Definisi mereka mengandungi niat untuk berniaga ketika melaksanakan urusan jual beli. Namun kita dapati definisi ini tidak menggambarkan keadaan sebenar yang menjadikan ‘urūd’ (barang ini) untuk al-tijārah (perniagaan) kerana konsep ini menyatakan tentang cara memperoleh barangan ini, sedangkan pendapat yang muktamad dalam mazhab Ḥanbalī ialah mesti barangan ini telah dimiliki secara langsung. Sepatutnya dijelaskan dalam takrif bahawa barangan ini telah dimiliki secara langsung, agar jelas maksud ‘urūd’ al-tijārah bagi mereka tetapi, terdapat dalam definisi sebahagian ulama mazhab Ḥanbalī tentang ‘urūd’ iaitu mereka bijak dalam mengatakan harus dua bentuk matawang (emas dan perak) sebagai ‘*urūd al-tijārah*’. Dengan ini definisi ‘*urūd al-tijārah*’ bagi ulama’ mazhab Ḥanafī tidak banyak bezanya dengan ulama mazhab Syāfi‘ī dan Ḥanbalī sebelum ini.

### **2.2.3 DEFINISI ‘URŪḌ’ AL-TIJĀRAH’ MENGIKUT ULAMA KONTEMPORARI**

Muhammad ‘Aṭīf al-Bannā menjelaskan definisi *al-tijārah* sebagai memperoleh harta dengan akad pertukaran untuk mendapatkan keuntungan. Kemudian beliau mendefinisikan ‘*urūd al-tijārah*’ sebagai setiap perkara selain daripada matawang (emas dan perak) yang disediakan untuk urusan jualbeli daripada harta yang pelbagai jenis, bertujuan untuk mendapatkan keuntungan sama ada ianya harta yang boleh dipindahkan

---

<sup>44</sup> Ibrāhīm bin Muhammad Salām bin al-Dūbān (1996), *Manār al-Sā’il Fī Sharh al-Dalīlīy*, Riyadh Maktabah al-tijāriyyah, J. 1, h. 338.

ataupun aset tetap.<sup>45</sup> Manakala ‘Aṭīyah ‘Alī Husīn al-Badwīhi mentakrifkan ‘*urūḍ al-tijārah* sebagai setiap barang yang disediakan untuk jual beli.<sup>46</sup> Manakala ‘Abd al-Karīm Zaydān pula mentakrifkan ‘*urūḍ al-tijārah* sebagai harta selain dari matawang (emas dan perak) yang meliputi pelbagai jenis seperti tanaman, binatang, bangunan (aset tetap) dan semua jenis harta lain kecuali emas dan perak.<sup>47</sup>

#### 2.2.4 PERBANDINGAN DAN PERBEZAAN TAKRIF

Tidak ada perbezaan antara ulama dahulu dan sekarang tentang takrif ‘*urūḍ*’ *al-tijārah* kerana takrifnya berkaitan harta yang digunakan untuk perniagaan dengan bertujuan mendapatkan keuntungan. Dua elemen penting perlu ada untuk mengaitkan barangan tersebut adalah ‘*urūḍ*’ *al-tijārah* iaitu pertama bertujuan untuk perniagaan. Kedua bertujuan untuk mendapatkan keuntungan.

Berdasarkan penjelasan ini bukan semua benda dan tempahan yang dibeli oleh seseorang dikira sebagai harta perniagaan. Kadang-kadang ia membeli kereta untuk dinaiki, membeli perabot untuk rumahnya atau membeli pakaian untuk dipakai. Semua ini tidak dinamakan barang perniagaan tetapi barang milik peribadi. Sekiranya ia membeli sesuatu itu untuk dijualnya bagi mendapatkan keuntungan, maka ini termasuk dalam takrif ‘*urūḍ*’ *al-tijārah* seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Manakala skop ‘*urūḍ*’ *al-tijārah*, terdapat beberapa perbezaan. Perbezaan ini bukanlah berbeza dari segi kefahaman tetapi ia adalah perbezaan masa, suasana

---

<sup>45</sup> Muhammad ‘Aṭīf al-Bannā (1983), *Niẓām al-Zakāh Wa Ḍarāib Fī Mamlīkah al-‘Arābiyyah al-Su‘ūdiyyah*, Riyadh : Dār al-‘Ulūm, J. 1, h.134.

<sup>46</sup> ‘Aṭīyah ‘Alī Husīn al-Badwīhi (1985), *Zakāh ‘Urūḍ al-Tijārah Fī Mamlīkah al-Su‘ūdiyyah*, Azhār : Majallah al-‘Ālamiyyah Li al-Tijārah al-Azhār, Bil. 11.

<sup>47</sup> ‘Abdul Karīm Zaydān (1993), *Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar’ah*, Mu’assasah al-Risālah, J. 1, h.386.



persekitaran. Contohnya : *'urūd al-tijārah* di zaman dahulu adalah matawang, tanaman, buah-buahan, ternakan, galian, harta karun. Ini digunakan untuk perniagaan secara langsung dengan tujuan mendapatkan keuntungan.

Namun pada zaman moden, muncul pelbagai bentuk pelaburan harta yang tidak wujud di zaman dahulu seperti pembinaan apartment untuk dijual dan mendapat keuntungan atau menggunakannya sebagai sewaan, melabur harta dalam saham dan bon, menternak binatang untuk dijual dan mendapat keuntungan, menternak ayam dan pelaburan-pelaburan harta lain yang tidak wujud di zaman dahulu. Tidak ada perbezaan pelaburan baru ini kerana masih boleh diguna seperti harta yang dilaburkan pada zaman lampau apabila ianya bertujuan perniagaan kerana perkara yang dikira adalah harta yang dilaburkan itu dengan niat untuk berniaga bagi mendapat rezeki yang halal.

### 2.3 DALIL WAJIB ZAKAT PERNIAGAAN

Antara dalil yang dapat dijadikan asas dan pegangan kepada kewajipan menunaikan zakat perniagaan ialah al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' Ulama. Antara dalil-dalilnya adalah seperti berikut :

#### 1. Dalil-dalil daripada al-Quran :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ<sup>ط</sup>

وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِعَاذِيهِ إِلَّا أَن تُغْمِضُوا فِيهِ<sup>ج</sup> وَأَعْلَمُوا أَنَّ

اللَّهُ غَنِيُّ حَمِيدٌ ﴿١٧٧﴾

*“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memincingkan mata terhadapnya. dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.”*

(Surah al-Baqarah 2:267)

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿٢٦٧﴾

*“Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian.”*

(Surah al-Dharyat 51:19)

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٥١﴾ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿٥٢﴾

*“Dan orang-orang yang dalam hartanya tersedia bagian tertentu. Bagi orang (miskin) yang meminta dan orang yang tidak mempunyai apa-apa (yang tidak mau meminta).”*

(Surah al-Maarij 70:24-25)

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ ۗ

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٧٠﴾

*“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

(Surah al-Taubah 9:103)

## **2. Hadis-hadis daripada Rasulullah S.A.W :**

*" سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : في الابل صدقتها وفي الغنم صدقتها  
وفي البز صدقتها "*

*Yang bermaksud : “ Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda : Pada unta dikenakan zakat, pada kambing dikenakan zakat dan pada tekstil dikenakan zakat.”*

(Riwayat al-Daruqutni)<sup>48</sup>

*" كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يأمرنا أن نخرج الصدقة مما نعد للبيع "*

*Yang bermaksud : “Rasulullah S.A.W memerintahkan kami agar mengeluarkan zakat daripada apa yang kita perniagakan.”*

(Riwayat Abu Daud)<sup>49</sup>

Hadis di atas menunjukkan ucapan baginda dalam bentuk perintah yang wajib dilaksanakan oleh umatnya apabila cukup syarat-syarat yang ditetapkan.

---

<sup>48</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Kaherah: Maktabah al-Kaherah, 1968, J.3 h 58.

<sup>49</sup> Abū Daud, *Sunan*, Beirut : Mua’assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, J.1 h 844.

## 2.4 SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT HARTA PERNIAGAAN

Antara syarat wajib harta perniagaan ialah berkembang, cukup nisab, cukup haul, bebas daripada hutang, memiliki harta perniagaan secara sempurna atau secara pertukaran, niat berniaga pada barang tersebut dan benar-benar melaksanakan perniagaan.

### 1. Berkembang.

“Berkembang” dari segi bahasa ialah bertambah, manakala dari segi syarak ada dua jenis: “berkembang secara langsung” dan “berpotensi untuk berkembang”. Harta yang berkembang secara langsung ialah harta yang bertambah hasil dari pembiakan, pertukaran dan perniagaan. Harta yang berpotensi untuk berkembang ialah harta itu berpotensi berkembang ketika berada di tangannya atau di tangan penggantinya.<sup>50</sup>

Dalil berkaitan syarat “berkembang” pada harta yang diwajibkan zakat ialah sabda Nabi S.A.W: “Seorang muslim tidak wajib mengeluarkan zakat daripada kuda dan hamba sahaya”.<sup>51</sup> Dan dalam riwayat hadis lain: “Aku maafkan kamu kerana tidak mengeluarkan zakat kuda dan hamba sahaya”.<sup>52</sup>

Dalil ini jelas menunjukkan tidak wajib zakat harta tersebut, namun Saidina Umar memahami bahawa tidak wajib zakat pada kuda sebaik sahaja mendengarnya dari Nabi S.A.W dan zakat tidak dipungut pada masa itu kerana untuk menambah pembiakannya. Setelah beliau melihat binatang ini berkembang biak dan dijadikan sebagai harta yang berkembang, maka diwajibkan zakat. Beliau juga amat faham bahawa bukan terdapat dalam hadis Nabi S.A.W, larangan mengeluarkan zakat harta tersebut, kerana Nabi

<sup>50</sup> Ibn ‘Abidin (1966), *Hasyiyah*, Kaherah : al-Ḥalābi, Edisi 2, J. 2, h. 7.

<sup>51</sup> Ibn Sawrah ; Abu ‘Īsā Muhammad bin ‘Īsā (1978M) *Sunan al-Tirmidhi ; Kitab al-Zakah*, No: 569  
Kaherah Muṣṭafa al-Halabi .

<sup>52</sup> *Ibid* , No: 563.

S.A.W menggunakan perkataan “Aku maafkan”, adalah disebabkan oleh keperluan pada masa itu. Kemaafan ini memberi maksud situasi tersebut tentang zakat tetapi nabi tidak mewajibkan zakat kerana baginda mempunyai alasan tersendiri mengikut keperluan mendesak pada masa tersebut.<sup>53</sup>

Apabila kita meneliti dengan lebih mendalam tentang jenis-jenis harta yang digunakan oleh Nabi S.A.W pada masa itu, kita dapati semuanya berkembang dengan sendiri. Sebagai contoh: zakat tanaman dan buah-buahan kerana ia adalah hasil bumi. Manakala matawang dan binatang ternakan juga berpotensi berkembang kerana sentiasa bertambah dan membiak dengan beredarnya masa.

Oleh itu, hukum wajib zakat apabila cukup nisab harta yang berkembang dengan sendiri atau berpotensi berkembang. Oleh itu setiap harta yang boleh berkembang serta ada syarat-syarat lain yang mewajibkan zakat maka wajiblah zakat walaupun tidak terdapat nas daripada Nabi S.A.W.

Muhammad Abū Zuhrah berkata: “Setiap harta yang berpotensi berkembang serta mempunyai syarat-syarat yang dijelaskan oleh ulama maka wajib zakat walaupun tidak ada nas daripada nabi, kerana qias akan tetap berlaku setiap masa dan zaman. Ia merupakan satu cabang ijtihad dan tidak boleh hilang pada mana-mana zaman.”<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> *Ibid*

<sup>54</sup> Muhammad Abū Zahrah (1965), “al-Zakāh” dalam *Majmu' al-Buḥūth al-Islāmiyyah*, Kaherah, h. 18.

Dengan syarat ini, jelaslah setiap harta yang berkembang boleh menjadi “bekas” atau “sumber” bagi zakat, sekalipun Nabi tidak menegaskan wajib mengambil zakat harta tersebut. Sebenarnya ia termasuk dalam maksud umum al- Quran dan al- Sunnah Nabi S.A.W. Oleh itu, ulama sepakat mengatakan alasan wajib zakat ialah “berkembang” seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

## **2. Cukup Nisab**

Nisab ialah kadar harta yang telah ditentukan oleh syarak, di mana sesuatu harta itu tidak dikenakan zakat sekiranya tidak sampai kadar yang telah ditentukan. Antara syarat wajib zakat ke atas harta ialah cukup nisab.

Dinamakan “ nisab” kerana ia diambil dari perkataan “al-nasbu”. Istilah ini umpama tanda yang menetapkan wajib zakat kerana golongan fakir perlu mendapat bahagiannya dari harta tersebut.<sup>55</sup>

Syarat ini dikenakan ke atas wang tunai, emas, perak, barang perniagaan dan haiwan. Sebagaimana yang telah disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: Tidak wajib zakat ke atas emas kecuali apabila sampai 20 dinar (1 Dinar= 4.25 gram, oleh itu 20 Dinar= 85 gram) apabila telah sampai 20 Dinar maka zakatnya ialah setengah Dinar. Begitulah juga perak tidak dikenakan zakat kecuali apabila sampai 200 Dirham (1 Dirham= 2.975 gram, oleh itu 200 Dirham= 595 gram) di mana zakatnya ialah 5 Dirham. Nisab emas ialah 20 mithqal= 85 gram emas tulin, manakala nisab perak pula ialah 200 Dirham= 595 gram perak tulin.<sup>56</sup>

---

<sup>55</sup>Al- Qaraḍāwi, *op. cit.*, J. 1, h. 149.

<sup>56</sup> Muḥammad Shauki al-Fanjari (t.t), “al-Zakāh bi lughah al-‘Asr” , Kaherah : al-Syurūq al-Aus lil saqāfah Wa a’lam.

Nisab zakat barang perniagaan ialah sama nilainya dengan zakat emas iaitu 85 gram emas tulin, manakala barang-barang zakat yang lain telah ditentukan nisabnya. Termasuk barang yang dikenakan zakat ialah barang yang telah cukup nisab atau lebih, adapun yang kurang dari satu nisab maka ianya tidak dikenakan zakat. Kesempurnaan nisab pula dilihat pada awal dan akhir haul, di mana kekurangan dan kelebihan di antara awal dan akhir haul tidak akan mempengaruhi nisab. Digabungkan faedah atau hasil yang diperolehi dari harta zakat diakhir haul, ini mengikut pendapat mazhab Imām Ḥanafī dan Mālikī di mana cara ini adalah lebih mudah untuk dipraktikkan lantaran itu ianya disepakati oleh Jumhur Fuqahā'. Ulama sepakat bahawa nisab merupakan syarat mewajibkan zakat pada harta yang dimiliki.<sup>57</sup>

Dalil berkenaan syarat ini seperti berikut:

1. Dalam hadis Nabi S.A.W , baginda memaafkan harta yang kurang daripada lima ekor unta dan 40 ekor kambing maka kedua-duanya tidak wajib zakat. Begitu juga harta yang kurang daripada 200 dirham matawang perak dan harta yang kurang 20 mithqal emas serta harta yang kurang daripada lima atau enam awsuq bijian, buah-buahan dan hasil-hasil pertanian.<sup>58</sup>
2. Tujuan Zakat disyariatkan adalah untuk kesamarataan dan belas kasihan terhadap golongan fakir miskin. Barang siapa yang tidak memiliki nisab yang cukup tidak wajib mengeluarkan zakat. Dijelaskan dalam hadis nabi S.A.W bahawa nisab zakat ialah harta yang lebih daripada kadar lima ekor unta, 30 ekor lembu, 40 ekor kambing atau 20 mithqal emas (iaitu 20 dinar matawang emas menyamai 85 gram emas tulin),

---

<sup>57</sup> Al-Qaraḍāwī, *op.cit.*, J. 1, h. 15.

<sup>58</sup> *Ibid*

lima awsuq perak (iaitu 200 dirham matawang perak), lima awsuq (iaitu 50 kailah mesir atau 650 kilogram bijian, buah-buahan dan hasil pertanian).<sup>59</sup>

### 3. Cukup Haul

Haul ialah peredaran harta satu nisab dalam 12 bulan kamariah (bulan Hijrah). Syarat ini dikhususkan untuk binatang ternakan, mata wang dan barangan perniagaan. Tidak disyaratkan haul kepada hasil pertanian, buah-buahan, madu, logam dan harta karun yang dikeluarkan dari bumi dan seumpamanya kerana firman Allah S.W.T yang bermaksud: “Keluarkanlah haknya iaitu zakat ketika hari menuai.”<sup>60</sup> keadaan ini sama juga diwajibkan terhadap zakat galian dan harta yang ditanam di dalam tanah di mana tidak disyaratkan haul.<sup>61</sup>

Dalil berkaitan syarat “cukup setahun” ini adalah untuk binatang ternakan, matawang dan perniagaan, semua ini telah menjadi amalan khalifah yang empat dan para sahabat yang lain. Amalan ini telah diguna pakai tanpa ada perselisihan pendapat ulama. Hadis Ibnu Umar yang diriwayatkan daripada Nabi S.A.W bersabda: “tidak wajib zakat pada sesuatu harta sehingga berlalunya setahun”.<sup>62</sup>

Ini telah dipersetujui dan disepakati oleh ulama seluruh dunia. Ibn Qayyim telah mengulas hadis nabi berkaitan zakat: “Zakat diwajibkan sekali setiap tahun. Bagi tanam-tanaman dan buah-buahan, zakatnya adalah ketika masak atau ketika boleh dipetik

---

<sup>59</sup> Muḥammad Shauki al-Fanjari (t.t), op.cit.

<sup>60</sup> Surah al-An'ām : 141.

<sup>61</sup> Al-Qaraḍāwī (1973), *Fiqh al-Zakāh*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, Cet. 2, J. 1, h. 161.

<sup>62</sup> Ibn Rushd, Muḥammad ibn Ahmad (1966), *Bidāyah al-Mujtahid wa-Nihāyah al-Muqtaṣid*, Kaherah : Maktabah al-Kuliyah al-Azhāriyyah, J. 1, h. 455.



hasilnya.<sup>63</sup> Firman Allah Ta'ala : "Dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasil dengan membayar zakat"<sup>64</sup>

#### **4. Bebas Daripada Hutang**

Bebas daripada hutang bermaksud harta perniagaan yang diambil kira cukup nisab itu setelah ianya ditolak tanggungan hutang perniagaan.

Ini yang dipersetujui oleh ulama, namun mereka berselisih pendapat dalam beberapa aspek daripada syarat ini khususnya berkaitan apa yang dinamakan "harta zahir" dan "harta batin".<sup>65</sup>

Jumhur ulama mengatakan: Hutang menghalang wajib zakat atau mengurangkan kadar nisab harta batin iaitu matawang dan barangan perniagaan. Manakala harta zahir iaitu ternakan dan pertanian, sebahagian ulama mengatakan hutang tidak menghalang wajibnya zakat. Perbezaan antara dua pendapat ini adalah diwajibkan zakat pada harta zahir dan ianya lebih dituntut kerana keperluan menjaganya lebih besar. Maka wajib dikenakan zakat padanya adalah lebih utama.<sup>66</sup>

Yūsuf al-Qaraḍāwī berkata: "Apa yang nyata adalah pemisahan di antara harta zahir dan batin adalah kurang jelas. Zahir dan batin adalah sampingan, kerana kemungkinan harta perniagaan pada masa sekarang terlebih zahir dan jelas dilihat oleh orang fakir seperti kambing dan tanaman pertanian. Oleh kerana itu, kami melihat alasan tersebut tidak

---

<sup>63</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987), *Zād al-Ma'ād Fīl Hudā Khair al-'Ibādi*, Kaheerah : Muassasah al-Risālah, Cet. 1, J. 1, h. 37.

<sup>64</sup> Surah al-An'ām :14

<sup>65</sup> Ibn Qudāmah (1968), *al-Mughnī*, Kaheerah : Matba'ah al-Kaheerah, J. 4, h. 262.

<sup>66</sup> *Ibid.*, J. 4, h. 262.

menepati makna umum dalil-dalil sebelum ini. Justeru itu, hutang menghalang kewajipan zakat pada semua harta.<sup>67</sup>

Ibn Rushd menguatkan pendapat beliau itu dengan tidak membezakan harta ini dengan katanya: “Yang menepati matlamat syarak ialah menggugurkan kewajipan zakat ke atas orang yang berhutang”.<sup>68</sup>

## **5. Memiliki Harta Perniagaan Secara Sempurna**

Memiliki harta perniagaan secara sempurna bermaksud pemilik harta tersebut bebas menggunakan harta yang dimiliki olehnya tanpa campur tangan orang lain. Hal ini disyaratkan kerana zakat pada asalnya bermaksud memiliki dan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya dan keadaan ini tidak dapat dilaksanakan kecuali harta yang dimiliki itu adalah harta milik yang sempurna. Oleh yang demikian tidak dikenakan zakat terhadap harta yang berada diluar kekuasaan pemilik atau harta yang pemiliknya tiada dan tidak diketahui di mana tempatnya atau tidak mampu untuk mengesan pemiliknya.<sup>69</sup>

Telah diriwayatkan oleh sahabat Nabi S.A.W: Tidak dikenakan zakat terhadap harta yang diluar kekuasaan pemilik, atau cincin mas kahwin yang belum dibayar kerana wanita tidak dapat menggunakannya, tidak dikenakan zakat terhadap hutang yang tidak dapat dibayar, tetapi apabila sudah berada di tangan, barulah ianya wajib dikeluarkan zakat dengan hitungan bayaran satu tahun sahaja walaupun hutang atau mas kahwin

---

<sup>67</sup> Al-Qaraḍāwī, *op.cit.*, J. 1, h. 159.

<sup>68</sup> Ibn Rushd, *op.cit.*, J. 1, h. 417.

<sup>69</sup> ‘Abd al-Rahman Hussin al-Nafsyiah (1997), *Risālah fī Fiqh al-Zakāh*, Majallah al-Buhūth al-Fiqhiyyah al-Mu’asarah, al-A’dad thamin wa isyrin.

tersebut telah berada di tangan orang lain atau suami bertahun-tahun lamanya, begitu juga hutang terhadap orang yang tidak mampu membayarnya<sup>70</sup>

## **6. Niat Berniaga Pada Barang Perniagaan**

Ulama menetapkan syarat di dalam menentukan wajib atau tidak mengeluarkan zakat perniagaan, mestilah dilihat dari dua unsur utama iaitu niat dan amalan. Niat iaitu untuk mendapatkan keuntungan, manakala amalan ialah berlakunya jual beli. Kedua-dua unsur ini hendaklah wujud bersama. Niat haruslah berterusan tanpa berubah sebelum sempurna haul serta sampai nisabnya.<sup>71</sup>

Apabila seseorang mempunyai bangunan dan tanah yang banyak sekiranya tidak diniatkan untuk berniaga ketika memilikinya, maka zakat tidak wajib pada harta tersebut, sekalipun ia menukar niatnya selepas itu dan berniat untuk menjalankan perniagaan itu semula.<sup>72</sup>

Sekiranya seseorang membeli sebuah kereta dengan niat untuk dimiliki untuk kegunaan peribadi dan di dalam niatnya itu turut dirancang bahawa dia akan menjualnya nanti apabila difikir boleh mendatangkan keuntungan, maka kereta tersebut tidak dikira sebagai harta perniagaan yang wajib dikeluarkan zakat. Keadaan ini berbeza jika sekiranya dia membeli beberapa buah kereta dengan niat untuk diperniagakan dan untuk mendapatkan keuntungan tetapi sebuah dari kereta tersebut digunakan untuk peribadi, maka kereta tersebut tetap dianggap sebagai komoditi perniagaan yang wajib dikeluarkan

---

<sup>70</sup> Izz al-Dīn Muḥammad Tūni (1989), *Bahas Muqaddam ilā al-Nadwah al-thāniah li Qadāya al-Zakāh al-Mu'asirah*, Kaheerah ; Matba'ah al-Adab, al-'Adad arba'ata asyara.

<sup>71</sup> Ibn Qudāmah (1968), *op. cit.*, J. 4, h. 251.

<sup>72</sup> Shams al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisi (1996), *al-Sharḥ al-Kabīr*. Giza:Hajr li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi 'wa al-'ilan, J.2, h.629.

zakat kerana apa yang dijadikan sebagai pengukur ialah niat asal (niat yang disertakan ketika membeli).<sup>73</sup>

Oleh yang demikian semua barang yang dibeli dengan niat asalnya untuk dimiliki dan untuk kegunaan peribadi, dari sudut hukum tidak boleh dianggap sebagai komoditi perniagaan dengan hanya kerana keinginannya untuk menjual jika mendatangkan keuntungan yang sesuai. Begitu juga dengan semua barang yang diniatkan pada asalnya untuk diperniagakan dan untuk dijual, dari sudut hukum tidak dapat mengeluarkannya dari harta perniagaan (tidak akan berubah menjadi barang milik peribadi) dengan hanya kerana digunakan untuk pemakaian sendiri secara tiba-tiba.<sup>74</sup>

Apabila seseorang membeli suatu barang tertentu dengan niat untuk diperniagakan kemudian sebelum menjualnya dia mengubah niatnya ingin menggunakan barang tersebut untuk kepentingan peribadi, niat tersebut telah memadai untuk mengubah kedudukan barang tersebut (mengeluarkan barang tersebut) dari komoditi perniagaan menjadi barang milik peribadi dan barang tersebut tidak wajib dikeluarkan zakat.<sup>75</sup>

Begitu juga sebaliknya, jika dia membeli sesuatu barang untuk dimiliki dan untuk kegunaan peribadi kemudian dia mengubah niatnya untuk dijual, barang tersebut juga tidak wajib dikeluarkan zakat kerana barang tersebut tidak akan menjadi barang perniagaan semata-mata dengan niat (tidak memadai dengan niat) tetapi ia mestilah diikuti dengan urusan perniagaan. Setelah urusan perniagaan dilaksanakan, barulah ia wajib dikeluarkan zakat. Dimaksudkan dengan “niat berniaga” ialah inginkan keuntungan dalam jual beli. Oleh sebab itulah sebahagian ulama mentakrifkan barang perniagaan ialah “barang yang digunakan untuk jual beli bagi mendapat keuntungan.”<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Al-Qaraḍāwī, *op. cit.*, J. 1, h. 228.

<sup>74</sup> *Ibid*

<sup>75</sup> *Ibid*

<sup>76</sup> *Ibid*

## 7. Keuntungan

Syarat bagi seseorang itu wajib membayar zakat harta perniagaan ialah apabila seseorang itu terlibat dengan aktiviti perniagaan secara langsung dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Pelaksanaan urusan jual beli dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang merangkumi kesemua projek-projek perniagaan sama ada berbentuk yaysan peribadi ataupun syarikat mudharabah atau syarikat perkongsian beberapa orang peribadi ataupun syarikat perkongsian saham atau sebagainya.<sup>77</sup>

Terdapat dua unsur utama untuk urusan perniagaan iaitu “kerja” dan “niat”. Konsep “kerja” ialah aktiviti jual beli, dan “niat” ialah inginkan keuntungan. Maka tidak memadai dalam perniagaan hanya terdapat salah satu daripada dua perkara ini, iaitu tidak memadai hanya terdapat “niat dan keinginan mendapat keuntungan” tanpa melakukan aktiviti perniagaan secara langsung.<sup>78</sup>

Ulama saling menguatkan dalam menetapkan dua syarat ini sebagai syarat utama bagi zakat harta perniagaan dan perusahaan . Oleh itu, setiap perniagaan perlu dengan niat untuk mendapatkan keuntungan, contohnya pada binatang ternakan perlu ada niat untuk memeliharanya kerana ia boleh menghasilkan susu, membiak atau menambah anak, boleh digunakan untuk membawa barang, menunggang dan mendapat dagingnya maka perkara ini memerlukan niat dan disertai dengan kerja iaitu aktiviti jual beli<sup>79</sup>

Al-Nawawī mentakrifkan barang perniagaan ialah setiap perkara yang bertujuan untuk berniaga ketika memilikinya dengan akad pertukaran” dan beliau menyebut dalam huraian takrif ini: “semata-mata niat berniaga tidak menjadikan ia sebagai barang perniagaan kecuali disertakan niat dan kerja”.<sup>80</sup>

---

<sup>77</sup> Al-Nawawī, al-Majmū', Kaherah : Matba'ah al-Imām (t.t), J. 6, h.46.

<sup>78</sup> Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī (t.t), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, Kaherah : Maṭba'ah al-Imām, Jil. 1, h. 11.

<sup>79</sup> *Ibid*

<sup>80</sup> Faṭḥ al-'Azīz (t.t), *Sharh al-Wajīz Bi Dalīl al-Majmu'*, Kaherah : Muassasah al-Risālah, Jil. 6, h. 41.

## 2.5 KAEDAH DAN CARA PENGIRAAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH MAIK DI KELANTAN

Terdapat dua kaedah dan cara pengiraan zakat yang digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan(MAIK) semasa membuat pengiraan berkaitan zakat perniagaan.

### i) Kaedah Modal Berkembang

Kaedah ini dinamakan "*growth model*". Ia mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. Dalam istilah yang lebih ringkas ialah modal dicampurkan dengan keuntungan.

### Kaedah Pengiraan Zakat MAIK

**Ekuiti pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap-Aset Bukan Semasa +/- Pelarasan = harta perniagaan yang dikenakan zakat.**<sup>81</sup>

### ii) Kaedah Modal Kerja

Kaedah ini dikenali dengan nama model modal kerja. Ia mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan, ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenalpasti perlu ditambah atau dibuat tolakan.<sup>82</sup>

---

<sup>81</sup> Murtadha Abdullah, Pengawai Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, Temuramah pada 28 November 2008

<sup>82</sup> *Ibid*

## **Pelarasan**

Pelarasan yang terlibat dalam pengiraan di atas adalah bersumberkan hujah dan asas seperti berikut:

### **1. Ditolak daripada Harta semasa**

Ketika mengambil kira harta semasa, berikut adalah perkara yang perlu dibuat pelarasan:

- a. Barang-barang tidak wajib zakat hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram umpama riba, judi dan arak.
- b. Bukan milik sempurna seperti deposit air, deposit telefon, elektrik dan lain-lain deposit hendaklah ditolak kerana ia bukan milik sempurna.
- c. Si berhutang kewangan iaitu wang yang dipinjamkan akan dikenakan zakat atas si peminjam berdasarkan kaedah bahawa ciri-ciri milik sempurna aset tersebut berpindah kepada si peminjam berdasarkan kaedah bahawa ciri-ciri milik sempurna aset tersebut berpindah kepada si peminjam. Si peminjam berkuasa dan bebas menguruskan wang wang itu untuk sebarang tujuan.
- d. Tiada item yang dikenakan zakat dua kali iaitu nilai dividen yang sudah dibayar zakat oleh syarikat yang di labur akan ditolak.
- e. Harta semasa tersebut mestilah yang produktif yakni hutang lapuk, stok lupus, susut nilai yang ketara & kekal bolehlah ditolak.
- f. Tabung-tabung yang bersifat kebajikan seperti tabung khairat dan pendidikan yang terdapat dalam aset semasa akan dikecualikan daripada zakat. Walau bagaimanapun, tabung kebajikan yang bersifat pusingan seperti pinjaman Qardhul Hasan, amaun yang dikecualikan zakat adalah nilai pokok yang dimanfaatkan manakala bagi tabung kebajikan yang bersifat “hangus” melalui

pemberian derma, khairat maka hanya nilai baki tabung yang dikecualikan.

- g. Bagi kategori inventori/stok seperti barangan akhir siap sahaja diambil kira, manakala stok bahan mentah serta kerja dalam proses tidak diambil kira.<sup>83</sup>

## **2. Dicampur kepada Aset Semasa**

Semua sumbangan, derma dan sedekah yang dibuat oleh entiti perniagaan tersebut pada akhir haul (sukuan terakhir) perlulah dicampurkan semula (dengan andaian derma itu tidak menggugat kecairan syarikat) ke dalam harta semasa kerana harta semasa yang disalurkan untuk kebaikan masih dikenakan zakat kecuali kalau sumbernya adalah dari tabung kebajikan<sup>84</sup>

## **3. Dicampurkan kepada Tanggungan Semasa**

Pelarasan yang melibatkan item-item yang perlu dicampur adalah seperti berikut:

- a. Bukan berbentuk operasi perniagaan iaitu “ *Financial loans*” dan pengkelasan semula pinjaman berjangka.
- b. Dividen yang dicadangkan (*dividend payable*).
- c. Overdraf.
- d. Pajakan Kewangan / Modal (*Financial / capital lease*)

Liabiliti semasa yang dibenarkan penolakan adalah melibatkan operasi sahaja seperti Si piutang perdagangan (*Trade creditors*), Kos operasi terakru (*Operating payables*) seperti gaji, elektrik, telefon dan cukai semasa.<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup> *Ibid*

<sup>84</sup> *Ibid*

<sup>85</sup> *Ibid*



**BAB**

**TIGA**

## BAB 3 :

### INDUSTRI BATIK DI KELANTAN

#### 3.1 PENDAHULUAN

Batik Malaysia merupakan fabrik yang sangat popular di negara ini terutama ketika era 60-an. Namun kini menjelang era globalisasi batik yang begitu terkenal itu mula mengalami zaman kemelesetannya dengan begitu ketara. Ekoran berubahnya cita rasa masyarakat zaman moden ini, jualan fabrik ini di luar dan di dalam negara mula merosot sehingga mampu menguburkan industri yang sudah lama bertapak di negara ini. Persaingan hebat yang diberikan oleh industri tekstil lainnya turut menjadikan batik mula dipinggirkan terutama pada kalangan masyarakat tempatan sendiri. Memang ada pihak-pihak tertentu yang menyedari akan kemelut yang melanda industri batik negara ini tetapi kebanyakan usaha yang dilakukan masih gagal untuk memberi keyakinan kepada masyarakat tempatan untuk menggunakan batik negara ini.<sup>86</sup>

Antara pihak yang cuba menghidupkan semula tradisi memakai pakaian batik ialah Datin Seri Endon Mahmood yang cuba menganjurkan pelbagai pameran batik di dalam dan di luar negara dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terutama daripada pereka-pereka terkenal dunia tetapi sayangnya usaha beliau ini terkandas setelah pemergian beliau yang secara tiba-tiba itu. Setakat ini belum lagi ada sebarang usaha konkrit lain yang dianjurkan oleh mana-mana pihak untuk mengembalikan semula kegemilangan batik warisan negara ini.<sup>87</sup>

Di Malaysia terdapat 320 usahawan batik yang berdaftar dengan Kraftangan Malaysia yang masih bergiat aktif dalam pengeluaran batik walaupun mereka sedar

---

<sup>86</sup> Industri Batik, <http://www.nazira.biz/?p=p17&sName=Batik-Oh-Batik> ,4 November 2008.

<sup>87</sup> *Ibid*

bahawa usaha mereka itu menghadapi pelbagai kesukaran untuk meneruskan tradisi ini. Daripada jumlah tersebut, kebanyakannya dari negeri Kelantan dan Terengganu yang sememangnya sudah menjadi negeri yang paling terkemuka dalam bidang batik ini. Namun, masih ada pengusaha batik di negeri-negeri lain di Semenanjung dan tidak kurang juga di Sabah<sup>88</sup>

### **3.2 SEJARAH INDUSTRI BATIK DI KELANTAN**

Daripada perspektif sejarah, Kelantan merupakan sebuah negeri yang memang kaya dengan pelbagai hasil kesenian yang halus dan bermutu tinggi pada mata masyarakat negara ini. Antara kesenian halus tersebut ialah kain songket, pertukangan perak, wau bulan dan hasil kraftangan yang lain termasuklah juga batik. Keunikan batik bukan sahaja terletak pada kainnya tetapi yang lebih penting ialah kepakaran dan ketinggian ketekunan pembuat batik untuk menghasilkan corak yang kreatif tetapi menarik pada mata yang memandangnya. Jadi industri batik memerlukan satu kelompok masyarakat yang berdaya maju, kreatif dan mampu menghasilkan sesuatu yang boleh dikatakan sebagai kesenian budaya yang tinggi kualitasnya.<sup>89</sup>

Berdasarkan kajian ahli sejarah, budaya batik dikatakan bermula pada abad ke-12 Masihi di Pulau Jawa, Indonesia. Budaya baru ini kemudiannya merebak ke Kelantan dan Terengganu yang menyaksikan banyak pengaruh Jawa dalam rekaan batik tempatan. Manakala di Kelantan, tempat industri batik ini dikatakan bermula di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu. Kemahiran dalam membuat batik ini telah diperluaskan kepada penghasilan batik sutera yang dipercayai telah dipelopori oleh sekumpulan pembuat batik di negeri Kelantan. Teknik penggunaan batik jenis ini pula dipercayai dibawa masuk dari negara jiran iaitu Siam pada awal tahun 1900. Walau bagaimanapun,

---

<sup>88</sup> Industri Batik, <http://mrembm.bernama.com/viewsm.php?idm=1605>, 5 November 2008.

<sup>89</sup> *Ibid*

teknik mencelup fabrik yang turut diamalkan dalam industri pembuatan batik dikatakan telah diperkenalkan oleh masyarakat pribumi Mesir purba dan Peru. Kini, kedua-dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia dianggap sebagai negara pengeluar batik yang utama daripada segi teknik dan ragam hias tradisi yang dikenali di seluruh dunia.<sup>90</sup>

### 3.3 PERKEMBANGAN TERKINI INDUSTRI BATIK

Kebanyakan pembatik Kelantan adalah merupakan ahli Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan Berhad (KSPKB) yang mempunyai keahlian seramai 100 orang ahli yang berdaftar tetapi yang masih aktif adalah seramai 47 orang ahli sahaja, yang masih menjalankan perusahaan batik dalam pelbagai teknik dan rekaan. KSPKB didaftarkan di bawah *Ordinan Koperasi 1948*. Nombor pendaftarannya ialah 4872 dengan tanggungan berhad. KSPKB merupakan pembekal utama pelbagai jenis kain putih import dari luar negara, lilin dan *rosein* kepada pengusaha-pengusaha batik di Kelantan yang menjadi ahli koperasi.<sup>91</sup>

Penulis telah mengklasifikasikan sebanyak 15 pembatik sahaja di Kota Bharu yang mempunyai kilang sendiri untuk dibuat satu kajian ilmiah kerana yang bakinya adalah kategori pembatik yang tidak mempunyai kilang sendiri. Pemilihan ini penting kerana penulis berpendapat pembatik yang mempunyai kilang sahaja yang mampu mencerminkan sikap daya saing yang tinggi untuk meneruskan warisan budaya yang semakin luput ditelan zaman ini.

Terdapat tiga kategori syarikat pembatik yang boleh diklasifikasikan iaitu syarikat besar, sederhana dan kecil.

---

<sup>90</sup> Sejarah Batik , [http:// www.fatimahchik.com/index.php?op=ViewArticle&articleId=3&blogId=1.20](http://www.fatimahchik.com/index.php?op=ViewArticle&articleId=3&blogId=1.20), 19 November 2008.

<sup>91</sup> Encik Rahim bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

### 3.4 KATEGORI SYARIKAT BESAR DI KELANTAN

#### 3.4.1 NORDIN BATIK SDN. BHD.

Antara pengusaha batik yang terkenal dan tersohor di Kelantan ialah Tuan Haji Nordin Mahmood. Beliau merupakan golongan terawal yang mempelopori industri batik di Kelantan dan antara tokoh batik yang masih berdiri gagah di persada arena industri batik sehingga kini. Beliau merupakan seorang yang wajar dikatakan sebagai pencipta agenda atau peneraju bagi pengusaha batik di Kelantan.

Kejayaan beliau itu boleh juga dikaitkan dengan kemampuannya untuk membina **WISMA NORDIN** yang berperanan sebagai pusat pameran dan jualan batik yang pertama dan terbesar di Kelantan yang pernah dimiliki oleh kaum bumiputra khususnya dalam kalangan penggiat batik Kelantan.<sup>92</sup>

Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd mempunyai nombor pendaftaran 280166-X. Alamatnya di Lot 184, Kampong Pintu Geng, 15100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim Tarikh Penubuhannya pada 29 Oktober 1993 manakala setiausaha syarikatnya adalah saifuldin & Partner (M) Sdn. Bhd yang beralamat 4355-D, Lot 1006, Seksyen 27, Tingkat 1, Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Status Syarikat ialah Sendirian Berhad .Manakala modal berbayar sebanyak RM 250,000.000. Jualan syarikat ini mencecah: RM 4,614,000.00 setahun. Kapasiti pengeluaran sebulan ialah jenis Batik Stensil sebanyak 4,600 helai, Kain Kemeja Stensil sebanyak 3,000 helai dan kain Kaften Stensil sebanyak 2,000 helai. Manakala kapasiti pengeluaran sebulan Batik Stensil sebanyak 4,600 helai, Kain Kemeja Stensil sebanyak 3,000 helai, Kaften Stensil

---

<sup>92</sup> Nordin bin Mahmood, Pengerusi Eksekutif Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 25 November 2008.

sebanyak 2,000 helai. Jenis produk yang dikeluarkan ialah batik pasang lukis, batik Kaften lukis, batik Skaf Lukis, Batik Pasang Stensil, Batik Kaften Stensil, Batik Skaf Stensil, Batik Sarong dan Kain Kemeja Stensil. Nilai Eksport bernilai RM 220,000.00. Nilai Eksport ialah sebanyak RM 220,000.00. Sumber utama bahan mentah ialah kain putih yang diimport terus dari negara China dan Singapura manakala ubat kain dibeli daripada pembekal tempatan<sup>93</sup> :

#### **a) SHOWROOM NORDIN BATIK**

Showroom Nordin Batik ialah sebuah pusat jualan kraftangan yang terletak di bangunan Wisma Nordin yang beralamat di Lot 74, Kampung Paloh Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan. Showroom adalah sebuah pusat kraftangan yang pertama di Kota Bharu yang memasarkan barangan kraftangan dan hasil produk batik serta songket supaya semua lapisan masyarakat dapat menghargai warisan nenek moyang dan ketinggian keseniannya<sup>94</sup>

Pemilik Showroom Nordin Batik iaitu Tuan Haji Nordin Bin Mahmood telah mendapat khidmat nasihat daripada pihak Kraftangan Malaysia dalam perniagaannya. Pada mulanya, Tuan Haji Nordin merancang untuk menjadikan bilik pameran ini sebagai sebuah pusat pameran dan jualan barangan batik sahaja, tetapi setelah dikaji dan ditinjau oleh pihak Kraftangan Malaysia, tapak jualan ini berpotensi untuk dimajukan sebagai sebuah pusat kraftangan yang mengumpulkan pelbagai jenis hasil seni dan kraftangan yang unik dan menarik<sup>95</sup>

Misi utama mewujudkan pusat pameran dan jualan kraftangan ini adalah untuk menyedia dan memasarkan produk kraftangan dan tradisional yang

---

<sup>93</sup> *Ibid*

<sup>94</sup> *Ibid*

<sup>95</sup> *Ibid*

mempunyai ciri-ciri keaslian nilai artistik seni dan budaya yang tinggi. Melalui inisiatif pemilik, maka wujudlah sebuah pusat pameran dan jualan kraftangan yang pertama di negeri Kelantan dengan keluasan 11,200 kaki persegi yang dikenali sebagai Showroom Nordin Batik. Bersama-sama 10 pekerja, Puan Azlinda Nordin berjaya menguruskan bilik pameran ini menjadi pusat kraftangan yang terkemuka di negara ini.<sup>96</sup>

Pusat pameran dan jualan kraftangan yang diwujudkan merupakan salah satu projek pelancongan yang bakal menarik minat pelancong bagi mengenali lebih dekat kesenian dan kehalusan kraftangan masyarakat tempatan. Showroom Nordin Batik diharapkan dapat mengangkat produk kraftangan ke peringkat antarabangsa, sekaligus dapat memartabatkan nilai budaya Melayu yang sebenar. Pusat kraftangan ini diharapkan dapat menjadi salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Kelantan, khusus bagi pelancong yang ingin mendapatkan produk yang terbaik dan pelbagai tetapi dengan harga yang berpatutan.<sup>97</sup>

Syarikat telah mengenalpasti beberapa kategori pelanggan yang disasarkan bagi melancarkan pameran dan penjualan produk kraftangan :

1. Rombongan pelancong luar negeri
2. Rombongan pelancong tempatan
3. Kakitangan kerajaan dan perbadanan
4. Pemborong-pemborong tempatan dan luar negeri

Beberapa produk yang bakal dijadikan bahan pameran dan jualan di pusat kraftangan ialah:

- Produk batik (kain, baju siap, beg, bekas pensel dan lain-lain)

---

<sup>96</sup> *Ibid*

<sup>97</sup> *Ibid*

- Barang-barang haji dan ihram (kain ihram, tali pinggang haji, seluar haji dan telekong sembahyang)
- Produk perak (pasu, mangkuk, perhiasan, replika dan lain-lain)
- Produk kayu ukir (bekas pensel, bingkai gambar, perhiasan, bingkai cermin dan lain-lain)
- Pasu antik (terdiri daripada pasu yang dibentuk dan dicorakkan dengan teknik tradisional)
- Produk songket (kain, beg dan perhiasan rumah)
- Produk tembikar (terdiri daripada produk tembikar dalam pelbagai saiz dan bentuk)
- Produk kaca (diimport khas dari negara China seperti gelas kaca, pasu bunga, buah-buahan hiasan dan lain-lain)
- Produk mengkuang dan rotan (terdiri daripada tudung saji, beg, bakul, topi, bekas bunga dan lain-lain)
- Produk khat dalam pelbagai bentuk dan saiz dengan ukiran ayat-ayat suci Al-Quran.
- Alatan sembahyang (seperti tasbih, sejadah, kopiah, songkok dan baju Melayu untuk dewasa dan kanak-kanak)

Beberapa aktiviti pelancongan telah dirancang dan dijadualkan beroperasi di salah satu sudut di kawasan bilik pameran ini bagi memberi peluang kepada pelancong yang berkunjung untuk melihat dengan lebih dekat proses penghasilan produk kraftangan.<sup>98</sup>

Antara aktiviti yang disediakan ialah mini bengkel untuk membuat demonstrasi cara pembuatan batik bermula daripada proses ‘canting’ dan mewarna

---

<sup>98</sup> *Ibid*



serta mengadakan demonstrasi membuat wau dan tenunan songket. Selain itu, promosi pelbagai produk turut dijalankan dari sekolah ke sekolah, lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, agensi pelancongan dan menaja pakaian bagi pengacara televisyen serta artis, selain mengadakan karnival jualan dengan tawaran harga menarik<sup>99</sup>

### **3.4.2 SYARIKAT RAZALI BATIK SDN. BHD.**

#### **a) PENGENALAN**

**MAHAMAD RAZALI ARSAT SDN. BHD.** diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 11 Ogos 1992. Nombor syarikatnya ialah 246501-M. Ahli pengarahnya terdiri daripada Encik Mahamad Razali Arsat sebagai Pengerusi atau Pengarah Urusan dan isterinya Puan Mariah Ahmad sebagai pengarah biasa. Syarikat ini kepunyaan 100% Bumiputra. Antara aktiviti utama ialah mengeluarkan batik, terutamanya batik lukis tangan (*Hand Drawn Batik*), pakaian siap wanita dan lelaki. Walaupun syarikat ini ditubuhkan pada 11 Ogos 1992, aktiviti batiknya telah pun bermula sejak 1982 lagi di bawah MAHAMAD RAZALI ARSAT – Milik tunggal<sup>100</sup>

#### **b) PERKEMBANGAN SYARIKAT**

Syarikat bermula pada 1982 dalam bentuk perseorangan dan dijadikan syarikat sendirian berhad pada 11 Ogos 1992. Bilangan pekerja telah bertambah daripada 5 orang pada tahun 1982 menjadi lebih 250 orang pekerja kini dengan kawasan kilang seluas lebih 6,400 kaki persegi di bangunan tiga tingkat. Syarikat juga memiliki bilik pameran yang besar<sup>101</sup>

---

<sup>99</sup> *Ibid*

<sup>100</sup> Puan Mariah binti Ahmad, Pengarah Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 27 November 2008.

<sup>101</sup> *Ibid*

### c) **HASIL KELUARAN**

Barangan yang dikeluarkan adalah kain sepasang, kemeja, kaftan, skaf dan tali leher. Jenis kain yang digunakan adalah yang bermutu diimport terus dari negara China melalui Singapura, iaitu kain Sutera *Creepe Jacquard*, *Creepe Dechine*, *Habolin*, *Creepe Satin* dan *Creepe Jacquard 20 Mumi*. Barangan yang dihasilkan diedar ke seluruh negara terutamanya Terengganu, Kuala Lumpur, Johor, Perak. Produk mereka juga dieksport ke pasaran antarabangsa terutamanya Austria (Vienna), Singapura, Brunei dan Thailand. Pasaran utama syarikat ialah tempatan dengan 40 % meliputi Malaysia Utara, Singapura dan Brunei dan 30 % Lembah Klang serta sekitarnya.<sup>102</sup>

### 3.4.3 **SYARIKAT KAMALIAH BATIK SDN. BHD.**

#### a) **PROFIL SYARIKAT**

Kamaliah Batik Sdn. Bhd. diasaskan daripada Perusahaan Merpati Putih yang ditubuhkan pada tahun 1955. Bermulanya Syarikat ini pada Januari 1970, bertukar kepada Kamaliah Batik Sdn. Bhd. pada Ogos 1998. Syarikat dan kilangnya beralamat di Lot 619, Kampung Pintu Geng, 15100 Kota Bharu, Kelantan. Status syarikatnya iaitu milik bumiputra dan hak milik adalah perkongsian (milik keluarga). Nombor syarikatnya ialah 466931-D. Antara lembaga pengarah Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd ialah Encik Haji Mohamed Idris Haji Mohd Amin yang juga bertindak sebagai Pengerusi, Encik Khairul Anuar Haji Mohamed Idris sebagai Pengarah dan Puan Hajjah Kamaliah Hj Abdullah sebagai Pengarah Kewangan. Modal berbayar bagi syarikat tersebut bermula dengan RM 50,000.00 pada tahun 1970 dan ditambah sebanyak RM 50,000.00 pada 1987. Jumlah keseluruhan modal ialah RM 100,000.00. Anggaran

---

<sup>102</sup> *Ibid*

keseluruhan jualan setahun ialah lebih kurang RM 600,000.00 dengan kapasiti pengeluaran sebulan ditaksirkan lebih kurang RM 60,000.00 nilainya iaitu<sup>103</sup>

- Batik Pasang - 600 pasang 4 meter (untuk perempuan)
- Batik Kemeja Lelaki - 1000 pasang 2 1/2 meter
- Batik Kaftan - 1000 pasang (3 meter, 3 ela, termasuk kanak-kanak)
- Batik Skaf - 500 helai

**b) JENIS PRODUK YANG DIKELUARKAN**

Mempunyai pelbagai jenis hasil batik seperti batik sepasang perempuan, kemeja lelaki, kaftan, skaf, pareo, kaftan kanak-kanak dan lain-lain keperluan batik. Sejumlah RM5000 diperuntukkan sebagai promosi menyertai pelbagai pameran anjuran kerajaan atau swasta yang diadakan di seluruh negara.<sup>104</sup>

**c) SALURAN PENGEDARAN**

Saluran utama sekarang adalah secara domestik sahaja dan saluran kedai sendiri di Bazar Buluh Kubu. Negeri Terengganu, Pahang, Johor, Selangor dan Kuala Lumpur merupakan pasaran domestik yang kukuh. Nilai eskport iaitu ke Brunei dan Singapura agak kecil iaitu lebih kurang RM 30,000.00 setahun. Punca bahan mentah diperoleh di Kota Bharu sahaja seperti Rosin, Lilin, Bahan Pewarna (Pencelup), Silicate dan sebagainya.<sup>105</sup>

---

<sup>103</sup> Encik Mohamed Idris bin Mohd Amin, Pengarah Syarikat Kamaliah Batik Sdn.Bhd, Temubual pada 28 November 2008.

<sup>104</sup> *Ibid*

<sup>105</sup> *Ibid*

### **3.4.4 SYARIKAT SAMASA BATIK SDN. BHD.**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Samasa batik diasaskan pada tahun 1911 oleh Encik Hj. Che Su Haji Ishak bermodalkan RM 500.00. Nombor syarikatnya ialah 30091-U. Beliau merupakan pengurus syarikatnya iaitu Mohd. Yusof Company Adik Beradik yang beralamat di Lorong Gajah Mati kemudian setelah melalui zaman kegemilangan Encik Hj. Che Su Hj Ishak telah membuka cawangan di Kampung Sireh, 15200 Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1930-an dengan bilangan pekerja seramai 11 orang. Beliau dikurniakan tujuh orang cahaya mata dan empat orang daripadanya masih giat aktif menceburi bidang batik. Pada tahun 1977, syarikat Mohd Yusof Company telah bertukar namanya iaitu Samasa Batik Sdn. Bhd. yang telah ditadbir oleh anaknya Encik Kamarozzaman Hj. Mohd Salleh.<sup>106</sup>

Kilangnya kini terletak di 5164, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan. Bilangan pekerja adalah seramai 10 orang. Mereka memiliki cawangan kilang di daerah Bachok dan Kuala Krai yang diuruskan oleh adik-beradik Encik Kamarozzaman. Kilang di Bachok memiliki pekerja seramai 5 orang. Walaupun pada awalnya perniagaan batik dilanda krisis yang teruk, tetapi berkat usaha dan kesabarannya, perniagaannya dapat bertahan sehingga ke hari ini. Antara produk keluarannya ialah kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik. Kebanyakan tempahan yang diterima adalah dari luar Kelantan.<sup>107</sup>

---

<sup>106</sup> Encik Kamarozzaman Mohd Salleh, Pengarah Eksekutif Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 30 November 2008.

<sup>107</sup> *Ibid*

### **3.4.5 SYARIKAT HANAFI BATIK SDN. BHD**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Sebelum kewujudan Hanafi Batik Sdn. Bhd., syarikat adalah berasaskan perniagaan milikan tunggal dan beroperasi secara kecil-kecilan. Nombor syarikatnya ialah 713976-D. Selepas mendapat pengalaman selama lebih 10 tahun dalam dunia perniagaan berasaskan batik khususnya, perniagaan ini telah berkembang dan bertukar menjadi milikan perkongsian iaitu Syarikat Sendirian Berhad pada 24 Oktober 2005.<sup>108</sup>

#### **b) PERKEMBANGAN SYARIKAT**

Hanafi Batik Sdn. Bhd. adalah syarikat milikan keluarga yang mula beroperasi pada 1 Disember 2005 dengan permulaan modal berbayar sebanyak RM 250,000.00 daripada RM500,000.00 modal yang dibenarkan. Antara ahli tunggal Ahli Lembaga Pengarah ialah pemilik syarikat iaitu Encik Abu Hanafi Hussein yang mempunyai pegangan sebanyak 75% manakala Puan Sharmizai Ashaari mempunyai pegangan saham sebanyak 25%. Kini syarikat mempunyai 10 orang pekerja tetap dan lebih 50 orang pekerja kontrak untuk membuat batik<sup>109</sup>

Antara jenis kain yang dibuat corak batik adalah fabrik sutera, kapas, rayon, fuji dan sebagainya. Semua pekerja upahan diberikan tugas membuat batik mengikut corak yang dikhususkan sama ada corak abstrak atau bunga. Kadar bayaran gaji kepada pekerja pula adalah berdasarkan lukisan yang dihasilkan sama ada menarik, berkualiti, teliti dan halus buatannya. Antara jenis pakaian dan barangan lain berasaskan corak batik yang disediakan ialah kain pasang, kain kemeja, baju kemeja, baju kurung siap, baju kaftan, pario, kain sarung, beg tangan, kasut, kain ela dan lain-lain lagi. Selain

---

<sup>108</sup> Hanafi bin Hussein, Pengarah Eksekutif Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 3 November 2008.

<sup>109</sup> *Ibid*

daripada pakaian dan barangan berasaskan batik, syarikat juga menyediakan barangan yang bukan berasaskan batik antaranya ialah songket, tudung, kain pelikat, kain sembahyang, songkok, kopiah dan sebagainya.<sup>110</sup>

Selain daripada perkhidmatan jual beli secara langsung, syarikat turut menyediakan perkhidmatan tempahan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan sentuhan daripada motif atau corak yang tersendiri. Perkhidmatan tempahan batik kebiasaannya mendapat permintaan daripada syarikat tertentu sama ada sektor swasta atau kerajaan mahupun orang perseorangan.<sup>111</sup>

### **3.5 KATEGORI SYARIKAT SEDERHANA**

#### **3.5.1 SYARIKAT MOHD YUNUS BATIK**

##### **a) PROFIL SYARIKAT**

Mohd Yunus Batik diasaskan oleh Encik Mohd Yunus Mohammad pada tahun 1980 dan bermodalkan RM 10,000. Nombor syarikatnya ialah KT 00555 777-D. Syarikatnya kini ditadbir oleh anaknya Encik Saifulmasdi Hassan yang mempunyai pekerja seramai 11 orang. Isterinya, Puan Siti Zaitun Hussin turut membantu beliau dalam memasarkan produk mereka. Antara produk yang dipasarkan ialah kain pasang, kaftin, kemeja batik dan kain sarung. Kapasiti pengeluaran sebulan dianggarkan antara 300-400 pasang. Antara tempat yang sering dikunjungi beliau dalam membuat promosi ialah Kuala Lumpur dan Perak. Kebiasaannya syarikat banyak menerima tempahan dari sekolah yang menggunakan uniform berasaskan batik.<sup>112</sup>

#### **3.5.2 SYARIKAT NADIA BATIK COLLECTION**

---

<sup>110</sup> *Ibid*

<sup>111</sup> *Ibid*

<sup>112</sup> Saifulmasdi bin Hassan, Pengarah Eksekutif Syarikat Mohd. Yunus Batik, Temubual pada 4 November 2008.

**a) PROFIL SYARIKAT**

Teratak Nadia Batik terletak lebih kurang 3.5 km dari pusat bandar Kota Bharu dan terdapat juga beberapa cawangan di bandar itu. Nama Nadia Batik sudah tidak asing lagi dalam kalangan pelancong yang melawat Kelantan. Nadia Batik merupakan pusat pengeluaran batik tradisional termasuklah batik jenis terap, lukis dan juga batik jenis skrin. Mereka merupakan sebuah kilang yang paling besar di Kelantan bagi pengeluaran batik jenis lukis tangan. Nadia Batik selalu menekankan kualiti daripada kuantiti dengan mampu mengeluarkan lebih 30,000-40,000 pasang batik lukis dalam masa setahun dengan pelbagai reka bentuk lukisan yang unik. Kini, produk syarikat turut dieksport ke Brunei.<sup>113</sup>

**PERKEMBANGAN SYARIKAT**

Kilang Nadia Batik memulakan operasi pada tahun 1981. Pada awalnya pemilik syarikat ini memulakan perusahaannya secara kecil-kecilan. Tetapi berkat usaha yang gigih, kini Nadia Batik berdiri dengan teguhnya dan mempunyai beberapa buah kilang dengan keluasan melebihi 20,000 kaki persegi dengan lebih 80 pekerja. Semua pekerjanya telah dilatih terlebih dahulu agar dapat mengeluarkan reka bentuk yang menarik dan mengikut cita rasa masa kini supaya dapat memenuhi kehendak hati pelanggan.<sup>114</sup>

Nadia Batik juga telah mengorak langkah lebih jauh bagi meluaskan pasarannya dengan membekalkan batik-batik eksklusif ke jabatan-jabatan kerajaan termasuklah jemaah menteri, kerabat diraja dan ahli korporat. Setakat ini nama Nadia Batik sudah cukup sinonim dengan cita rasa pelanggan. Nadia Batik sedia menerima segala

---

<sup>113</sup> Wan Zainab binti Wan Ibrahim, Pengarah Eksekutif Syarikat Nadia Batik Collection, Temubual pada 5 November 2008.

<sup>114</sup> *Ibid*

tempahan bagi setiap kehendak pelanggan termasuklah menenun songket dengan menggunakan benang emas<sup>115</sup>

### **3.5.3 SYARIKAT DAGANG BATIKRAF**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Dagang Batikraf diasaskan pada 1963 oleh Encik Awang Ahmad bermodalkan RM 500.00. Beliau merupakan pengurus DAGANG BATIKRAF. Kilangnya terletak di No 5084-D, Jalan Sultanah Zainab, 15050 Kota Bharu, Kelantan. Keluasan kilangnya dianggarkan 10,000 meter persegi. Dagang Batikraf telah diambil alih oleh anak beliau iaitu Encik Muhammad Arif. Setakat ini syarikat mempunyai 15 pekerja. Walaupun beliau mempunyai kelulusan SPM sahaja tetapi berjaya membawa syarikatnya maju kerana minatnya yang mendalam dan selaras dengan seruan kerajaan mewajibkan pemakaian batik dalam kalangan kakitangan awam. Antara produk yang dikeluarkan ialah batik pakaian seragam khas, kain sarung batik, baju kemeja batik dan baju pasang batik. Tempahan syarikat banyak dari sekolah kerajaan seperti MRSM dan jabatan kerajaan.<sup>116</sup>

### **3.5.4 SYARIKAT AZIZ BATIK**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Aziz Batik diasaskan pada tahun 1960 oleh Encik Mohd. Ali bin Latif bermodalkan RM 500.00. Dia merupakan pengurus AZIZ BATIK yang beralamat di Tingkat 2, Kompleks Bazar Buluh Kubu, 15100 Kota Bharu, Kelantan. Kilangnya terletak di Kampung Dal, Jalan Pantai Cahaya Bulan, 15350 Kota Bharu, Kelantan dengan 10 orang pekerja. Kini, urusan syarikat telah diambil alih oleh anaknya iaitu Encik Mohd Zailan Mohd Ali yang mempunyai kelulusan Diploma Pengurusan

---

<sup>115</sup> *Ibid*

<sup>116</sup> Muhammad Arif bin Awang, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kampung Sireh, Temuramah pada 7 november 2008.



Perniagaan ITM dan berjaya membawa imej syarikat sebaris dengan syarikat batik yang lain. Antara produk yang dikeluarkan ialah kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik.<sup>117</sup>

### **3.5.5 SYARIKAT LIZZA CREATION**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Lizza Creation diasaskan pada 1994 oleh Puan Rosliza Muhammad graduan kelulusan Ijazah Senireka Textile pada tahun 1988 di ITM Shah Alam. Dengan bermodalkan RM1,000 duit simpanan sendiri tanpa membuat pinjaman bank, beliau berjaya membuka perusahaan batiknya sendiri. Beliau juga pengurus Lizza Creation yang beralamat di Tingkat 1, Bangunan KB Mall, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Nombor syarikatnya iaitu KT 0129410-V. Kilangnya terletak di 178, Taman Sayang, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan.<sup>118</sup>

Setakat ini beliau mempunyai pekerja seramai 12 orang. Walaupun pada awalnya syarikatnya mengalami masalah tetapi berkat usaha dan kesabarannya perniagaannya dapat bertahan sehingga ke hari ini. Suaminya, Encik Isharuddin Bin Ibrahim yang berkelulusan Ijazah Senireka Perusahaan dalam bidang Reka Bentuk Lanskap di ITM Shah Alam menjadi pemberi semangat dan dorongan kepada beliau dalam perniagaan ini. Antara produk yang dikeluarkan meliputi kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik.<sup>119</sup>

---

<sup>117</sup> Mohd Zailan Mohd Ali , Pengarah Eksekutif Syarikat Aziz Batik , Temuramah pada 7 november 2008.

<sup>118</sup> Rosliza binti Muhammad, Pengarah Eksekutif Syarikat Secret Recipe, Temubual pada 10 November 2008.

<sup>119</sup> *Ibid*

### **3.5.6 SYARIKAT MASKAMAL BATIK**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Maskamal Batik diasaskan pada 1983 oleh Encik Mat Kamal Abdullah dengan modal RM 300.00. Nombor syarikatnya ialah KT0070983-X. Beliau ialah pengurus MAS KAMAL BATIK yang merupakan hasil gabungan nama isterinya Puan Che Mastura Binti Ismail. Beliau mempunyai kedai di S/33, Lot 901, Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB), Hadapan Sek. Keb. Semut Api, Badang, 15350 Kota Bharu, Kelantan. Setakat ini beliau mempunyai pekerja seramai 10 orang. Isterinya, Puan Che Mastura Binti Ismail turut membantu perniagaannya. Kapasiti pengeluaran syarikatnya sehari ialah sebanyak 10 pasang sahaja. Antara produk yang dikeluarkan ialah batik eksklusif, kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik, kaftan suji serta sapu tangan. Semua produknya berasaskan batik eksklusif yang dieksport ke Sarawak dan Jepun.<sup>120</sup>

### **3.5.7 SYARIKAT RNZ BATIK TRADIKRAF**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

RNZ BATIK TRADIKRAF diasaskan pada tahun 1951 oleh Encik Hj. Abdullah Mohammad bermodalkan RM 1000.00 bermula dari tahun 1951-1975. Nombor syarikatnya ialah KT0065742-V. Mulai 1975 sehinggalah sekarang syarikat tersebut telah diambil alih oleh anaknya iaitu Encik Rahim Haji Abdullah. Beliau telah menyertai Persatuan Pembatik Pantai Timur dan aktif menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan. Pada 1973, beliau telah menyertai koperasi pembatik dan telah dilantik sebagai setiausaha koperasi sehinggalah sekarang. Beliau juga pengurus RNZ BATIK TRADIKRAF yang beralamat di Safuan Flaza, Kampung Baru, Kuala

---

<sup>120</sup> Mat Kamal bin Abdullah dan Che Mastura Binti Ismail, Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Syarikat, temubual pada 11 November 2008.

Lumpur. Kilangnya pula terletak di 5/2 197, Kampung Gak Kapor, Jalan Kampung China, 15350 Kota Bharu, Kelantan dengan 12 orang pekerja.<sup>121</sup>

Pada tahun 1983, beliau menyertai Jerman Short Course Strategi and Marketing di bawah program SLUB iaitu program penghasilam bahan mentah mengikut negara Jerman. Selain itu, beliau pernah terpilih mewakili rombongan Malaysia ke luar negara seperti Papua New Guinea dan Australia. Isterinya, Puan Shabariah Muhammad bekerja sebagai guru di Yayasan Islam Kelantan sering memberi semangat kepada beliau dalam perniagaannya. Dengan hanya kelulusan STPM, beliau berjaya membawa kemajuan kepada syarikatnya. Antara produk yang dikeluarkan ialah kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik. Syarikat banyak menerima tempahan dari jabatan kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Luar Bandar, Bank Rakyat dan pemborong di Bazar Buluh Kubu serta promosi luar negara seperti Sepanyol, Portugal dan Mesir turut dijalankannya.<sup>122</sup>

### **3.6 KATEGORI SYARIKAT KECIL**

#### **3.6.1 SYARIKAT BATIK MAS**

##### **a) PROFIL SYARIKAT**

Syarikat Batik Mas diasaskan pada tahun 1960-an oleh Puan Hajjah Siti Fatimah Che Daud bermodalkan RM 1000. Nombor syarikatnya ialah 000135150-U. Kemudian Syarikat Batik Mas telah diambil alih oleh anaknya iaitu Encik Haji Mohammad Abdullah. Dahulu Syarikat Batik Mas dikenali dengan nama Syarikat Batik Mohd Anika Store kemudian ditukar nama kepada Syarikat Batik Mas. Beliau

---

<sup>121</sup> Rahim bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

<sup>122</sup> Rahim bin Haji Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

merupakan pengurus SYARIKAT BATIK MAS yang beralamat di No.46, Tingkat 1, Bazar Buluh Kubu, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Kilangnya terletak di Pasir Pekan. Setakat ini beliau mempunyai pekerja seramai 5 orang. Walaupun beliau mempunyai kelulusan Darjah 6 sahaja tetapi berjaya membawa syarikatnya setanding dengan syarikat batik yang lain. Antara produk yang dikeluarkan ialah kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik.<sup>123</sup>

### **3.6.2 SYARIKAT ADIK BATIK<sup>124</sup>**

#### **a) PROFIL SYARIKAT**

Adik Batik diasaskan pada tahun 1990 oleh Puan Rosh Hayati Binti Ismail bermodalkan RM 500.00. Beliau juga pengurus syarikatnya iaitu ADIK BATIK yang beralamat di No.14, Tingkat 1, Bangunan Kota Sri Mutiara, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Kilangnya terletak di Kampung Pulau Kundur, Kota Bharu, Kelantan. Kini, syarikatnya memiliki 25 orang pekerja. Walaupun pada awalnya perniagaan batiknya dilanda krisis yang teruk, tetapi berkat usaha dan kesabarannya, perniagaannya dapat bertahan sehingga kini. Galakan dan dorongan suaminya iaitu Encik Ali Zaman Bin Mohd Zaman, telah memberi semangat kepada beliau dalam menjalankan perniagaan ini. Walaupun beliau mempunyai kelulusan Darjah 6, tetapi berjaya membawa syarikatnya bersaing dengan syarikat lain. Antara produk yang dikeluarkannya ialah kain sarung batik, baju kemeja dan baju pasang batik.<sup>125</sup>

---

<sup>123</sup> Mohammad bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Batik Mas, Temuramah pada 13 November 2008.

<sup>124</sup> Rosh-Hayati binti Ismail, Pengarah Eksekutif Syarikat Adik Batik, Temuramah pada 10 November 2008.

<sup>125</sup> *Ibid*

### 3.6.3 RASHIDAH BATIK EKSKLUSIF

#### a) PROFIL SYARIKAT

Rashidah Batik diasaskan pada tahun 1982 oleh Puan Rashidah Abdullah bermodalkan RM 20,000. Nombor syarikatnya ialah KT0015160-X. Beliau merupakan pengurus RASHIDAH BATIK yang beralamat di Seksyen 1, 404, Penambang Hilir, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Rashidah Batik juga memiliki kedai di bangunan MARA, Kota Bharu, Kelantan. Kilangnya terletak di 336, Kampung Teluk Baru, Baum Bayam Jalan Guchil, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Syarikatnya mempunyai 22 orang pekerja. Antara produk yang dihasilkan ialah kain sarung batik, baju kemeja, kain alas meja, skaf, tudung dan baju pasang batik. Beliau juga sedia menerima tempahan reka bentuk batik tulis tangan eksklusif di atas kain sutera, kapas, rayon dan brocade. Untuk kain pasang 4 meter - jenis kurung dan kebaya, kaftan (3 meter) sutera, rayon atau brocade, kain untuk blaus, skirt, seluar panjang atau pendek, kain untuk kemeja (sutera, kapas, rayon), kain set cadar (sutera, kapas dan comforter), kain untuk hiasan dalaman seperti langsir, alas meja, penutup lampu, hiasan dinding, penutup saji, sarung bantal dan sebagainya.<sup>126</sup>

Rashidah Batik juga sedia menerima tempahan untuk pakaian seragam (lukis, printed) dan kain ela atas sutera cotton (printed) serta menerima tempahan bagi batik eksklusif (reka bentuk khas) unik untuk setiap individu. Rashidah Batik banyak menerima tempahan dari Keluarga Diraja Brunei selama 10 tahun. Syarikatnya juga menerima tempahan dari Sabah dan Sarawak, butik-butik tempatan dan pembatik-pembatik tempatan. Pada masa yang sama, pihak kerajaan telah mengadakan kempen untuk menggalakkan pemakaian batik dalam kalangan pekerja sektor awam dan swasta sebagai pakaian rasmi pejabat.<sup>127</sup>

---

<sup>126</sup> Rashidah binti Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat, Temuramah pada 12 November 2008.

<sup>127</sup> *Ibid*

Dengan berbekalkan bantuan suaminya iaitu Encik Hj. Ahmad Fadhil Hj. Mohammad yang pernah bekerja sebagai penyelia pejabat pos Bachok tetapi sudah bersara, tugas beliau di kilang semakin ringan. Walaupun hanya mempunyai kelulusan STPM, beliau berjaya memajukan syarikatnya untuk bersaing dengan pembatik-pembatik lain <sup>128</sup>

### **3.7 KESIMPULAN**

Dalam sesuatu kegagalan mesti ada kejayaan, begitu juga dalam bidang perniagaan industri batik di Kelantan. Kadangkala mengalami pasang surut zaman kegemilangan dan zaman kejatuhannya. Dalam perniagaan batik, didapati majoriti dipelopori oleh orang Melayu muslim dan ramai orang Melayu yang berjaya terutama di Kelantan. Syarikat orang Melayu lebih dominan menguasai pasaran industri batik di Kelantan berbanding dengan kaum lain. Begitu juga dengan jumlah premis jualan yang kebanyakannya adalah milik orang Melayu.

Kebanyakan syarikat perniagaan batik adalah merupakan perniagaan warisan yang diwarisi daripada satu atau dua generasi sebelumnya. Di Kelantan, penulis mendapati orang Melayu berani untuk bersaing dan mempunyai minat yang mendalam untuk menceburi bidang perniagaan ini. Terdapat beberapa perbezaan antara syarikat tersebut iaitu dari sudut penghasilan corak batik. Sesetengah syarikat cuba meneroka corak batik yang terkini dan mengikut trend pengguna masa kini manakala sesetengah syarikat lain cuba mengekalkan corak batik yang lama kerana harganya adalah murah mengikut kemampuan pengguna untuk membelinya. Manakala persamaan yang wujud antara syarikat-syarikat tersebut iaitu dari sudut persamaan kelulusan akademik

---

<sup>128</sup> *Ibid*

dan juga pemilikan syarikat itu kebanyakannya adalah diwarisi daripada keturunan masing-masing.

**BAB**

**EMPAT**



## **BAB 4 :**

### **PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN PEMBATIK**

#### **DI KOTA BHARU**

##### **4.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini penulis akan membincangkan berkaitan dengan zakat iaitu pembayaran zakat oleh pembatik, bentuk-bentuk dan jenis zakat yang dikeluarkan oleh pembatik serta kategori pelbagai jenis syarikat kecil dan besar serta beberapa perbincangan hukum berkaitan masalah bentuk-bentuk zakat yang sesuai dikeluarkan mengikut peredaran zaman sekarang. Dalam bab ini juga dibincangkan cara pengiraan zakat oleh MAIK yang digunakan oleh pembatik untuk mengira zakat yang wajib dikeluarkan oleh mereka.

Di samping itu juga, penulis membuat perbandingan jumlah pembayaran zakat batik mengikut saiz syarikat pembatik serta graf peratus mengikut syarikat masing-masing. Penulis juga membincangkan beberapa faktor yang menyebabkan perbezaan jumlah pembayaran zakat dan corak pembayaran zakat. Dibincangkan juga cara mengenalpasti asnaf dan diakhiri dengan beberapa kesimpulan ringkas yang dibuat oleh penulis.

##### **4.2 BENTUK -BENTUK ZAKAT YANG DIKELUARKAN**

Terdapat pelbagai bentuk zakat yang telah dikeluarkan oleh pembatik. Majoriti pembatik mengeluarkan zakat berbentuk duit untuk memudahkan urusan asnaf yang menerima zakat tersebut. Didapati Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd, mengeluarkan zakat berbentuk duit, pakaian, pelikat dan batik. Manakala Syarikat Samasa Sdn. Bhd. pula mengeluarkan zakat dalam bentuk duit, pakaian dan pelikat.

Dalam hal ini terdapat beberapa pendapat, Abū Hanīfah dan Syāfi'ī dalam salah satu riwayat berpendapat bahawa peniaga itu boleh memilih antara mengeluarkan zakat berbentuk barang atau wang. Contoh: apabila seorang pedagang pakaian, ingin mengeluarkan zakat, pedagang boleh mengeluarkan zakat dalam bentuk pakaian tersebut atau bentuk wang senilai dengan pakaian tersebut.<sup>129</sup>

Menurut pendapat al-Muznī, zakat barang dagangan diwajibkan mengeluarkan barangan tersebut, bukan wang senilainya.<sup>130</sup> Pendapat Syāfi'ī dalam riwayatnya yang lain berpendapat bahawa zakat wajib dikeluarkan dalam bentuk wang bukan barang kerana nisab barang dagangan dihitung berdasarkan nilai harga barang tersebut. Oleh itu, zakat yang dikeluarkan mestilah dalam bentuk wang yang sama nilainya dengan barang tersebut.<sup>131</sup>

Ibn Qudāmah berpendapat, bahawa zakat wajib dikeluarkan dalam bentuk barang, sebaik-baiknya adalah bentuk wang. Pendapat yang terakhir inilah yang lebih kuat ditinjau dari segi kepentingan fakir miskin, kerana mereka dapat membeli apa yang mereka perlukan dengan wang tersebut. Jika zakat dikeluarkan dalam bentuk barangan, kadang-kadang pemiliknya tidak memerlukan barang tersebut, kemudian dijualnya dengan harga yang rendah dan merugikan mereka. Oleh itu, pendapat inilah yang lebih sesuai dan perlu diterima untuk memudahkan urusan pemerintah yang mengumpulkan dan menguruskan zakat kerana penjelasan dan hujahnya lebih tepat dan mudah serta pendapat inilah yang diguna pakai dalam urusan zakat pada masa sekarang.<sup>132</sup>

Sebagai kesimpulannya, pendapat pertama lebih sesuai dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja seperti apabila pedagang ingin mengeluarkan zakat dan ia tahu keperluan fakir miskin itu memerlukan barangan tersebut.

---

<sup>129</sup> Ibn Qudāmah (1968), *al-Mughnī*, Kaherah: Matba'ah al-Kaherah, Jil. 3, h. 31.

<sup>130</sup> Ibn Rusyd (1996), *Bidāyah al-Mujtahid*, Kaherah: Maktabah al-Kulilyyah al-Azhariyyah, Jil. 1, h. 260.

<sup>131</sup> Ibn Qudāmah (1968), *op.cit.*, h. 31.

<sup>132</sup> Ibid

Menurut al-Qaraḍāwī, pendapat terakhir adalah lebih kuat dan sesuai dengan berpandukan riwayat Ibn Taimiyah bagi menjawab persoalan berkaitan seorang pedagang yang ingin mengeluarkan zakat berbentuk wang senilai dengan barang-barang yang hendak dizakatkan. Dijawabnya dengan tiga jawapan iaitu Pertama Boleh, Kedua Tidak Boleh, Ketiga Boleh dalam keadaan tertentu atau untuk keperluan yang lebih mendesak.<sup>133</sup>

Mengikut pendapat penulis, duit atau wang adalah alat pembayaran yang paling sesuai mengikut peredaran zaman sekarang. Idea ini penting kerana dengan wang pelbagai urusan dan keperluan dapat dilakukan atau dilaksanakan dengan mudah termasuk pelbagai urusan muamalat, jual beli, perdagangan dan sebagainya.

#### **4.3 ZAKAT DIKELUARKAN MENGIKUT STANDART HARGA SEMASA**

Majoriti ulama berpendapat bahawa *standard* harga yang dipakai adalah harga semasa, ketika hendak mengeluarkan zakat. Menurut pendapat Jābir diriwayatkan daripada Zaid berpendapat bahawa barang yang hendak dikeluarkan zakat dinilai berdasarkan harga barang semasa, ketika hendak mengeluarkan zakat.<sup>134</sup>

Ibn Abbās berpendapat, “Tidak ada halangan ditunggu sehingga barang dijual kemudian dikeluarkan zakat berdasarkan harga tersebut.”<sup>135</sup> Maksud “menunggu” di sini adalah menunggu sehingga berlaku jualan supaya jelas perkiraan harga, dikira berdasarkan harga jualan sebenar barang tersebut.

Ibn Rusyd berpendapat bahawa zakat dihitung dari harga pembelian, bukan dari harga barang pada waktu itu.”<sup>136</sup> Tetapi beliau tidak menyebut siapa yang berpendapat

---

<sup>133</sup> Qaraḍāwī (1973), *Fiqh al-Zakāh*, Beirut: Muassasah al-Risālah, Jil. 1.

<sup>134</sup> Qaraḍāwī (1973), *op.cit.*, diterjemahkan daripada kitab *Al-Amwāl*.

<sup>135</sup> *Ibid.*,

<sup>136</sup> Ibn Rusyd (1996), *op.cit.*, hlm. 260.

sedemikian begitu juga alasannya. Terdapat dua kemungkinan yang mungkin berlaku iaitu turun harga, berdasarkan keadaan itu, pedagang mengalami kerugian kerana *standard* harga yang dipakai adalah harga pembelian. Oleh itu, berdasarkan pendapat di atas, zakat hanya dikeluarkan daripada modal tidak termasuk keuntungan. Sedangkan seharusnya zakat itu diambil dari modal dan pertumbuhannya seperti zakat ternakan.

Berdasarkan perbincangan diatas, maka pendapat yang lebih kuat dan tepat adalah pendapat jumhur iaitu barang pada ketika tempoh susut nilai, dikira berdasarkan harga semasa pada waktu itu.

Kesimpulannya, penulis mendapati majoriti pembatik juga mengeluarkan zakat mengikut *standard* harga barang semasa, ketika zakat hendak dikeluarkan, yang berbeza hanya dari segi bentuk-bentuk yang dikeluarkan sebagaimana yang telah penulis bincangkan sebelum ini.<sup>137</sup>

#### **4.4 JUMLAH PEMBAYARAN ZAKAT OLEH PENGUSAHA BATIK**

Di bawah ini merupakan jumlah keseluruhan pembayaran zakat oleh syarikat-syarikat pembatik merangkumi jumlah keseluruhan pembayaran zakat oleh syarikat pembatik. Jumlah ini meliputi pelbagai bentuk zakat yang dikeluarkan sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.

---

<sup>137</sup> Rahim bin Haji Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

#### 4.4.1 KATEGORI SYARIKAT BESAR

##### 1) SYARIKAT NORDIN BATIK SDN.BHD.<sup>138</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.1: Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	800 000	800 000	1 000 000	1 000 000	1200 000	4 800 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	20 000	20 000	30 000	30 000	40 000	1 040 000
<b>Peratus Kadar Zakat berbanding Keuntungan</b>	2.5%	2.5%	3%	3%	3.3%	21.7%

Sumber : Nordin bin Mahmood, Pengerusi Eksekutif Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd, Temubual pada 25 November 2008.

##### 2) SYARIKAT RAZALI BATIK SDN. BHD.<sup>139</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Razali Batik Sdn.Bhd. dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008

<sup>138</sup> Nordin bin Mahmood, Pengerusi Eksekutif Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 25 November 2008.

<sup>139</sup> Mariah binti Ahmad, Pengarah Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 27 November 2008

Jadual 4.2: Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Razali Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	100 000	200 000	100 000	150 000	150 000	700 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	3 000	4 000	3 000	4 000	4 000	18 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	3%	2%	3%	2.7%	2.7%	2.6%

Sumber : Mariah binti Ahmad, Pengarah Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 27 November 2008.

### 3) SYARIKAT KAMALIAH BATIK SDN. BHD.<sup>140</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Kamaliah Batik Sdn.Bhd. dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

<sup>140</sup> Mohamed Idris bin Mohd Amin, Pengerusi Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd., Pengarah Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd., Temuramah pada 28 November 2008

Jadual 4.3 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Kamaliah Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	250 000	250 000	250 000	300 000	400 000	1 450 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	15 000	15 000	15 000	20 000	30 000	95 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	6%	6%	6%	6.67%	7.5%	6.6%

Sumber : Mohamed Idris bin Mohd Amin, Pengerusi Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd., Pengarah Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 28 November 2008.

#### **SYARIKAT SAMASA BATIK SDN. BHD.<sup>141</sup>**

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Samasa Batik Sdn.Bhd dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.4 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Samasa Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	50 000	35 000	40 000	55 000	55 000	235 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	2 000	1700	1750	2 500	2 500	10450
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	4%	4.86%	4.38%	4.55%	4.55%	4.4%

<sup>141</sup> Kamarozzaman bin Mohd Salleh, Pengarah Eksekutif Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 30 November 2008.

Sumber : Kamarozzaman bin Mohd Salleh, Pengarah Eksekutif Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd., Temuramah pada 30 November 2008.

#### 4) SYARIKAT HANAFI BATIK SDN.BHD<sup>142</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Hanafi Batik Sdn.Bhd dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.5 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Hanafi Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	50 000	60 000	76,613	146,275	150 000	482 888
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	15 000	20 000	30 000	35 000	40 000	140 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	30%	33.3%	39.2%	24%	27%	29%


Sumber : Abu Hanafi Bin Hussein, Pengarah Eksekutif Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Temuramah pada 3 November 2008.

Penulis telah membuat kesimpulan secara keseluruhan dalam bentuk graf, kadar zakat yang dibayar oleh pembatik serta peratusan zakat yang dibayar bagi kategori Syarikat Besar.

<sup>142</sup> Abu Hanafi bin Hussein, Pengarah Eksekutif Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Temubual pada 3 November 2008.



Graf 4.1 : Kadar zakat yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori syarikat besar.




Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan graf 4.1, menunjukkan bahawa Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd dan Syarikat Hanafi Batik Sdn.Bhd mencatat kadar zakat tertinggi sebanyak 140 000, kemudian diikuti oleh syarikat kamaliah Batik Sdn.Bhd sebanyak 77 000. Manakala Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd sebanyak 18 000 dan Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd adalah yang paling rendah sebanyak 8450.

Terdapat perbezaan antara kadar zakat bagi syarikat-syarikat kategori besar adalah bergantung kepada jumlah keuntungan yang diperolehinya. Faktor kedua adalah cara pengiraan zakat tersebut sama ada menepati syarat wajib zakat perniagaan atau tidak seperti syarikat Razali Batik Sdn.Bhd pada tahun 2005 hanya membayar zakat

sebanyak 2% sahaja tidak mencapai kadar zakat yang ditetapkan iaitu sebanyak 2.5% sedangkan keuntungan yang diperoleh adalah cukup tinggi pada tahun tersebut iaitu sebanyak RM 200 000.

Graf 4.2 : Peratus kadar zakat yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori syarikat besar.



Berdasarkan graf 4.2, peratus kadar zakat berbanding keuntungan bagi pembatik kategori syarikat besar antara 2004-2008, Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd. menunjukkan peratusan tertinggi kadar pembayaran zakat sebanyak 153.5%, Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd. sebanyak 32.17% kemudian Syarikat Samasa Sdn. Bhd. sebanyak 22.34% serta Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd. sebanyak 14.30%. Syarikat yang paling rendah kadar pembayaran zakat adalah Razali Batik Sdn. Bhd. sebanyak 13.3%, manakala Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd. membayar peratusan kadar zakat tertinggi berbanding dengan kadar yang ditetapkan oleh MAIK iaitu 2.5%. malah Syarikat Hanafi Batik mencapai 30% kadar zakat yang telah dikeluarkan.

#### 4.4.2 KATEGORI SYARIKAT SEDERHANA

##### 1) SYARIKAT MOHD. YUNUS BATIK<sup>143</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Mohd Yunus Batik dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.6 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Mohd Yunus Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	50 000	50 000	40 000	50 000	50 000	240 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	7 000	7 000	6 000	7 000	7 000	34 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	14%	14%	15%	14%	14%	14.2%

Sumber : Saifulmasdi bin Hassan, Pengarah Eksekutif Syarikat Mohd. Yunus Batik, Temubual pada 4 November 2008.

##### 2) SYARIKAT NADIA BATIK<sup>144</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Nadia Batik Collection dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

<sup>143</sup> Saifulmasdi bin Hassan, Pengarah Eksekutif Syarikat Mohd. Yunus Batik, Temubual pada 4 November 2008.

<sup>144</sup> Wan Zainab binti Wan Ibrahim, Pengarah Eksekutif Syarikat Nadia Batik Collection, Temubual pada 5 November 2008.

Jadual 4.7 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Nadia Batik Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	70 000	70 000	70 000	80 000	80 000	370 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	15 000	15 000	15 000	20 000	20 000	85 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	21.4%	21.4%	21.4%	25%	25%	23%

Sumber : Wan Zainab binti Wan Ibrahim, Pengarah Eksekutif Syarikat Nadia Batik Collection, Temubual pada 5 November 2008, jam 2.30 petang, di Syarikat Nadia Batik Collection.

### 3) SYARIKAT DAGANG BATIKRAF<sup>145</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Dagang Batikraf dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.8 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Dagang Batikraf Sdn.Bhd.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	400 000	500 000	500 000	400 000	300 000	2 100 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	4 000	5 000	5 000	4 000	3 000	21 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	1%	1%	1%	1%	1%	1%

<sup>145</sup> Muhammad Arif bin Awang, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kampung Sireh, Temubual pada 7 November 2008.

Sumber : Muhammad Arif Bin Awang, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kampung Sireh, Temubual pada 7 November 2008.

#### 4) SYARIKAT AZIZ BATIK <sup>146</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Aziz Batik dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.9 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Aziz Batik .

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan Bagi tahun semasa</b>	200 000	200 000	300 000	300 000	300 000	1300 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	2 000	2 000	3 000	3 000	3 000	13 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	1%	1%	1%	1%	1%	1%

Sumber : Mohd Zailan bin Mohd Ali, Pengarah Eksekutif Syarikat Aziz Batik, Temubual pada 9 November 2008.

<sup>146</sup> Mohd Zailan bin Mohd Ali, Pengarah Eksekutif Syarikat Azizi Batik, Temubual pada 9 November 2008.

## 5) SYARIKAT LIZZA CREATION <sup>147</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Lizza Creation dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.10 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Lizza Creation.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	150,000	100 000	100 000	150 000	150 000	650 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	1,000	900	900	1,000	1,000	4 800
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	0.7%	0.9%	0.9%	0.7%	0.7%	0.8%

Sumber : Rosliza binti Muhammad, Pengarah Eksekutif Syarikat Secret Recipe, Temubual pada 10 November 2008.

## 6) SYARIKAT MASKAMAL BATIK <sup>148</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Maskamal Batik dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.11 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Maskamal Batik.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi</b>	150 000	160 000	160 000	150	160 000	780 000

<sup>147</sup> Rosliza binti Muhammad, Pengarah Eksekutif Syarikat Secret Recipe, Temubual pada 10 November 2008.

<sup>148</sup> Mat Kamal bin Abdullah dan Che Mastura Binti Ismail, Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Syarikat, Temubual pada 11 November 2008.

<b>tahun semasa</b>				000		
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	2 000	3 000	3 000	2 000	3 000	13 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	1.3%	1.9%	1.9%	1.3%	1.9%	1.7%

Sumber : Mat Kamal Bin Abdullah dan Che Mastura Binti Ismail, Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Syarikat, Temubual pada 11 November 2008.

## 7) SYARIKAT RNZ BATIK TRADIKRAF<sup>149</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat RNZ Batik Tradikraf dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.12 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat RNZ Batik Tradikraf.


<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	100 000	110 000	120 000	120 000	120 000	570 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	2000	2500	5000	5000	5000	19 500
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	2%	2.3%	4.2%	4.2%	4.2%	3.4%

Sumber : Rahim bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

<sup>149</sup> Rahim bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

Penulis telah membuat kesimpulan secara keseluruhan dalam bentuk graf, kadar zakat yang dibayar oleh pembatik serta peratusan zakat yang dibayar bagi kategori Syarikat Sederhana.


Graf 4.3 : Kadar zakat yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori syarikat sederhana.



Berdasarkan graf 4.3, menunjukkan kadar zakat tertinggi bagi kategori syarikat sederhana adalah Syarikat Nadia Batik sebanyak 85000, kemudian Syarikat Mohd Yunus Batik sebanyak 34000, Manakala Syarikat Dagang Batikraf sebanyak 21000, Syarikat RNZ Batik Tradikraf sebanyak 19500, Syarikat Aziz Batik dan Maskamal Batik sebanyak 13000 serta Syarikat Lizza Creation mencatat kadar bayaran zakat paling rendah sebanyak 4800.

Graf 4.4 : Graf peratus kadar zakat yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori syarikat sederhana.





Berdasarkan graf 4.4, menunjukkan bahawa peratus kadar zakat tertinggi bagi kategori syarikat sederhana adalah Syarikat Nadia Batik sebanyak 114.20%, kemudian diikuti oleh Syarikat Mohd Yunus Batik sebanyak 71%, Syarikat RNZ sebanyak 16.9%, Syarikat Maskamal Batik sebanyak 8.3% serta Syarikat Dagang Batikraf dan Syarikat Aziz Batik sebanyak 5% manakala Syarikat Lizza Creation mencatat kadar bayaran zakat paling rendah sebanyak 3%. Faktor rendahnya kadar bayaran zakat Syarikat Lizza Creation adalah kerana syarikat tersebut mencatat kadar keuntungan yang tidak menentu dari setahun ke setahun. Manakala Syarikat Maskamal Batik, Syarikat Aziz Batik dan Syarikat Dagang Batikraf mencatat kadar pembayaran zakat kurang daripada 2.5% sebagaimana yang telah ditetapkan oleh MAIK. Sedangkan ketiga-tiga syarikat ini memperolehi keuntungan yang besar dan mampu membayarnya. Ini adalah disebabkan sikap dan kurangnya kefahaman pembatik terhadap zakat dan merupakan salah satu kelemahan jika zakat diagihkan sendiri tanpa merujuk kepada MAIK menyebabkan kadar zakat yang dikeluarkan tidak mencukupi mengikut peratus zakat perniagaan yang telah ditetapkan.

#### 4.4.3 KATEGORI SYARIKAT KECIL

##### 1) SYARIKAT RASYIDAH BATIK EKSKLUSIF <sup>150</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.13 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi Tahun Semasa.</b>	50 000	40 000	30 000	30 000	30 000	180 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	2 000	1 000	500	500	500	4 500
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	4%	2.5%	1.7%	1.7%	1.7%	2.5%

Sumber : Rashidah binti Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat, Temuramah pada 12 November 2008.

##### 2) SYARIKAT BATIK MAS <sup>151</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Batik Mas dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

<sup>150</sup> Rashidah binti Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat, Temubual pada 12 November 2008.

<sup>151</sup> Mohammad bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Batik Mas, Temubual pada 13 November 2008.

Jadual 4.14 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Batik Mas.

<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	30 000	30 000	30 000	35 000	35 000	160 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	3 000	3 000	3 000	3 500	3 500	16 000
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	10%	10%	10%	10%	10%	10%

Sumber : Mohammad bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Batik Mas, Temubual pada 13 November 2008.

### 3) SYARIKAT ADIK BATIK <sup>152</sup>

Berikut merupakan keuntungan yang diperoleh oleh Syarikat Adik Batik dan kadar zakat yang telah dibayar oleh pembatik dalam tempoh lima tahun bermula 2004-2008.

Jadual 4.15 : Kadar zakat yang telah dibayar oleh Syarikat Adik Batik.


<b>Tahun</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>	50 000	40 000	50 000	40 000	50 000	230 000
<b>Kadar zakat yang telah dibayar</b>	1 500	1 000	1 500	1 000	1 500	6 500
<b>Peratus Kadar Zakat Berbanding Keuntungan</b>	3%	2.5%	3%	2.5%	3%	2.8%

<sup>152</sup> Rosh-Hayati Binti Ismail, Pengarah Eksekutif Syarikat Adik Batik, Temubual pada 10 November 2008.

Sumber : Rosh-Hayati binti Ismail, Pengarah Eksekutif Syarikat Adik Batik, Temubual pada 10 November 2008.

Penulis telah membuat kesimpulan secara keseluruhan dalam bentuk graf, kadar zakat yang dibayar oleh pembatik serta peratusan zakat yang dibayar bagi kategori Syarikat Kecil.


Graf 4.5 : Graf zakat yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori syarikat kecil.



Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan graf 4.5, menunjukkan bahawa Syarikat Batik Mas mencatat kadar zakat tertinggi sebanyak 16000, kemudian diikuti oleh Syarikat Adik Batik sebanyak 6500. Manakala Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif sebanyak 4500. Penurunan kadar pembayaran zakat oleh ketiga-tiga syarikat tersebut bergantung kepada kemampuan syarikat masing-masing serta masalah-masalah

peribadi yang terpaksa dihadapi oleh syarikat tersebut, tetapi masalah yang timbul bukanlah penghalang dan alasan pembatik setiap tahun untuk tidak melaksanakan kewajipan menunaikan zakat kepada institusi yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan zakat.

Graf 4.6 : Graf peratus kadar zakat berbanding keuntungan yang dibayar oleh pembatik secara keseluruhan dari tahun 2004-2008 kategori Syarikat Sederhana.



Berdasarkan graf 4.6, menunjukkan bahawa Syarikat Batik Mas mencatat kadar bayaran zakat tertinggi sebanyak 10% kemudian diikuti oleh Syarikat Adik Batik sebanyak 3%. Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif adalah paling rendah sebanyak 1,70%. Perbandingan antara ketiga-tiga syarikat tersebut mendapati Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif mengeluarkan zakatnya tidak mencapai peratus 2.5% sebagaimana yang ditetapkan oleh MAIK.

Ini kerana syarikat tersebut mempunyai keuntungan yang tidak tetap kerana pengarahnya Hajjah Rasyidah mempunyai masalah kesihatan dan keuntungan yang diperolehinya sedikit setelah ditolak semua kos bahan mentah.

#### **4.4.4 PERBANDINGAN JUMLAH PEMBAYARAN ZAKAT SYARIKAT PEMBATIK SECARA KESELURUHAN.**

Berikut Merupakan Jumlah Pembayaran Zakat Batik Untuk Tempoh Lima Tahun Bermula 2004 - 2008.

Jadual 4.17: Perbandingan jumlah pembayaran zakat syarikat pembatik secara keseluruhan.

<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>KATEGORI SYARIKAT BESAR</b>						
Nordin Batik Sdn.Bhd	20000	20000	30000	30000	40000	<b>140000</b>
PERATUS	2.5%	2.5%	3%	3%	3.3%	<b>21.7%</b>
Razali Batik Sdn.Bhd.	3000	4000	3000	4000	4000	<b>18000</b>
PERATUS	3%	2%	3%	2.67%	2.67%	<b>2.6%</b>
Kamaliah Batik Sdn.Bhd	15000	15000	15000	20000	30000	<b>95000</b>
PERATUS	6%	6%	6%	6.67%	7.5%	<b>6.6%</b>
Samasa Batik Sdn.Bhd	2000	1700	1750	2500	2500	<b>10450</b>
PERATUS	4%	4.86%	4.38%	4.55%	4.55%	<b>4.4%</b>
Hanafi Batik Sdn.Bhd.	15000	20000	30000	35000	40000	<b>140000</b>
PERATUS	30%	33.3%	39.2%	24%	27%	<b>29%</b>
<b>KATEGORI SYARIKAT SEDERHANA</b>						
Mohd Yunus Batik	7000	7000	6000	7000	7000	<b>34000</b>
PERATUS	14%	14%	15%	14%	14%	<b>14.2%</b>
Nadia Batik	15000	15000	15000	20000	20000	<b>85000</b>
PERATUS	21.4%	21.4%	21.4%	25%	25%	<b>23%</b>

Dagang Batikraf	4000	5000	5000	4000	3000	<b>21000</b>
PERATUS	1%	1%	1%	1%	1%	<b>1%</b>
Aziz Batik	2000	2000	3000	3000	3000	<b>13000</b>
PERATUS	1%	1%	1%	1%	1%	<b>1%</b>
Lizza Creation	1000	900	900	1000	1000	<b>4800</b>
PERATUS	0.7%	0.9%	0.9%	0.7%	0.7%	<b>0.8%</b>
Maskamal Batik	2000	3000	3000	2000	3000	<b>13000</b>
PERATUS	1.3%	1.9%	1.9%	1.3%	1.9%	<b>1.7%</b>
Rnz Batik Tradikraf	2000	2500	5000	5000	5000	<b>19500</b>
PERATUS	2%	2.3%	4.2%	4.2%	4.2%	<b>3.4%</b>
<b>KATEGORI SYARIKAT KECIL</b>						
Rasyidah Batik Eksklusif	2000	1000	500	500	500	<b>4500</b>
PERATUS	4%	2.5%	1.7%	1.7%	1.7%	<b>2.5%</b>
Adik Batik	1500	1000	1500	1000	1500	<b>6500</b>
PERATUS	3%	2.5%	3%	2.5%	3%	<b>2.8%</b>
Batik Mas	3000	3000	3000	3500	3500	<b>16000</b>
PERATUS	10%	10%	10%	10%	10%	<b>10%</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>94500</b>	<b>101100</b>	<b>121750</b>	<b>138500</b>	<b>164000</b>	<b>619850</b>

Berdasarkan jadual 4.7, analisa zakat pembatik bagi 5 tahun pertama didapati bahawa Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd. dan Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd. merupakan pengeluar zakat yang paling tertinggi iaitu sebanyak RM 140 000 kemudian diikuti dengan Kamaliah Batik Sdn. Bhd. sebanyak RM 95000 diikuti oleh Nadia Batik RM 85000, Mohd Yunus Batik sebanyak Rm 34000, Dagang Batikraf sebanyak RM 21000, RNZ Tradikraf sebanyak RM 19500, Razali Batik Sdn. Bhd. sebanyak RM 18000, Batik Mas sebanyak RM 16000, Maskamal Batik sebanyak RM 13000, Aziz Batik sebanyak RM 13000, Samasa Batik Sdn. Bhd. RM 10450. Manakala Rasyidah Batik Eksklusif sebanyak RM 4500 dan Lizza Creation sebanyak RM 3900. Jumlah zakat yang dikeluarkan oleh pembatik sama ada cukup atau tidak peratusan kadar

zakat yang ditetapkan sebanyak 2.5% adalah berdasarkan beberapa sebab dan faktor yang telah dijelaskan oleh penulis sebelum ini.

#### **4.5 FAKTOR PERBEZAAN JUMLAH PEMBAYARAN ZAKAT**

Salah satu faktor yang menyebabkan tinggi atau rendahnya pengeluaran zakat adalah bergantung kepada keuntungan sesebuah syarikat pembatik. Semakin tinggi keuntungan yang diperoleh oleh sesebuah syarikat semakin banyak syarikat berkenaan terpaksa membayar zakat tersebut. Faktor kedua adalah bergantung kepada sikap dan kefahaman pembatik terhadap cara pengiraan zakat. Majoriti pembatik mendakwa mengikut cara pengiraan zakat berdasarkan zakat perniagaan iaitu 2.5% tetapi pada hakikatnya jika dibuat perbandingan pembayaran zakat dengan keuntungan yang diperolehnya adalah sesuatu yang tidak dapat dijangkakan kerana setengah pembatik membayar zakat lebih daripada 2.5% dan setengahnya pula membayar kurang daripada 2.5%.

Bagi syarikat besar, majoriti pembatik membayar zakat lebih daripada 2.5% malah ada yang mencecah 30% iaitu Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd. begitu juga syarikat-syarikat besar yang lain majoriti keseluruhan peratusnya adalah tinggi. Ini bukanlah disebabkan kefahaman mereka terhadap zakat tetapi adalah disebabkan sifat pemurahannya terhadap asnaf. Manakala bagi syarikat sederhana pula, didapati tiga syarikat iaitu Syarikat Maskamal Batik, Syarikat Dagang Batikraf dan Syarikat Aziz Batik yang tidak membayar zakat mengikut kadar yang ditetapkan adalah disebabkan kurangnya kefahaman pembatik terhadap zakat. Manakala syarikat-syarikat sederhana dan kecil yang lain membayar zakat mengikut peratus 2.5% sebagaimana yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, didapati Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif dan Syarikat Lizza Creation adalah masing-masing mempunyai sebab-sebab tertentu




sepertimana yang dijelaskan penulis sebelum ini.

#### 4.6 KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT

Majoriti pembatik telah mengagihkan zakat secara sendiri kecuali Syarikat Nadia Batik, Syarikat Hanafi Batik dan Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif sahaja yang membayar zakat kepada MAIK separuh dan dibayar sendiri separuh.

Graf 4.7 : Graf cara pembayaran zakat oleh pembatik



Berdasarkan graf 4.18, menunjukkan peratus cara pembayaran zakat oleh 15 syarikat pembatik. Terdapat dua cara pembayaran zakat pembatik iaitu pembayaran zakat melalui saluran MAIK dan pembayaran zakat melalui saluran sendiri. Antara syarikat yang membayar 100% mengikut saluran sendiri adalah Syarikat Nordin Batik Sdn.Bhd, Razali Batik, Kamaliah Batik, Samasa Batik, Adik Batik, Mohd Yunus, Nadia Batik, Dagang Batikraf, Aziz Batik, Lizza Creation, Maskamal Batik, RNZ Batik dan Batik Mas. Manakala Syarikat Hanafi Batik, Nadia Batik dan Rasyidah Batik membayar zakat 50% melalui saluran MAIK dan 50% lagi melalui saluran sendiri.

#### 4.6.1 PENGAGIHAN ZAKAT SECARA SENDIRI

Penulis mendapati bahawa majoriti pembatik memberikan alasan dan sebab yang hampir sama kenapa zakat diagihkan sendiri. Antara sebab-sebab dan alasannya adalah kerana faktor kepuasan hati sendiri apabila dapat menghulurkan sendiri bantuan kepada fakir miskin, dapat beramah mesra dengan masyarakat, dihormati oleh masyarakat sekeliling, wujudnya budaya tolong-menolong, mengeratkan hubungan silaturrahim serta wujudnya budaya hidup bermasyarakat di antara orang kampung. Faktor ini penting untuk menjaga nama baik syarikat di samping hubungan dengan masyarakat kampung.

Puan Mariah binti Ahmad, Pengarah Urusan Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd. berpendapat bahawa membayar zakat terus kepada asnaf sebagai memudahkan urusan syarikat, menjimatkan kos, dan yang paling penting bagi beliau adalah kepuasan hati apabila dapat menghulurkan sendiri bantuan kepada fakir miskin dengan tangan sendiri.<sup>153</sup>

Manakala Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd,<sup>154</sup> Syarikat Aziz Batik,<sup>155</sup> Syarikat RNZ Batik Tradikraf<sup>156</sup> dan Syarikat Dagang Batikraf berpendapat bahawa antara sebab zakat dibayar sendiri, adalah kerana ketidakpercayaan syarikat tersebut kepada pentadbiran Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), kerana institusi tersebut terletak di bawah bidang kuasa raja, MAIK dianggap sudah mempunyai duit yang banyak serta menyebabkan timbulnya ketidakpercayaan kepada institusi tersebut di dalam membuat pengagihan zakat kepada fakir miskin yang layak menerimanya dan

---

<sup>153</sup> Mariah Binti Ahmad, Pengarah Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd, Temubual pada 27 November 2008.

<sup>154</sup> Mohamed Idris Bin Mohd Amin, Pengerusi dan Encik Khairul Anuar Bin Haji Mohamed Idris, Pengarah Syarikat, pada 28 November 2008.

<sup>155</sup> Mohd Zailan Bin Mohd Ali, Pengarah Eksekutif Syarikat Aziz Batik, Temubual pada 9 November 2008.

<sup>156</sup> Rahim Bin Haji Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan, Temubual pada 20 November 2008.

faktor yang kedua ialah kepuasan hati sendiri apabila dapat menghulurkan sendiri bantuan kepada asnaf.<sup>157</sup>

Menurut pendapat Wan Zainab binti Wan Ibrahim, Pengarah Urusan Syarikat Nadia Batik berpendapat bahawa antara sebab kenapa separuh zakat dibayar sendiri adalah kerana kebebasan hati untuk menolong sesiapa sahaja untuk diagihkan zakat, memudahkan urusan syarikat, menjimatkan kos, menjimatkan masa dan kepuasan hati apabila dapat menghulurkan bantuan kepada asnaf dengan kehendak hati sendiri.<sup>158</sup>

Manakala Syarikat Hanafi Batik pula berpendapat bahawa antara sebab kenapa separuh zakat dibayar sendiri adalah kerana memudahkan urusan syarikat dan kebiasaannya ramai dalam kalangan orang perseorangan yang datang memohon zakat di Kedai Hanafi Batik menyebabkan terpaksa bayar pada MAIK separuh dan separuh lagi dibayar sendiri pada orang-orang yang datang memohon zakat dan sebab-sebab yang lain ialah kepuasan hati apabila dapat menghulurkan bantuan kepada fakir miskin dengan kehendak hati sendiri.<sup>159</sup>

Kesimpulannya, tujuan utama zakat diagih sendiri oleh pembatik adalah kerana apabila zakat diberi pada masyarakat kampung, mereka akan mendapat pengiktirafan dan dihormati oleh orang-orang kampung. Ini merupakan faktor utama kerana pembatik ingin dianggap orang yang suka menolong masyarakat sekeliling, bersifat ramah mesra dan seorang yang prihatin pada masyarakat. Faktor ini dapat membantu menaikkan nama syarikat dan juga dapat memberi kepuasan diri kepada pemilik syarikat.

---

<sup>157</sup> Muhammad Arif Bin Awang, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kampung Sireh, Temubual pada 7 November 2008.

<sup>158</sup> Wan Zainab Binti Wan Ibrahim, Pengarah Eksekutif Syarikat Nadia Batik Collection, Temubual pada 5 November 2008.

<sup>159</sup> Hanafi Bin Hussein, Pengarah Eksekutif Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd, Temubual pada 3 November 2008.

#### **4.6.2 KUMPULAN ASNAF TERPILIH UNTUK DIAGIHKAN ZAKAT**

Majoriti pembatik mengagihkan zakatnya sendiri dan jenis asnaf yang dikenalpasti adalah terdiri daripada orang-orang miskin, anak-anak yatim, saudara mara dan pekerja-pekerja di syarikatnya.

Manakala Syarikat Hanāfi batik yang lebih menjurus pengagihan zakatnya kepada saudara-mara, fakir miskin, Imam masjid yang layak menerimanya dan orang perseorangan yang datang ke kedai untuk memohon bantuan dalam kalangan fakir miskin, anak-anak yatim dan kalangan orang kuang upaya.

Walaupun bagaimanapun, Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd., Syarikat Aziz Batik, Syarikat RNZ Batik Tradikraf dan Syarikat Dagang Batikraf mengagihkan zakatnya kepada pekerja-pekerja beliau yang miskin dan layak menerima zakat, saudara mara, anak yatim, sekolah tahfiz, sekolah-sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan, Darul Aitam (Lelaki) di Taman Sabariah serta asnaf-asnaf lapan yang layak menerimanya.

Justeru itu, Syarikat Lizza Creation, Mohd. Yunus Batik lebih mementingkan pengagihan zakatnya kepada ibu tunggal yang miskin manakala Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd., Syarikat Rasyidah Batik Eksklusif, Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd. lebih mengutamakan saudara mara yang susah dan miskin dari sudut pengagihan zakatnya di samping orang-orang miskin, anak-anak yatim, pekerja-pekerja yang layak menerima serta masyarakat kampung. Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd. pula lebih mengutamakan kebajikan pekerja-pekerjanya yang miskin terlebih dahulu dari sudut pengagihan zakat di samping asnaf-asnaf lain yang layak menerimanya.

### **4.6.3 PENGENALPASTIAN ASNAF**

Berdasarkan temuramah yang telah dibuat, cara pembatik mengenalpasti asnaf adalah berdasarkan pemerhatian dan penyelidikan sendiri terhadap latar belakang sesebuah keluarga. Kebanyakan syarikat besar contohnya Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd., Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd., Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd., Syarikat Samasa Sdn. Bhd. dan Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd. kebiasaannya asnaf yang datang ke kedai tersebut untuk memohon sumbangan zakat daripada syarikat tersebut. Mengikut pandangan penulis, antara faktor utama asnaf sendiri yang datang mencari adalah kerana kelima-lima syarikat tersebut memang terkenal dan tersohor di merata tempat dan merupakan syarikat yang terawal wujud di Kelantan. Di samping itu juga, kedudukan kelima-lima syarikat tersebut terletak di kawasan berhampiran jalan raya yang menyebabkan asnaf tersebut mudah untuk datang memohon zakat. Manakala syarikat sederhana dan kecil masing-masing mencari asnaf sendiri sama ada diagihkan zakat pada orang-orang miskin dan rumah anak yatim.

### **4.6.4 PANDANGAN ULAMA BERKAITAN HUKUM PEMBAYARAN ZAKAT TERUS KEPADA ASNAF**

Mengikut fatwa Jumah ulama sahabat dan tabi'in seperti Sa'ad bin Abi Waqqas, Ibn Umar, Abu Sa'id al-Khudri, Abu Hurayrah, 'A'ishah, al-Hasan al-Basri, al-Sha'bi, Muhammad ibn Ali, Sa'id bin Jubayr, al-Awza'i dan lain-lain berpendapat bahawa zakat perlu dibayar kepada pemerintah. Imam al-Rafi'i meriwayatkan daripada ulama-ulama mazhab Shafi'i menyatakan bahawa jika Imam memerintah supaya zakat daripada harta-harta zahir dibayar kepadanya, maka menjadi satu kewajipan untuk menunaikannya tanpa khilaf lagi kerana itu merupakan tanda ketaatan.

Jika pembayar tersebut engkar maka boleh diperangi sekalipun mereka membayar dengan sendiri kerana keengganan mereka terhadap perintah Imām itu merupakan satu perbuatan melampau (yang perlu dihukum). Dalam hubungan ini al-Kahlānī menyatakan bahawa hadis Ibn ‘Abbās yang menceritakan peristiwa pengutusan Mu‘ādh bin Jabal ke Yaman adalah dalil bahawa Imām yang bertanggungjawab memungut zakat dan mengagihkannya samada oleh pemerintah sendiri atau wakilnya. Sekiranya terdapat bantahan maka Imām boleh mengambil zakat harta tersebut secara paksa<sup>160</sup>

Imam al-Shirāzī semasa mengulas mengapa zakat perlu dibayar kepada pemerintah kerana “ menjadi kewajipan ke atas Imām mengutus pemungut-pemungut zakat (su‘āt) bagi tujuan pungutan zakat kerana Nabi S.A.W pernah berbuat demikian, begitu juga para sahabat-sahabat baginda selepas itu. Ini adalah kerana terdapat sebahagian daripada manusia daripada manusia yang mempunyai harta tetapi tidak mengetahui apa yang wajib dari harta mereka itu, begitu juga terdapat dalam kalangan mereka yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil. Kerana itulah wajib ke atas Imām melantik mereka memungut zakat tersebut”<sup>161</sup>

Manakala sebahagian dari ulama Tabi‘īn seperti al-Sha‘bī dan al-Thawrī berpendapat zakat perlu diberikan kepada Imām demi untuk menjaga maslahat asnaf penerima zakat. Kata mereka: “ Zakat perlu dibayar kepada Imām kerana Imam lebih mengetahui mengenai kedudukan asnaf (oleh itu boleh mengagihkannya dengan lebih baik dari orang perseorangan). Tambahan pula sekiranya seseorang itu membayar kepada Imām maka tanggungjawabnya akan lepas. Tidak sebagaimana jika ia membayar sendiri di mana kemungkinan penerima zakat tersebut bukan dari golongan

---

<sup>160</sup> Ahmad Hidayat Buang, (2000), “Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah ,” (Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2 Julai 2000), Jld 8, Bilangan 2.

<sup>161</sup> *Ibid*

yang layak. Oleh itu, membayar zakat kepada Imām boleh mengelakkan khilaf dan tohmah”.<sup>162</sup>

Bagi menjayakan sistem zakat, aspek pengurusan amat penting dalam sistem kewangan Islam untuk memberi jaminan sosial kepada masyarakat Islam. Ini memerlukan satu bentuk pentadbiran dan pengurusan yang cekap termasuk zakat perlu diletakkan di bawah kuasa pemerintah. Zakat hendaklah ditunaikan kepada amil yang dilantik oleh pemerintah. Ini sesuai dengan kehendak Islam, kerana jawatan amil memang jelas dinyatakan di dalam Al-Quran dan disebutkan di dalam al-hadis.<sup>163</sup>

Orang yang berzakat terus kepada penerima biasanya akan melakukan beberapa kesilapan secara tidak sedar, iaitu adakah wang zakat itu sampai kepada *ashnāf* sebenar, kerana di dalam zakatnya ada lapan *ashnāf* yang berhak. Adakah sempurna zakatnya jika hanya diberikan kepada satu *ashnāf* sahaja? Di samping itu, zakat hendaklah bersifat memenuhi keperluan *ashnāf*. Maka, jika seseorang mahu berzakat RM800 setahun, kemudian dipecahkan kepada lapan *ashnāf*, maka setiap asnaf hanya mendapat RM100. Adakah RM100 itu mampu memberikan manfaat besar kepada *ashnāf*? Alasan itulah wang zakat perlu dikumpulkan dalam satu dana. Apabila ia menjadi besar, maka mudah untuk diagihkan secara sistematik. Maka *ashnāf* akan menerimanya dalam bentuk yang lebih berkesan. Inilah amalan pada zaman nabi dan sahabat. Mereka mengeluarkan zakat kepada amil-amil yang dilantik seperti mana nabi sendiri melantik dan menghantar Muadz bin Jabal ke Yaman sebagai amil.<sup>164</sup>

---

<sup>162</sup> *Ibid.*

<sup>163</sup> Blog rasmi lembaga zakat selangor, [http://blog.e-zakat.com.my/?page\\_id=88](http://blog.e-zakat.com.my/?page_id=88), 18 Mac 2010.

<sup>164</sup> *Ibid*

Sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud: “Ambillah dari harta-harta mereka itu zakat sebagai pembersih dan penyuci dengannya”.<sup>165</sup>

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian. Muzakarah telah memutuskan bahawa dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada *aṣnāf* yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.<sup>166</sup>

#### **4.7 KESIMPULAN**

Semua pembatik bersetuju dan akur dengan kewajipan membayar zakat yang terpaksa ditunaikan demi memenuhi tuntutan Islam. Apa yang menjadi persoalannya adakah semua pembatik melaksanakan tuntutan tersebut dengan sempurna? Berdasarkan temuramah yang dibuat, penulis mendapati bahawa zakat yang dibayar oleh pembatik memenuhi syarat-syarat wajib zakat dan terdapat juga pembatik yang tidak memenuhi syarat wajib zakat sebagaimana yang ditetapkan iaitu 2.5%. Keadaan ini disebabkan keenganan pembatik membayar zakat melalui saluran rasmi sedangkan kewajipan

---

<sup>165</sup> Surah Al-Tawbah : 103

<sup>166</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=3>, 18 Mac 2010.



membayar zakat kepada pemerintah adalah satu kewajipan syarak mengikut pandangan jumbuh ulama.

Faktor –faktor lain yang menyebabkan terjadinya keadaan sedemikian adalah kerana kurangnya kefahaman pembatik terhadap zakat dan faktor yang ketiga mungkin disebabkan kelulusan akademik pembatik. Majoritinya pembatik mempunyai kelulusan Darjah 6, PMR, SPM dan STPM kecuali Syarikat Lizza Creation di mana Pengarah Urusannya mempunyai Ijazah Senireka Tekstil, ITM Shah Alam dan Syarikat Aziz Batik di mana Pengarah Urusannya mempunyai Diploma Pengurusan ITM Shah Alam. Walau bagaimanapun, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa tahap akademik pembatik majoritinya terlalu rendah dan kurangnya pendedahan agama menyebabkan majoriti pembatik kurang arif berkaitan dengan zakat.

**B A B**

**L I M A**

## **BAB 5 :**

### **HASIL KAJIAN DAN SARANAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini penulis akan membincangkan hasil kajian. Penulis telah menemui beberapa jawapan terhadap beberapa persoalan yang telah dibincangkan sebelum ini. Di dalam bab terakhir ini, penulis akan mengemukakan penemuan-penemuan yang telah didapati secara langsung daripada kajian yang telah dilakukan. Penulis juga akan membuat analisis terhadap kajian yang telah dilakukan serta mengemukakan beberapa penyelesaian yang boleh dipraktikkan demi kebaikan bersama terhadap isu-isu yang telah dikenalpasti melalui kajian yang telah dilakukan ini.

Melalui penyelidikan ini, penulis mendapati bahawa jumlah perolehan kutipan zakat perniagaan oleh MAIK tidak mencapai jumlah sepatutnya diperolehi berdasarkan kepada jumlah keuntungan syarikat yang diperolehi.

Dalam bab ini juga dibincangkan saranan penulis terhadap pembatik dan juga pihak-pihak yang terlibat di dalam kajian ini. Di samping itu juga, penulis membuat perbandingan kelemahan dan kebaikan yang perlu dibaiki dan diatasi supaya hasil kutipan zakat dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya agar dapat meningkatkan dan meninggikan taraf hidup rakyat. Penulis berpendapat bahawa perbincangan mengenai persoalan ini adalah penting untuk diketengahkan kepada masyarakat Islam terutamanya golongan pembatik yang terlibat secara langsung dalam pembayaran zakat ini.

## **5.2 HASIL KAJIAN YANG DIPEROLEHI**

Terdapat beberapa hasil kajian yang ingin penulis kemukakan iaitu berkaitan zakat pembatik. Mengikut pemerhatian dan temuramah yang telah penulis jalankan adalah tidak wajar zakat pembatik ditadbir sendiri oleh Syarikat masing-masing. Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, penulis dapat merumuskan bahawa terdapat faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya keadaan sedemikian yang menghalang proses kutipan zakat sebagaimana sepatutnya.

Melalui penyelidikan ini, penulis mendapati berlakunya kekurangan dalam aspek perolehan adalah berpunca daripada beberapa faktor iaitu pembatik dan juga pentadbir zakat itu sendiri iaitu MAIK. Kedua-dua belah pihak tersebut didapati merupakan punca mengapa berlakunya keadaan sedemikian yang secara tidak langsung telah menjejaskan hasil kutipan zakat tersebut. Di antara faktor-faktor seperti tersenarai dibawah.

### **5.2.1 BAYARAN ZAKAT MELALUI SALURAN TIDAK RASMI**

Kewujudan pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi dengan nyata telah mempengaruhi faktor kutipan zakat. Ini terbukti apabila majoriti pembatik memilih saluran pembayaran tidak rasmi melebihi jumlah pembatik yang membayar melalui saluran rasmi. Penulis berjaya mengenalpasti beberapa sebab yang diutarakan oleh pembatik, menyebabkan mereka memilih saluran tidak rasmi iaitu:

- a) Faktor ketidakpercayaan terhadap pihak MAIK dalam hal kutipan dan agihan hasil zakat.
- b) Faktor perbezaan fahaman politik antara pembatik dan pihak MAIK yang

- c) dianggap sebagai wakil pemerintah yang mereka tidak sokongi.
- d) Faktor lebih mudah berurusan dan menjimatkan masa mereka daripada berurusan dengan MAIK.

Berdasarkan kepada faktor inilah mereka memilih untuk tidak membayar zakat kepada MAIK. Kewujudan pembayaran saluran tidak rasmi yang digunakan oleh pembatik menjelaskan bahawa mereka bukannya tidak membayar zakat perniagaan. Mereka sebenarnya membayar zakat tersebut, tetapi bayaran dilakukan melalui saluran tidak rasmi. Jelasnya mereka tetap menunaikan kewajipan membayar zakat melalui saluran tidak rasmi.

### **5.2.2 TIADA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

Peruntukan undang-undang yang ada berkaitan dengan zakat perniagaan tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pembatik. Berdasarkan kepada aspek-aspek ini, bagaimanakah hendak menyalahkan para pembatik sekiranya perolehan kutipan zakat oleh pihak MAIK tidak mencapai jumlah yang sepatutnya mereka perolehi. Berlakunya kekurangan dalam perolehan kutipan zakat perniagaan adalah bukannya disebabkan pembatik tidak membayar zakat. Pembayaran dilakukan tetapi melalui saluran yang berbeza. Jelasnya, kewujudan dua saluran pembayaran menyebabkan berlakunya kekurangan dalam jumlah kutipan zakat perniagaan.

Kekurangan dalam perolehan kutipan adalah disebabkan pemilihan saluran tidak rasmi oleh pembatik. Namun pemilihan saluran itu adalah berpunca daripada kedua-dua pihak sama ada pembatik mahupun pentadbiran.

Justeru itu, untuk menyalahkan pembatik semata-mata kerana tidak membayar zakat kepada MAIK tidak bermakna sekiranya faktor itu juga berpunca daripada pihak MAIK kerana mereka juga seharusnya meneliti tugas dan peranan mereka sebagai wakil kepada pemerintah untuk menjalankan urusan kutipan dan agihan zakat padi. Mereka seharusnya menyelesaikan permasalahan dari aspek pentadbiran itu sendiri sebelum menunding jari kepada pihak lain terutamanya para pembatik.

### **5.2.3 KURANGNYA KEFAHAMAN PEMBATIK TERHADAP ZAKAT**

Berdasarkan temuramah yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa kurangnya kefahaman pembatik tentang zakat serta sikap yang tidak mengambil berat terhadap zakat yang dikeluarkan. Ini dapat dibuktikan dengan jelas bahawa setiap persoalan yang ditanya oleh penulis tentang pengiraan zakat, pembatik teragak-agak untuk menjawabnya. Ada segelintir dalam kalangan pembatik yang terlupa dan bertanya kembali kepada penulis soalan berkenaan. Ini menunjukkan kurangnya kefahaman pembatik tentang zakat.

### **5.2.4 JUMLAH ZAKAT YANG DIKELUARKAN**

Berdasarkan jumlah pembayaran zakat yang dikeluarkan oleh pembatik adalah tidak sesuai mengikut jumlah keuntungan yang diperolehinya. Mengikut analisa yang dibuat oleh penulis, keuntungan sesebuah syarikat pembatik terlalu tinggi sedangkan kadar zakat yang dibayar terlalu rendah. Ini menunjukkan kadar zakat yang dibayar oleh pembatik tidak mengikut syarat-syarat zakat perniagaan walaupun pada dasarnya semua pembatik mendakwa mereka mengeluarkan zakat mengikut kadar 2.5% daripada keuntungan yang diperoleh.

Ini menunjukkan kepincangan pembayaran zakat di kalangan pembatik-pembatik di Kota Bharu kecuali Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd., Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd, Syarikat Kamaliah Batik Sdn. Bhd yang mengikut kadar zakat perniagaan yang telah ditetapkan, malah zakat yang dikeluarkan melebihi kadar yang telah ditetapkan.

#### **5.2.5 TIDAK ADA CATATAN BERTULIS YANG JELAS**

Berdasarkan temuramah dan pemerhatian yang dibuat, pembatik terlalu mengambil mudah urusan pembayaran zakat. Tidak ada catatan bertulis mengenai kadar pembayaran zakat yang telah dibayar secara tepat menyebabkan penulis ragu-ragu samada pembatik membayar zakat mengikut kadar yang ditetapkan atau sebaliknya. Semua maklumat dan data-data tersebut tercatat dalam minda pembatik masing-masing. Ini menunjukkan bahawa majoriti pembatik di Kelantan tidak profesional dari sudut pengurusan zakat perniagaannya kecuali Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd, Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd dan Kamaliah Batik Sdn. Bhd yang begitu profesional dan konsisten di dalam pengurusan zakat perniagaannya.

Justeru itulah penulis sangat menyokong agar satu catatan bertulis yang jelas dibuat oleh pembatik ataupun menggunakan cara yang paling mudah iaitu pembayaran zakat dibayar mengikut saluran yang betul dan tepat kepada pihak yang lebih arif dan bertanggungjawab iaitu pihak MAIK agar catatan bertulis dan maklumat pembayaran semuanya tersimpan di MAIK walaupun MAIK sendiri mempunyai kelemahannya.

#### **5.2.6 KEUNTUNGAN SYARIKAT**

Majoriti pembatik terlalu sukar dan berahsia apabila penulis menanyakan soalan tentang keuntungan syarikat dan juga maklumat zakat sehinggakan penulis terpaksa

merayu-rayu dan memujuk agar diberitahu tentang maklumat tersebut. Terdapat juga syarikat yang marah pada penulis apabila soalan tentang keuntungan syarikat diajukan pada pembatik kerana soalan tentang keuntungan syarikat adalah rahsia keluarga dan orang luar tidak berhak mengetahuinya.

Oleh itu, penulis terpaksa mencari idea supaya maklumat berkaitan keuntungan syarikat dapat dikongsi bersama dengan penulis. Rahsia keuntungan syarikat hanya diketahui oleh penulis sahaja bahkan kerajaan dan pihak SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) juga tidak dapat kesan kadar keuntungan yang diperolehi oleh pembatik. Justeru itu, salah satu faktor kenapa pembatik tidak membayar zakat kepada MAIK adalah kerana takut rahsia keuntungan syarikat diketahui oleh pihak kerajaan (MAIK). Ini adalah kerana keuntungan syarikat pembatik adalah banyak. Sekiranya zakat tersebut dibayar kepada pihak yang bertanggungjawab seperti MAIK, akan memberi impak yang besar dan dapat diagihkan secara berkesan oleh fakir miskin dan seterusnya dapat membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat Kelantan yang fakir dan miskin.

### **5.3 SARANAN PENULIS TERHADAP PEMBATIK DAN MAIK**

#### **5.3.1 SARANAN PENULIS TERHADAP PEMBATIK**

Mengikut hasil kajian yang telah diperolehi berkaitan dengan zakat pembatik, penulis mencadangkan agar pembayaran zakat di kalangan pengusaha batik dibayar kepada pihak MAIK agar ketepatan, kesahihan, kebolehpercayaan dapat diatasi oleh pihak pembatik.



Di samping itu juga, masalah tiada catatan bertulis mengenai zakat yang telah dibayar, jumlah zakat yang dikeluarkan, keuntungan syarikat, cara pengiraan zakat dan kurangnya kefahaman zakat terhadap pembatik dapat diatasi kerana pembatik membayarnya kepada pihak MAIK yang lebih arif dan faqih di dalam mengendalikan urusan zakat.

### **5.3.2 SARANAN PENULIS TERHADAP MAIK**

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang ingin penulis kemukakan terhadap MAIK. Mengikut pemerhatian dan temuramah yang telah penulis jalankan, beberapa kelemahan yang perlu dibaiki oleh MAIK untuk manfaat bersama agar institusi ini mendapat kepercayaan dalam kalangan pembatik di negeri Kelantan. Di antaranya ialah :

#### **5.3.2.1 PENTADBIRAN MAIK PERLU DIKEMASKINIKAN**

Memandangkan wujudnya pelbagai kerenah dan ketidakpercayaan kepada institusi MAIK ini, perlulah dibuat satu kajian dan pembaharuan terhadap pentadbiran dan pengurusan MAIK supaya wujudnya kepercayaan dan kecekapan pentadbiran serta dapat meningkatkan usahanya ke arah memenuhi kehendak dan keperluan pengguna agar pengurusan profesional dapat ditingkatkan.

#### **5.3.2.2 MELANTIK AMIL-AMIL YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Pihak MAIK perlu melantik amil-amil yang bertanggungjawab memungut zakat untuk memudahkan pembayaran zakat batik dilakukan. MAIK perlu melantik setiap amil bagi setiap daerah bagi memudahkan urusan pembayaran zakat oleh pembatik.

Dengan cara ini , ianya sedikit sebanyak memberi kemudahan kepada pembatik untuk membayar zakat. Justeru itu, ianya dapat menjimatkan kos, mnjimatkan masa, memudahkan urusan syarikat serta pengiraan zakat.

Cara ini lebih praktikal bagi mewujudkan pengagihan zakat yang lebih telus dan cekap. Penekanan yang perlu ialah keanggotaan ahli jawatankuasa ini mestilah terdiri daripada mereka yang pakar mengenai hukum zakat dan ahli luar (panel luar) bertindak sebagai pengimbang (*check and balance*) agar tidak berlakunya bias dalam agihan zakat yang dikeluarkan kepada golongan yang berhak menerimanya.

Ini adalah bertujuan untuk memastikan pengurusan zakat berjalan lancar dan memberi kemudahan kepada masyarakat agar pungutan zakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

### **5.3.2.3 MENGELUARKAN FATWA YANG KHUSUS**

Pihak MAIK perlu mengeluarkan fatwa-fatwa yang khusus agar semua pihak mendapat kesedaran dan kefahaman berkaitan tuntutan mengeluarkan zakat. Ini penting supaya pembatik mengeluarkan zakat menerusi saluran MAIK. Ini dapat meningkatkan lagi jumlah pembayaran zakat di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan.

## **5.4 PERANAN YANG PERLU DILAKSANAKAN OLEH SEMUA PIHAK**

### **5.4.1 PERANAN MAIK**

#### **5.4.1.1 MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA MASYARAKAT DAN PEMBATIK**

Adalah menjadi tanggungjawab pihak MAIK untuk memberikan kesedaran dan kefahaman tentang kewajipan zakat kepada pembatik dengan mengadakan pelbagai

seminar, kempen, taklimat dengan pelbagai cara agar masyarakat sedar akan tanggungjawab dan peranannya supaya masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat dapat diatasi.

#### **5.4.2 PERANAN KERAJAAN**

Kerajaan juga memainkan peranan di dalam memberi kefahaman dan kesedaran kepada semua masyarakat dengan mengadakan kempen-kempen di saluran televisyen dan radio serta papan-papan iklan di tepi jalan raya. Bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pembatik dan masyarakat. Dengan cara tersebut, ianya dapat mengukuhkan institusi zakat di negeri Kelantan.

#### **5.4.3 PERANAN ILMUAN ISLAM**

Para sarjana Ilmuan Islam memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat-maklumat mengenai zakat melalui pelbagai ceramah, forum, taklimat ,dialog dan sebagainya. Terdapat banyak pengkajian dan penemuan-penemuan terbaru berbentuk penulisan ilmiah yang ditemui oleh ilmuan Islam dan hanya tersimpan sebagai khazanah diperpustakaan sebagai bahan-bahan rujukan kepada para sarjana tanpa ada sebarang tindakan untuk dipraktikkan. Ini merupakan satu kerugian yang cukup besar kerana khazanah yang bertulis hanya sekadar panduan tanpa dipraktikkan hukumnya.

#### **5.4.4 PERANAN MEDIA MASSA, ELEKTRONIK DAN CETAK**

Pihak media massa, elektronik dan cetak memainkan peranan penting dalam menyebarkan pelbagai maklumat berkaitan zakat perniagaan. Ini kerana ia merupakan wadah utama sebagai alat penyebaran ilmu yang cukup berkesan kepada masyarakat

terutamanya media elektronik kerana ianya mempunyai pelbagai grafik yang boleh menarik sesiapa sahaja yang menontonnya. Melalui media massa, elektronik dan cetak, pelbagai info dan maklumat berkaitan zakat perniagaan dapat disebarkan supaya dapat memberi kesedaran kepada pembatik agar pembayaran zakat dilakukan kepada pihak yang bertanggungjawab menguruskan wang zakat kerana mereka lebih arif tentang hukum zakat.

#### **5.4.5 PERANAN PERUNDANGAN NEGARA**

Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam membangun sesebuah ekonomi negara. Kerajaan seharusnya menitikberatkan masalah pembayaran zakat kerana ia merupakan satu kewajipan yang wajib dilaksanakan bagi setiap manusia dan memberi impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi sesebuah Negara kerana kesan daripada pembayaran zakat dapat membasmi masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Justeru itu, kerajaan seharusnya meletakkan keutamaan membayar zakat melebihi daripada kewajipan membayar cukai kerana zakat merupakan satu kefarduan yang dituntut dalam Islam. Keutamaan membayar zakat seharusnya melebihi keutamaan membayar cukai.

#### **5.4.6 PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN**

Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada perkembangan pesat sesebuah institusi pendidikan yang mampu mendidik anak bangsa ke arah perkembangan intelektual yang tinggi, keperibadian yang unggul dan berdaya saing, daya pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Sesebuah institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam mendidik agar generasi memahami hukum fardhu ain dan fardhu kifayah serta hukum berkaitan zakat diperingkat sekolah Rendah, Menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam.

Pendedahan maklumat berkaitan zakat cukup penting kerana ianya merupakan perintah Allah yang wajib dilaksanakan bagi setiap umat Islam agar mencapai matlamat kefardhuan zakat. Ini penting untuk melahirkan insan yang seimbang dari sudut Jasmani, emosi, Rohani dan intelektual yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Justeru itu, akan lahir masyarakat yang memahami hukum-hukum berkaitan zakat.

## **5.5 KESIMPULAN**

Kejayaan hanya akan dicapai sekiranya ia berjaya dipraktikkan. Tidak bermakna saranan ini hanya tinggal sebagai penyelesaian yang dikenal pasti tanpa adanya tindakan susulan oleh semua pihak secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dalam usaha memartabatkan sistem zakat di mata dunia.

Aspek pembayaran zakat tidak boleh dipandang remeh oleh umat Islam. Seandainya aspek pembayaran zakat ini tidak diberi perhatian dengan sewajarnya maka hikmah kefardhuan zakat sudah pasti tidak akan tercapai serta ekonomi umat Islam akan lembap dan lumpuh akibat daripada sikap manusia yang alpa, lalai dan leka dengan kemewahan diri tanpa memikirkan hak orang lain yang patut ditunaikan.

Oleh itu, Semua pihak perlu memainkan peranan penting di dalam mengaplikasikan pembayaran zakat agar mencapai jumlah kutipan sebenar serta dapat mencapai jumlah kutipan yang disasarkan. Justeru itu, jika semua pihak berganding

bahu dan peka terhadap permasalahan umat Islam, ianya akan dapat menaikkan ekonomi umat Islam dan dapat membasmi masalah kemiskinan dalam kalangan umat Islam.

Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) yang memikul amanah dan tanggungjawab menguruskan zakat agar dapat dijadikan panduan dalam urusan kutipan zakat di Negeri Kelantan.

# BIBLIOGRAFI

## BIBLIOGRAFI

### AL-QURAN

Abdullah bin Muhammad Basmi (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Ed.6, Kuala Lumpur :Bahagian Agam Jabatan Perdana Menteri.

*Al-Quran al-Karim* , (1990) percetakan Nahdi ,Pulau Pinang.

### HADIS

Ash‘ath , Abū Dāwud Sulaymān bin al-(t.t), *Sunan Abū Dāwūd* , Beirut Mua’assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.

Ibn Sawrah; Abū ‘Īsā Muḥammad bin Īsā (1978M) *Sunan al-Tirmidhī ; Kitab al-Zakāh*, No: 569, Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalābī .

### RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Aṭīyah ‘Alī Husīn al-Badwīhī (1985), *Zakāh ‘Urūd al-Tijārah Fī Mamlakah al-Su‘ūdiyyah*, Bil. 11, Azhār : Majallah al-‘Ālamīyyah li al-Tijārah al-Azhār.

‘Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar‘ah*, J. 1, h.386 Mu’assasah al-Risālah.

Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (2003), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, J.2 , h. 127 Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kāsānī (t.t), *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘*, Jil. 1, h. 11, Kaherah : Maṭba‘ah al-Imām,.

Faṭḥ al-‘Azīz (t.t), *Sharḥ al-Wajīz Bi Dalīl al-Majmū’*, , Jil. 6, h. 41, Kaherah: Mu’assasah al-Risālah.

Ḥasan ‘Abd Allāh Amīn (1993), *Zakāh al-Ashum fī al-Syarīkat : Munāqasyah Ba‘ḍ al-Ārā’ al-Hadīthah* , Jeddah: al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buhūth wa al-Tadrib.

Ḥussin bin Yūsof bin ‘Alī al-Maṭhīr al-Ḥulī,(t.t), *Nihāyah al-ahkām Fī Ma’rifah al-Ahkām* , J. 2 h. 361, Dār-al-adhwa’u .

Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, Jil. 7, h. 170, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn ‘Ābidīn (1966), *Hāsyiyah*, Edisi 2, J. 2, h. 7, Kaherah : al-Ḥalābī.

Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 1968, J.3 h 58, Kaherah: Maktabah al-Kaherah.

Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amīn bin ‘Umar (1996), *Hāsyiyah*, J. 2, h. 274, Kaherah : al-Ḥalābī.



- Ibn Rushd (1996), *Bidāyah al-Mujtahid*, h. 424-425, J 1, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah.
- Ibn Rushd, Muḥammad ibn Aḥmad (1966), *Bidāyah al- Mujtahid wa-Nihāyah al-Muqtaṣid*, J. 1, h. 455, Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987), *Zād al-Ma‘ād Fī al-Hudā Khair al-‘Ibādī*, Cet. 1, J. 1, h. 37 Kaherah : Mu’assasah al-Risālah.
- Ishāq al-Shirāzī ,(1992), *al-Muhadhdhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, Juz 1, h 523, Beirut: Dār al-Syāmiah.
- ‘Izz al-Dīn Muḥammad Khūjah (1994) *Zakāh al-Musyārakāt fī al-Sanādiq wa Iṣḍārāt: Mabādī’ al-‘Ammah wa al-Taṭbīq* .Jeddah:t.p.
- Ja’far bin Ḥussin bin Abī Zakariā bin Saīd al-Ḥuzlī,(t.t),*Syara’ al-Islām Fīl fiqh al-Islāmī al-Ja’farī li al-muḥaqqah al -Ḥullī* . J. 1 h. 84, Beirut: Dār Maktabah al-Hayāt.
- Maḥallī , Jalāl al-Dīn āl-, (1995), *Ḥāsiyyātān Qalyūbī Wa ‘Umayrah*, Juz 2, h 31, Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Kamal ‘Āṭiyah(1988), *Halāt,Taṭbīqiyyah Fī Muḥāsabat al-Zakāt*, Juz 1, h. 4, Iskandariah: Dār al- Maā’rif.
- Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdī al-Baghāwī (t.t), *Tāj al-‘Urūs Min Jawāhir al Qāmūs*, Jil.5, h. 44, Dār Libyā.
- Muḥammad Abū Zahrah (1965), “al-Zakāh” h. 18, Kaherah: *Majmu’ al-Buḥūth al-Islāmiyyah*.
- Muḥammad Shauki al-Fanjāri (t.t), “*al-Zakāh bi lughah al-‘Asr*”, Kaherah : al-Syurūq al-Aus lil saqāfah Wa a’lam.
- Muḥammaḍ al-Khāṭib al-Syarbīnī, (1995), *Mughnī al- Muḥtāj*, Juz 1, h 534, Beirut: Dār al-Fikr.
- Muṣṭafā al-Kḥīn, (2000), *al-Fiqh al-Manhajī* , Juz 1, h 286, Damsyik : Dār al-Qalam.
- Syams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisī (1996), *al-Sharḥ al-Kabīr*, J.2, h.629, Giza:Hajr li al-Ṭaba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-‘ilan.
- Syāfi’ī (1979), *al-Wajīz fī al-Fiqh*, Jil.1, Beirut : Dār al-Ma’rifah.
- Sayyid Sābi’ , (1990), *Fiqh al-Sunnah* , Juz 1, h 247, Kaherah : Dār al-Fathī.
- ‘Uthmān ‘Alī al-Zaila’ī (t.t), *Tubaiyyin al-Ḥaqāiq Sharḥ Khanzun al-Daqāiq*, J. 2, h. 225, Beirut : Dār al-Ma’rifah.

Qaraḍāwī, Yūsuf al-(2001), *Fatāwa Mu'āsirah* , Juz 1,h 280, Kaherah : Dār al-Qalam.

Qaraḍāwī, Yūsuf al-(1973), *Fiqh al-Zakāh*, Cet. 2, J. 1, h. 161, Beirut : Mu'assasah al-Risālah.

Wahbah Zuhaylī (1998), *Ṣuwar Min 'Urūd al-Tijārah Mu'āsirah wa Ahkām al-Zakāh*. Dimasq: Dar al-Maktabi.

## **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2005), “Pengaruh Persekitaran Ekonomi dalam Menentukan Kaedah Pemungutan dan Pengagihan Zakat”,(Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mamat Said (2001), “ Zakat Perniagaan : Satu Kajian di Luth”, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Mujaini Tarimin (1995), “Al-Māl al-Mustafāid Dalam Syariah Islam : Satu Kajian Kes dan Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan” (Tesis Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Mazlia Aini Binti Mat Taib (2008), “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan di Selangor” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Norazah Kosim (2004), “Zakat Petroleum di Malaysia : Kajian Kes di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)” (Disertasi Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nasrul Hisyam Nor Muhammad (2004), “ Pengaruh Pemikiran Yusuf Al-Qaradawi Dalam Pentadbiran Zakat di Negeri Selangor” (Disertasi Syariah dan Undang-undang, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya.

Mohd. Majid Konting (1990),*Kaedah Penyelidikan* ,Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka. Akademi Pengajian Islam, *Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur :Pejabat Ijazah Tinggi, Akademi Islam,Universiti Malaya.

Muhammad Bukhari Lubis(1999), Ali Hj. Ahmad, *Transliterasi Arab.Parsi.Turki, Catatan Bawah dan Bibliografi*, Kuala Lumpur :The Open Press (M) Sdn.Bhd.

## **KAMUS**

Bustāni al-, Fūad al-Ifrān (1977M) ; *Munjīd al-Tullāb* , c. 11,Beirut , Lebanon :Dār al-Masyriq

Ibn Manẓūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Jil. 7, hlm. 170, Beirut: Dār al-Fikr.

## **MAJALAH**

'Abd al-Rahman Hussin al-Nafsyiah (1997), Risalah fi Fiqh al-Zakah, Majallah al-Buhuth al-Fiqhiyyah al-Mu'asarah, al-A'dad thamin wa isyirin

## **KERTAS KERJA SEMINAR**

Abd. Rashid Mat Dail, (1988), "Konsep dan Perbezaan Kaedah Pengiraan Zakat Penggajian dan Perniagaan Bagi Individu dan Syarikat", (Kertas Kerja Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Anjuran Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 28-29 Mac 1988), h. 22.

Ahmad Ibrahim, (1988), "Penyelarasan Zakat Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Bebas Dalam Perundangan Cukai", (Kertas Kerja Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Anjuran Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 28-29 Mac 1988), h. 2.

Abdullah bin Ibrahim, (1992), "Harta Yang Diwajibkan Zakat dan Pentafsirannya" (Kertas Kerja Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Anjuran Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 28-29 Mac 1988), h. 3.

Othman Muhammmady, (1989), "Zakat, Konsep dan falsafah"(Kertas Kerja Seminar Zakat Peringkat Negeri Kelantan, Anjuran MAIK, Kelantan, 28 Oktober 1989), h 23.

Mohamed Dahan bin Abdul Latiff, (1992), "Pungutan Zakat Secara Bersepadu" (Kertas Kerja Seminar Pengurusan Zakat Peringkat Kebangsaan, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Negeri Kedah, 16 Februari 1992), h. 25

## **ARTIKEL DALAM JURNAL SYARIAH**

Ahmad Hidayat Buang, (2000), "Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah," (Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2 Julai 2000), Jld 8, Bilangan 2.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid, (1995), "Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia," (Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1 Januari 1995), Jld 3, Bilangan 1.

## **LATIHAN ILMIAH**

Izz al-Dīn Muḥammad Tūni (1989), "Baḥas Muqaddam ila al-Nadwah al-thāniah li Qadāyā al-Zakāh al-Mu'asirah, Kaherah ; Matba'ah al-Adab, Bilangan 14.

## **LAMAN WEB**

Batik Malaysia, <http://malaysiana.pnm.my/04/0402batik.htm>, 27.Januari 2010.  
Industri Batik Kelantan, <http://www.pkink.gov.my/index.htm>, 28. Febuari 2010.

## **TEMUBUAL**

Murtadha Abdullah, Pengawai Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan. Temubual pada 28 November 2008

Nordin bin Mahmood, Pengerusi Eksekutif Syarikat Nordin Batik Sdn. Bhd. Temubual pada 25 November 2008.

Mariah binti Ahmad, Pengarah Syarikat Razali Batik Sdn. Bhd.. Temubual pada 27 November 2008.

Mohamed Idris bin Mohd Amin, Pengarah Syarikat Kamaliah Batik Sdn.Bhd. Temubual pada 28 November 2008.

Kamarozzaman Hj. Mohd Salleh, Pengarah Eksekutif Syarikat Samasa Batik Sdn. Bhd. Temubual pada 30 November 2008.

Hanafi bin Hussein, Pengarah Eksekutif Syarikat Hanafi Batik Sdn. Bhd. Temubual pada 3 November 2008.

Saifulmasdi bin Hassan, Pengarah Eksekutif Syarikat Mohd. Yunus Batik. Temubual pada 4 November 2008.

Wan Zainab binti Wan Ibrahim, Pengarah Eksekutif Syarikat Nadia Batik Collection. Temubual pada 5 November 2008.

Muhammad Arif Bin Awang, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kampung Sireh. Temubual pada 7 November 2008.

Mohd Zailan bin Mohd Ali, Pengarah Eksekutif Syarikat Aziz Batik. Temubual pada 9 November 2008.

Rosliza binti Muhammad, Pengarah Eksekutif Syarikat Secret Recipe. Temubual pada 10 November 2008.

Mat Kamal bin Abdullah dan Che Mastura binti Ismail, Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Syarikat. Temubual pada 11 November 2008.

Rahim bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Pembatik Kelantan. Temubual pada 20 November 2008.

Mohammad bin Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat Batik Mas. Temubual pada 13 November 2008.

Rosh-Hayati binti Ismail, Pengarah Eksekutif Syarikat Adik Batik. Temubual pada 10 November 2008.

Rashidah binti Abdullah, Pengarah Eksekutif Syarikat. Temubual pada 12 November 2008.

# LAMPIRAN A

## LAMPIRAN A

### A.1 SYARIKAT- SYARIKAT BESAR

NORDIN BATIK SDN.BHD



Azlinda anak kepada Nordin, selaku penolong pengarah urusan di Nordin Batik Sdn.Bhd



Batik-batik yang dihasilkan oleh Nordin batik Sdn.Bhd



Pusat jualan bagi Nordin Batik Sdn Bhd



RAZALI BATIK SDN.BHD



Penulis bersama Mariah bt Ahmad isteri kepada Mahamad Razali selaku penolong pengurus Razali batik



Pusat jualan Razali Batik untuk menjual batik-batik yang diambil terus dari kilang



Batik-batik yang dihasilkan oleh Razali Batik

KAMALIAH BATIK SDN.BHD



Penulis bersama pengerusi Kamaliah Batik Sdn Bhd iaitu Kahairul Annuar b. Idris



Pusat jualan batik bagi Kamaliah Batik

SAMASA BATIK SDN.BHD



Penulis bersama pengerusi Samasa Batik Sdn Bhd iaitu Kamaroz zaman b. Mohd Salleh



Batik-batik yang dijual di samasa galeri

HANAFI BATIK SDN.BHD



Penulis bersama Hanafi iaitu selaku pemilik Hanafi Batik Sdn Bhd



Pusat jualan untuk menjual batik-batik yang dihasilkan oleh hanafi Batik Sdn Bhd



Batik-batik yang dihasilkan oleh Hanafi Batik Sdn Bhd

## A.2 SYARIKAT SEDERHANA


### MOHD YUNUS BATIK



Salah seorang pekerja yang menguruskan aktiviti penjualan batik di Mohd Yunus Batik



Penulis berada di kedai Mohd Yunus Batik yang menjadi pusat jualan batik-batik



Logo batik yang dikeluarkan oleh Mohd Yunus batik

## NADIA BATIK



Wisma Nadia Batik yang menjadi pusat penjualan batik-batik yang dihasilkan oleh Nadia batik



Antara batik-batik yang dihasilkan oleh Nadia Batik



Wan Zainab bt Wan Ibrahim selaku pemilik Nadia Batik Sdn Bhd semasa pelancaran Batik Malaysia



## DAGANG BATIKRAF



Batik-batik yang dihasilkan oleh Dagang Batikraf Sdn Bhd



Penulis bersama pekerja yang menguruskan pusat jualan bagi Dagang Batikraf Sdn Bhd

## AZIZ BATIK



Papan tanda untuk pusat jualan aziz batek collection



Penulis bersama pengurus Aziz Batik iaitu anaknya Mohd Zailan dan juga pekerjanya



Batik-batik yang dihasilkan oleh Aziz Batik Sdn Bhd

#### LIZZA CREATION



Rosliza bt Muhammad Selaku pengerusi kepada Lizza Creations



Batik-batik yang terdapat di Lizza Collection

## MASKAMAL BATIK



Mat Kamal bin Abdullah dan isteri Che Mastura bt Ismail selaku pengerusi dan CEO Maskamal Batik



Penulis bersama Che Mastura bt Ismail selaku CEO Maskamal Batik



Che Mastura bt Ismail berada di kilang pembuatan Maskamal Batik Sdn Bhd.

## RNZ BATIK TRADIKRAF



Penulis bersama Rahim b. Haji Abdullah selaku pengurus RNZ batik tradikraf



Batik-batik yang dihasilkan oleh RNZ batik tradikraf

### A.3 SYARIKAT KECIL

#### RASYIDAH BATIK EKSKLUSIF



Rasyidah selaku pengurus Rashidah Batik Eksklusif



Rasyidah sedang melakar lukisan batik



Piala Seri Endon yang dimenangi oleh Rasyidah semasa pertandingan batik

## ADIK BATIK



Penulis berada di pusat jualan Adik Batik Sdn Bhd





Penulis bersama pekerja Adik Batik Sdn Bhd



Pemilik kepada Adik Batik Sdn Bhd iaitu Rosh-Hayati.

BATIK MAS



Pusat penjualan bagi Batik Mas Sdn Bhd



Antara batik-batik yang dihasilkan oleh Batik Mas

## KOPERASI PEMBATIK



Koperasi Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad dan persatuan pembatek-pembatek melayu Pantai Timur



Koperasi serbaguna pembatik bertujuan membekalkan kain putih untuk semua pembatik di Kelantan

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



Penulis bersama pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi mendapat maklumat berkaitan pembatik

# LAMPIRAN B

# PEMBAYARAN ZAKAT DALAM KALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK DI KOTA BHARU KELANTAN

## Soalan Temubual

- 1) Analisa jumlah zakat bagi 5 tahun pertama bermula 2004-2008.
- 2) Apakah sebab-sebab utama berlakunya kadar pembayaran zakat yang berbeza dari setahun kepada setahun.?
- 3) Apakah saluran utama yang digunakan oleh pengusaha batik untuk mengeluarkan zakatnya, samada ditadbir sendiri atau bayar kepada MAIK?
- 4) Sebab-sebab zakat ditadbir sendiri?
- 5) Apakah jenis asnaf yang diberikan zakat oleh pembatik?
- 6) Bagaimanakah cara pembatik menentukan jenis asnaf yang layak menerima zakat?
- 7) Bagaimanakah cara pengiraan zakat yang dibuat oleh pembatik?
- 8) Bagaimanakah sikap pembatik mengenai hukum wajib membayar zakat perniagaan?
- 9) Apakah kelulusan akademik pembatik?
- 10) Bagaimana kefahaman pembatik tentang zakat?
- 11) Apakah tujuan utama zakat ditadbir sendiri?
- 12) Bagaimanakah zakat dibayar?memenuhi syarat-syarat wajib zakat?
- 13) Apakah bentuk-bentuk zakat yang telah dikeluarkan?berbentuk duit atau barang?

14) Adakah pembatik membayar zakat mengikut kronologi atau syarat yang telah ditetapkan atau lebih memihak kepada sanak saudara?

15) Relevan atau tidak kadar zakat yang telah dikeluarkan oleh pembatik mengikut jumlah keuntungan yang telah diperolehinya?

16) Adakah pembatik mengeluarkan zakat mengikut standart harga barang sewaktu zakat hendak dikeluarkan?

17) Relevan atau tidak bentuk-bentuk zakat yang dikeluarkan mengikut keperluan mendesak masa kini?

18) Wajar atau tidak zakat perniagaan ditadbir sendiri oleh pembatik?

19) Adakah dengan cara mentadbir sendiri masalah kemiskinan dapat diatasi, ekonomi umat Islam dapat dipulihkan serta agama Islam dapat dimartabatkan.

20) Apakah sebab-sebab utama wujudnya ketidakpercayaan kepada MAIK?

21) Ceritakan biodata dan latarbelakang syarikat yang dimiliki pembatik?

22) Ceritakan pengalaman semasa menguruskan syarikat batik?





